

MUJADDID  
ISLAM  
USTAZ BEDIUZZAMAN  
SAID NURSI

disunting oleh  
**WAN JAFFREE WAN SULAIMAN**

## **IHLAS NUR NESRIYAT**

Neşreden: **IHLAS NUR - NEŞRIYAT**  
SANAYI TICARET Ltd. Şti.  
Sanayi Cad. Sanayi Han A Blok Kat.4 No:69  
Tel: 324 27 09 - 311 50 95 Fax: 309 13 05 Ulus /  
ANKARA

## **KANDUNGAN**

PENDAHULUAN .....	vii
BAB 1 - Kehidupan Awalnya .....	1
BAB 2 - Di Medan Perang .....	20
BAB 3 - Di Ankara .....	36
BAB 4 - 25 Tahun Dalam Buangan.....	55
BAB 5 — Di Bawah Pemerintahan Parti Demokrat .....	76
BAB 6 — Tahun-Tahun Akhir.....	90
BAB 7 — Kehebatan Sa‘id Nursi .....	96
BAB 8 - Selepas Sa‘id Nursi.....	104
BAB 9 - Kata-Kata Hikmat dan Karya Sa‘id Nursi.....	110
NOTA ..	115
Gambar-Gambar Kenangan.....	126

## PENDAHULUAN

Dengan berkat keredaan Allah s.w.t., maka usaha untuk mengumpul dan menyusun bahan tentang seorang lagi lokoh ulamak abad ketiga belas Hijrah atau abad kedua puluh Masihi telah terlaksana. Setakat mana berjayanya penyusunan ini terpulanglah pada para pembaca menilainya. Saya yang serba dhaif ini dapat melaksanakan tugas ini setakat kemampuan yang ada pada saya.

Pada akhir abad sembilan belas Masihi hingga pertengahan abad dua puluh Masihi, negara Turki melalui berbagai zaman pergolakan. Memang kita tidak dapat nafikan bahawa Ustaz Bediuzzaman Sa‘id Nursi terlibat dalam kesemua zaman pergolakan itu.

Oleh kerana beliau berpegang kuat pada peranan ulamak Islam yang sebenarnya iaitu pewaris para Nabi, maka sudah tentulah beliau juga menghadapi tentangan dari pewaris para Abu Jahal dan Abu Lahab. Musuh-musuhnya menyelar beliau sebagai Softa<sup>1</sup>; sebagai orang kolot dan ketinggalan zaman dan berbagai-bagai gelaran lain tetapi ketabahan dan keimanan Sa‘id Nursi tetap menampakkan cahayanya yang gemerlap. Pengaruh ikhlas Ustaz Sa‘id Nursi tetap berku-mandang di dalam ratusan ribu, bahkan jutaan jiwa rakyat Turki yang cintakan Islam.

Sememangnya Ustaz Sa‘id Nursi termasuk dalam golongan ulamak pewaris para Nabi kerana ulamak begini kerap digelar ta’asub, gila dan sebagainya. Hal ini adalah satu perkara yang sudah lumrah bagi sesiapa yang ingin menyertai golongan yang termulia ini.

Sudah tentulah ada di antara kita berpendapat bahawa Ustaz Sa‘id Nursi mempunyai kelamahan-kelemahannya seperti untuk menu-

sun satu gerakan Islam yang mempunyai pendirian politik yang tegas dan jejas seperti Ikhwan Muslimi atau Jamaati Islami. Ini tidak kita naOkan kerana kelemahan ini adalah natijah dari suasana yang terpaksa beliau hadapi. Perlu kita ingat bahawa sebahagian besar umur Ustaz Sa'id Nursi habis daim medan perang, dalam buangan, dalam mahka- rnah, dan daim penjara. Sudah tentulah sangat sedikit peluang yang tinggal untuk beiau berfikir tentang pentadbiran dan penyusunan yang rapi. Keinginan beliau untuk berbuat demikian memang ada tetapi peluang itu tak pernah tiba. Apabila sokongan dari berbagai peringkat masyarakat terhadap usaha beliau kian kemas, kita dapatilah beliau sudah tidak berupaya dan terlalu tua untuk memikir masalah penyusunan gerakan Islam yang rapi.

Kebolehan peribadi Ustaz Sa'id Nursi sangat sukar ditandingi oleh tokoh uiamak iain abad ini kerana beliau juga mempunyai pengetahuan tinggi daim berbagai cabang ilmu Sains.

Walau bagaimanapun, asas atau tapak jihad yang beiau telah sediakan itu merupakan akar yang boleh bercambah dan berkembang biak

Dalam menyusun buku ini, buku-buku berikut adalah menjadi rujukan saya;

- 1) 'Said Nursi' oleh Sarwat Saulat (rujukan utama);
- 2) 'Badee-uz-zaman Sa'id Noorsi of Turkey' - oleh Thalaba an-Nur.
- 3) 'Bediuzzaman's model for Islamic Revival' — satu makallah dalam majallah 'Al-Ittihad' oleh Suleyman Kurter dan O. Birge.
- 4) 'Sa'id Nursi and the Risala-i Nur: An Aspect of Islam in Contemporary Turkey' — satu makallah dalam buku 'Islamic Perspectives' oleh Hamid Aigar.
- 5) 'Ba-Jee-u-zaman Sa'id Nursi' — dalam buku 'Islam in Theory and Practice' oleh Maryam Jameelah.

Dimaklumkan edisi pertama buku ini telah diterbitkan pada 6 Ramadan 1403/18 Jun 1983 sebanyak 2,000 naskhah dan untuk edisi kedua ini saya amanahkan kepada Penerbitan Hizbi untuk menerbitkannya dengan lebih kemas dan menarik lagi, Insya'Allah.

Akhir kata, saya pohon ampun dan maaf atas kekurangan serta kesilapan yang terdapat dalam buku ini. Tidak lupa saya ucapkan *Jaiakamullahu khairan kathiran* kepada setiap individu Muslim yang terlibat dalam penerbitan ini. Semoga Aliah s.w.t. memberi kita taufiq dan hidayah dengan pembacaan buku ini dan menjadikan penerbitan ini sebagai amal saleh yang ben>anjagan dan juga mencucuri rahmat ke atas roh al-Ustaz Bediuzzaman Sa‘id al-Nursi *Rahimahullah*, Amin.

Wassaiam.

Penyusun  
Wan Jaffree Wan Sulaiman  
Alor Setar, Kedah

1 Muharram 1408/  
26 Ogos 1987



# 1

## KEHIDUPAN AWALNYA

### Latar Belakang Tempat Lahirnya

Turki Timor adalah kawasan Turki yang paling jarang dilawati oleh pelancong-pelancong. Walau bagaimanapun di segi sejarah dan keadaan alam, kawasan ini adalah salah satu kawasan yang paling menarik di Turki. Pemandangan dari Utara ke Selatan berbeza-beza. Utara kawasan ini subur menghijau. Selatan kawasan ini pula kering kontang. Di tengah kawasan ini pula didapati bukit-bukit yang curam dan kasar. Bukit-bukit tinggi, sungai-sungai salji (giasiar), padang- padang (rumput), air-air terjun, tasik-tasik dan kelompok-kelompok hutan terdapat di sana-sini. Penduduk-penduduk di sini kaya dengan adat resam dan kesusasteraan lama yang menambahkan lagi keindahan kawasan tersebut.

Walaupun banyak usaha pembangunan besar-besaran dijalankan pada separuh abad yang lalu, Timor Anatolia masih merupakan kawasan Turki yang paling mundur. Hali ini berlaku bukanlah kerana kelalaian di pihak Kerajaan Turki, tetapi adalah disebabkan keadaan alam kawasan itu sendiri. Kawasan ini adalah kawasan Turki yang paling berbukit sekali. Kalau kawasan Pamir di utara Pakistan digelar “bumbung dunia” maka Turki Timor ini digelar “bumbung Anatolia”. Di kawasan inilah terletaknya Bukit Ararat (dikenali di Turki dengan nama Agri Dag) iaitu bukit yang tertinggi sekali di Turki. Tingginya ialah 16,000 kaki. Bukit yang kedua tertinggi di Turki, iaitu Suphan Dag (tingginya ialah 13,000 kaki) terletak di kawasan ini juga. Ber- banding dengan bukit-bukit di Pakistan, bukit-bukit ini tidaklah begitu tinggi; tetapi, oleh kerana bukit-bukit ini berada di latitud (garis lintang) yang lebih sejuk, maka ia diselaputi salji sepanjang tahun. Terdapat banyak lagi bukit-bukit yang diselaputi salji walaupun di

musim panas. Di sekeliling bukit-bukit ini terdapat sungai-sungai salji (glasiar) mengalir. Bukit-bukit curam ini menjadi penghalang kepada kemajuan perhubungan di kawasan tersebut. Sebelum pemerintahan Parti Repablikan, kebanyakan bandar-bandar di Turki Timor sangat sukar didatangi pelawat-pelawat. Musim sejuk di kawasan ini panjang dan hebat. Penanaman boleh dilakukan dalam tempoh enam atau tujuh bulan apabila tidak ada salji yang menutupi bumi. Sebelah Selatan kawasan ini bersempadan dengan negara Syria. Di sini terletak sebahagian dari Tanah Datar Mesopotamia. Tanah Datar ini bermula di Urfa dan terus ke sempadan Mardin-Jizre. Bandar-bandar bersejarah seperti Urfa (nama kunonya ialah Harran), Jizre (nama kunonya ialah Jazirah Ibnu Omar), Mardin, Nusaibin dan Diyarbakir terdapat di Tanah Datar ini. Sungai-sungai penting di kawasan ini ialah Sungai Dajlah (Tigris) dan Sungai Furat (Euphrates). Di sini juga terdapat Tasik Van, yang merupakan keindahan alam yang mengagumkan di Turki Timor.

Sejarah Turki Timor bermula di zaman lampau. Ianya adalah salah satu tempat tertegaknya tamaddun manusia. Urfa dianggap sebagai salah sebuah bandar yang tertua di dunia. Pada tahun 2,600 sebelum Masehi, daerah Hakari telah didiami oleh orang-orang Sumeria. Daerah-daerah selatan kawasan ini menjadi sebahagian daripada kerajaan-kerajaan kuno orang Assiria (Assyria) dan orang-orang Babil. Dalam abad keenam sebelum Masehi, Turki Timor telah menjadi sebahagian dari Kerajaan Parsi. Selepas kejatuhan Kerajaan Achamenia di Parsi, Turki Timor telah dijajah berturut-turut oleh orang-orang Yunani (Greek), Rom dan Baizantin. Kemudian Turki Timor diperintah oleh orang-orang Arab pada kurun ketujuh Masehi. Ketika inilah bermulanya zaman Islam yang masih lagi berterusan sehingga kini. Ketika Saidina Omar Al Khattab memerintah, seluruh Turki Timor menjadi sebahagian dari dunia Islam. Oleh kerana kerajaan Turki Moden adalah sebuah kerajaan yang berpegang kuat pada fahaman Kebangsaan Turki dan sekular, maka sumbangan orang-orang Arab sejak lima ratus tahun mereka memerintah mendapat penghargaan yang amat sedikit. Dalam buku-buku panduan pelancong, banyak diterangkan tentang tamaddun-tamaddun Rom dan Baizantin serta tanda-tanda peninggalan mereka, akan tetapi kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh orang Arab dan tamaddun Islam hampir tidak diperkatakan langsung. Sebenarnya Turki Timor ini dipenuhi oleh kesan-kesan bersejarah zaman pemerintahan orang-orang Arab

yarig masih didapati di bandar-bandar Urfa, Mardin, Hisne Kayfa, Jizri, Nusaibin dan Diyarbakir. Kebudayaan orang-orang kawasan ini mempunyai pengaruh Arab yang kuat. Kesan-kesan pengaruh ini terdapat di merata tempat kawasan tersebut.

Sejama berabad-abad, Anatolia Timor menjadi sempadan antara kerajaan Islam dan kerajaan Baizantin. Banyak peperangan telah dilancarkan terhadap orang-orang Baizantin di kawasan ini atau pun melalui kawasan ini. Pemimpin-pemimpin Islam Arab telah mengetuai banyak serangan-serangan meialui pergunungan Taurus ke arah Istanbul. Kisah-kisah ini diabadikan dalam sastera lama Turki seperti "Destan Battal Ghazi". Terdapat banyak perkuburan yang dikatakan makam para sahabat Rasulullah S.A.W. oleh orang ramai di situ. Perkuburan ini sedang menanti masa untuk dikaji dan disiasat oleh ilmiawan- ilmiawan Islam. Sekiranya Anatolia dikatakan menjadi bumi Turki selepas peperangan Malazgard, maka bolehlah kita katakan bahawa Islamlah yang merintis jalan ke arah pencapaian tersebut.

Ulama' besar Ibnu Taimiyyah, ahli falak Al-Battani, ahli sejarah Ibnu Atsir beserta dua saudaranya yang merupakan ulama' juga dari banyak lagi ulama'-ulama' besar telah dilahirkan dan dikebumikan di kawasan ini ketika orang Arab memerintah.

Dalam tahun 1071 Masehi, peperangan Malazgard berlaku di Utara Tasik Van. Peristiwa ini mencipta satu lembaran baru dalam sejarah Turki. Sebelum peperangan ini, kawasan selatan negara Turki yang bersempadan dengan Syria dan Iraq diduduki oleh suku-suku Kurdi dan Arab. Kawasan lain pula diduduki oleh orang-orang Keristian. Selepas peperangan Malazgard, keseluruhan negara Turki pun bertukar menjadi bumi Islam. Walau bagaimanapun, dua puluh enam tahun selepas kemenangan ini, daerah selatan Turki Timor telah dicerobohi okeh tentera ^alib dan mereka pun menegakkan kerajaan Latin pertama di Urfa pada tahun 1098 Masehi. Turki Timor juga merupakan tempat kejayaan pertama orang-orang Islam menyerangi tentera Salib. Nuruddin Zanki mengusir tentera Salib dari Urfa dalam taliun 1146 Masehi. Berakhirlah Kerajaan Latin Urfa (Edessa) seiepas Uma puiuh tahun memerintah. Selama tiga ratus lima puiuh tahun, Turki Tiinor diperintah oleh kerajaan-kerajaan Ayyubiah, Monggol, Turki suku Akkoyunlu dan Turki suku Karakoyunlu la menjadi sebahagian dari kerajaan Safavid Iran dalam tempoh masa yang singkat. Dalam tahun 1514 Masehi, Sultan Turki Othmaniali yang bemarnp

Sultan Salim telah mengusir Bani Safavid Iran keluar dari Anatolia Timor dalam Perang Chaldiran dan Anatolia Timor pun menjadi sebahagian dari kerajaan Bani Othmaniah Turki. Semenjak tahun 1924 Masehi, ia menjadi sebahagian dari negara Repablik Turki.

Ketika lima puluh tahun pertama parti Repablikan memerintah, Anatolia Timor menerima perubahan-perubahan di segi kemasyarakatan dan ekonomi. Beribu-ribu batu jelanraya dibina. Pada awal abad kedua puluh ini, landasan keretapi antara Istanbul dan Baghdad telah dibina. Kini, hampir kesemua bandar-bandar besar Turki mempunyai perhubungan keretapi. Semenjak siapnya landasan keretapi antara Ankara dan Tehran, Anatolia Timor tidak lagi merupakan kawasan yang terpencil. Kini kemudahan perhubungan merintis jalan bagi pembangunannya. Semenjak lima puluh tahun yang lalu, penggalian minyak telah mencapai kemajuan yang meyakinkan. Anatolia Timor adalah kawasan yang menghasilkan minyak. Terdapat juga beberapa lombong yang menghasilkan galian-galian seperti besi, tembaga dan lain-lain. Ampangan terbesar di Turki iaitu Ampangan Keban telah disiapkan dalam tahun 1967. Walaupun keadaannya berbukit-bukau, pertanian masih juga mencapai kemajuan. Hal ini semua membawa kepada pertumbuhan bandar-bandar perusahaan di merata tempat di kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun pada akhir abad kesembilan belas, Anatolia Timor merupakan bahagian Turki yang paling mundur dan paling sukar didatangi. Ekonominya bergantung kepada hasil-hasil pertanian yang terhad. Pentemakan haiwan seperti lembu merupakan kejayaan utama penduduk-penduduk di situ. Penduduk di situ menjalani kehidupan yang sederhana dan bebas dari berpoya-poya. Di setengah bahagian kawasan ini, penduduknya hidup berpindah-randah. Kebanyakan penduduknya terbahagi kepada suku-suku dan perkelahian suku kerap kali juga berlaku, Kebanyakan penduduk Turki Timor adalah suku Turki. Akan tetapi, kebanyakan penduduk di kawasan Tenggara Turki yang bersempadan dengan Syria, Iraq dan Iran terdiri dari orang suku Kurd. Agama main peranan penting dalam mencorak kehidupan penduduk suku Turki dan Kurdi kawasan tersebut. Walaupun kawasan ini kekurangan sekolah-sekolah moden, akan tetapi ia juga tidak kekurangan di segi pendidikan agama dan guru-guru agama. Setiap masjid besar dan rumah orang alini bertindak sebagai sekolah agama.

Dalam tempoh empat ratus tahun pemerintahan Bani Othmaniah.

Anatolia Timor telah menghasilkan banyak ulama'-u'ama' dan ilmiawan-ilmiawan yang terkenal. Ahli fikir Ziya Gokalp (1876 — 1924), penyajak-penyajak Sulaiman Nazi (1870 — 1927) dan Faik Ali (1875 - 1950) serta Ibrahim Gulshani (pengasas tariqat Guishani dalam abad kelapan belas Masehi) dilahirkan di Diyarbakir. Nabi, (1642 — 1712), penyajak Bani Othmaniah terkenal, dilahirkan di Urfa. Wilayah Bitlis yang paling terpencil itu pun melahirkan banyak ulama'-ulama'. Tentang Bitlis, Auliya (Evliya) Chelbi, seorang pengembara terkenal Turki telah berkata, "Tiada satu tempat yang licin pun di sini yang membolehkan kita letak secawan kopi/" Pengarang riwayat hidup Badiuzzaman Said Nursi, iaitu Najmuddin Shahiner telah menyebut nama dua puluh orang ulama', ilmiawan dan ahli-ahli sufi yang berasal dari Bitlis (tempat lahir Said Nursi). Antaranya ialah Maulana Husamuddin Ali Bitlisi - iaitu pengasas tariqat aliran Nur Bakasyi dan juga pengarang beberapa buah buku termasuklah tafsir Al-Qur'an yang terdiri dari dua jilid; juga Idris Bitlisi (mati pada tahun 1520 Masehi), guru kepada Sultan Salim (1512 - 1520 Masehi) dan juga pengarang kitab "Hasht Behist" (yakni sebuah kitab sejarah dalam bentuk 80,000 baris sajak); dan Abul Fadhil Muhammad iaitu ahli sejarah dan juga anak Idris Bitlisi.

Beginilah suasana alam dan latar belakang sejarah tempat Badiuzzaman Said Nursi dilahirkan serta dibesarkan.

#### **"Badiuzzaman" Sa'id Nursi**

Wilayah<sup>\*2</sup> Bitlis terbahagi kepada lima daerah. Salah satu dari daerah tersebut ialah Hizan. Hizan pula terbahagi kepada dua mukim. Salah satu dari mukim tersebut ialah Isparit<sup>\*3</sup>. Said Nursi dilahirkan dalam sebuah keluarga Kurdi pada 1290 Hijrah (atau 1873<sup>\*4</sup> Masehi) di sebuah kampung bermama Nurs. Nurs ialah sebuah kampung dalam mukim Isparit. Ayahnya, Sufi Mirza mempunyai tujuh orang anak lelaki dan perempuan iaitu Durriyah Hanim<sup>\*5</sup>, Alimah Hanim<sup>\*6</sup>, Abdullah, Sa'id, Muhammad, Abdul Majid<sup>\*7</sup> dan Marjan. Nursi dalam namanya ialah nama kampung asalnya.

Ketika berumur di antara sembOan hingga sepuluh tahun, ia menerima pendidikan dari abangnya, Abdullah Nursi. Atas galakan abangnya, beliau meninggalkan kampungnya untuk melanjutkan pelajaran. Untuk tujuan ini dia telah melawati banyak pusat-pusat

pengajian yang berada dalam wilayahnya, yakni Bitlis dan juga pusat-pusat pengajian yang berada di seluruh Tenggara Turki. Beliau menerima pendidikan dari ulama'-ulama' terbaik kawasan tersebut. Kepintarannya yang luar biasa dan keupayaannya untuk menguasai ilmu tergambar ketika ia masih terlalu muda lagi. Hal ini membuat ia digemari oleh guru-guru dan rakan-rakannya. Di antara guru-gurunya ialah Mullah Muhammad Amin dari Kampung Tagh di mukim Isparta dan Syeikh Muhammad Jalali di Dogubayazid. Dalam masa yang singkat sahaja ia telah menghafal Al-Qur'an, menguasai Ilmu Fiqh, Ilmu Pidato, Ilmu Lojik dan Mmu Tauhid. Ia mempunyai daya ingatan yang luar biasa sehingga dapat menghafal sebahagian besar dari kitab "Al-Muhit" iaitu sebuah kamus Arab yang terkenal. Di samping itu ia juga dapat menghafal kitab "Jami-ul-Jawami", dan beberapa kitab lain berkenaan Ilmu Fiqh dan Ilmu Tauhid. Lantaran itu ia pun menjadi seorang yang bijak dalam Ilmu Al-Qura'an dan perundangan Islam ketika berusia enam belas tahun. Kecerdikan dan kemampuannya yang luar biasa ini telah menimbulkan rasa cemburu setengah ulama' di kawasan tersebut.

Berikutnya itu, Sa'id Nursi pun terpaksa berhadapan dengan ulama'-ulama' tadi di dalam beberapa perbahasan ilmiah. Sa'id Nursi berjaya mengalahkan mereka di dalam kesemua perbahasan-perbahasan tersebut. Selepas salah satu perbahasan di Siirt, beliau menjadi begitu terkenal sekali sehingga orangramai menggelarnya "Sa'id Masyur" (Sa'id Terkenal). Kerana Sa'id Nursi memiliki ilmu yang luas dan kecerdasan otak yang luar biasa, maka, selepas salah satu perbahasan besar, ulama'-ulama' besar Turki pun memberi gelaran "Badiuzzaman" (Keunggulan Zaman) kepadanya. Ketika itu ia masih berusia enam belas tahun. Gelaran ini kemudiannya menjadi sebahagian dari namanya. Sa'id Nursi sendiri menggantikan gelaran tersebut dalam tulisan-tulisannya. Ia berkata bahawa ia menggunakan gelaran tersebut bukan sebagai satu sanjungan, akan tetapi sebagai menggambarkan perbezaannya dari orang lain di segi gaya, adat resam dan tingkah laku.

Sa'id Nursi adalah seorang lelaki yang berbadan tegap dan sihat. Ia seorang yang bersemangat tinggi dan berani. Ia juga seorang penunggang kuda yang cekap serta penembak yang baik. Ia menghadapi sesiapa yang merintangi jalannya dengan keberanian, kesabaran dan ketahanan. Kehidupan dan makanannya sangat sederhana. Seketul roti dan semangkuk sup sudah cukup baginya. Ia gemar memakai pakaian

kebangsaan suku Kurdi serta kepalanya berserban. Kasutnya ialah jenis boot yang tinggi darr sebilah pisau tersisip di pinggangnya. Ketidupannya juga mempunyai pengaruh sufi. Guru-guru sufi yang pernah beliau dampingi ialah Syed Noor Muhammad (Tariqat Qadirriyyah), Syeikh Kufrawi (Tariqat Naqsyabandi) dan Syeikh Fahim (Tariqat Naqsyabandi). Di antara peraturan sufi yang dijalannya ialah teijun ke dalam air sejuk ketika musim sejuk dan merantau berhari-hari di bukit-bukit Anatolia yang bersalji itu dengan berbekalkan beberapa cebis roti sahaja. Katanya, hal ini menguatkan lagi keyakinannya. Ia juga suka bersuni-suni pada masa-masa tertentu kerana beribadat dan berdoa. Beliau ingin melihat semua orang Islam patuh kepada Islam. Apabila dilihatnya ada orang Islam yang melanggar undang-undang Islam, ia akan cuba sedaya upaya memperbaiki orang tersebut. Terdapat banyak kisah keberaniannya ketika menjalankan tugas ini walaupun di hadapan gabenor yang degil dan pemabuk.

Pernah suatu ketika, Sa'id Nursi bermimpi berjumpa dangan Syeikh Abdul Qadir Jilani. Syeikh Abdul Qadir menyuruhnya menyeru Mustafa Pasha, seorang ketua suku supaya kembali patuh pada Syari'ah, menunaikan sembahyang dan meninggalkan tindakan-tindakannya yang bertentangan dengan Islam. Ia seterusnya pergi berjumpa Mustafa Pasha di khemahnya dan menjalankan arahan tadi dengan jayanya.

Pada tahun 1892 Maschi, Ustaz Sa'id Nursi pun kembali ke Bitlis. Selepas dua tahun di Bitlis, ia pun pergi ke Van atas jemputan Hassan Pasha, gabenor Van. Hassan Pasha memintanya menyeru suku-suku di wilayahnya supaya kembali patuh pada undang-undang Islam. Beliau tinggal di Van selama lima belas tahun di bawah naungan Hassan Pasha dan kemudian Tahir Pasha yang menggantikan Hassan Pasha sebagai Gabenor Van. Ketika di Van, beliau menghabiskan masanya mengajar, berda'awah dan membawa perubahan-perubahan pada masyarakat di situ. Beliau juga menyelesaikan banyak perteิงkahuan suku-suku di situ dan membantu menegakkan kedaulatan kerajaan Turki di tempat-tempat tersebut dengan memujuk ketua-ketua suku supaya mengiktiraf kerajaan Turki.

Ketika di Van juga beliau berpeluang mengkaji Sains Moden, Beliau mengkaji semua buku-buku berkaitan dengan Sejarah, Ilmu Alam, Ilmu Hisab, Fizik, Ilmu Falsafah, Kajihayat dan Ilmu Kajibumi. Kerana kekuatan ingatannya yang luar biasa itu, maka dalam

tempoh yang singkat beliau dapat menguasai kesemua ilmu-ilmu ini. Beiiau juga pernah menulis sebuah buku A'ijibra yang malangnya terbakar dalam satu kemalangan.

Setelah mengenali Ilmu Sains Moden, beliau pun membuat kesimpulan bahawa corak pendidikan lama (tradisi) dan corak pendidikan moden yang sekular (yang diperkenalkan waktu zaman Tanzimat di Turki) tidak mampu menghilangkan keraguan-keraguan yang diletakkan kepada Islam. Oleh itu ia mencadangkan ilmu-ilmu agama diajar di sekolah-sekolah moden dan mata pelajaran Sains moden diajar di sekolah-sekolah agama. Katanya, "Dengan cara ini, penuntut- penuntut sekolah moden (sekular) dilindungi dari kekufuran dan penuntut-penuntut sekolah agama pula terpelihara sikap taasub." Sa'id Nursi sedar akan usaha-usaha yang sedang dibuat oleh Mufti Muhammad Abdur (1849 — 1905) untuk membawa perubahan kepada corak pendidikan di Universiti Al Azhar, Mesir. Sebagai langkah pertama ke arah tujuan ini, Said Nursi bercadang hendak menegakkan sebuah Universiti baru di Turki Timor. Beliau bercadang hendak mengambil Universiti Al Azhar, Mesir, sebagai contoh. Beliau telah melawat Istanbul dua kali kerana hendak melaksanakan cita-citanya itu. Yang pertama ialah dalam tahun 1896 dan yang kedua dalam tahun 1907. Dalam lawatan pertama, beliau tinggal di Istanbul selama setahun setengah. Lawatan yang pertama ini tidak mendatangkan apa- apa hasil dan beliau pun kembali ke Van. Ia melakukan lawatan kedua ke Istanbul pada bulan November, 1907. Kali ini ia berada di Istanbul sejama 216. tahun. Ia tinggal di sebuah bangunan bernama Syarkaji Han di Malta Carshi - sebuah tempat berdekatan dengan Masjid Fatih. Dalam lawatannya kali ini, ia berpeluang berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid Kedua (1876 — 1908). Dalam perbualannya dengan Sultan, Sa'id Nursi menekankan betapa pentingnya sebuah Universiti 'dibina Di Turki Timor. Ia memberitahu Sultan bahawa dalam Islam, tidak ada tempat bagi kekejaman atau kezaliman bertapak dan peranan jseseorang Khalifah bukan terhad setakat memimpin sembahyang Juma'at saja, bahkan peranan ini mestilah diperkuat dan diperluas sehingga ianya merangkumi semua hal ehwal umat Islam di seluruh dunia. Berkaitan dengan hal ini, beliau pun menyentuh tentang seorang pengembala dan penda'awah Islam Turkistan yang terkenal bemama Abdur-Rashid Ibrahim<sup>\*8</sup>. Abdur Rashid telah memohon bantuan Sultan untuk menjalankan kerja-keija da'awah Islamiah di negeri China dan Timor Jauh. Sa'id Nursi juga berkata bahawa jika permohonan Abdur Rashid ini tidak dilayan, maka perbuatan tersebut adalah satu

dosa besar. Ketika ia berbual dengan Sultan, Sa'id Nursi telah menggunakan bahasa yang begitu tajam sehingga mengakibat beliau dibicarakan di Mahkamah Tentera. Ketika perbicaraan, beliau mengeluarkan pendapatnya tanpa ragu-ragu atau takut. Oleh kerana terkejut dengan sikapnya ini, para hakim mahkamah tentera di Yaldiz Saray pun menghantar Badiuzzaman Sa'id Nursi ke rumah sakit otak. Setelah memeriksa Sa'id Nursi, doktor yang bertugas pun melapurkan, "Andainya Badiuzzaman Sa'id Nursi ini gila, maka di seluruh dunia ini tidak akan ada orang-orang yang siuman". Sa'id Nursi kemudian dibebaskan.

Syeikhul Islam Jamaluddin yang ada bersama ketika Sa'id Nursi berbual dengan Sultan berkata bahawa beliau belum pernah melihat seorang manusia bercakap dihadapan Sultan dengan gaya yang begitu berani sekali. Tidak lama selepas itu, Sultan cuba memberi elaun wang kepada Badiuzzaman Sa'id Nursi tetapi ia enggan menerimanya. Ia berkata bahawa ia datang ke Istanbul bukan kerana hendakkan keuntungan kewangan. Menurutnya, elaun tersebut adalah sebagai rasuah agar ia berdiam diri. Di Istanbul, beliau juga berpeluang untuk berbincang dengan Rektur Universiti Al Azhar, Syeikh Bakhit (Baheed) dan dengan Karasu, seorang ahli Ittihadi Wa Taraqqi yang berbangsa Yahudi. Karasu juga adalah pemimpin utama Freemason daerah Salonica.

Ketika ini Turki sedang melalui detik-detik yang sangat genting dan mencemaskan. Angkatan belia Turki didalam Parti Perpaduan dan Kemajuan sedang giat menentang Sultan Abdul Hamid II yang telah menggantung perlumbaan Turki tahun 1876. Akhirnya, usaha mereka ini berjaya apabila Sultan menarik balik penggantungan perlumbaan pada 20 haribulan Julai, 1908. Hal ini membuka jalan kepada demokrasi dan beberapa parti politik pun muncul. Sekarang mari kita lihat pendirian Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi dalam keadaan-keadaan yang berubah ini.

Selama ini Ustaz Sa'id Nursi telah menjauhkan dirinya dari terlibat secara langsung dalam politik. Kejanya yang utama waktu itu ialah menyampaikan da'awah Islam dan mendidik menurut garisan yang sebenarnya. Sekarang, setelah demokrasi tertegak, beliau pun merasa layak untuk menggunakan kuasa politik yang bam ini bagi menegakkan kerajaan Islam yang tulin. Untuk memenuhi tujuan ini, ia

pun memasuki gelanggang politik buat pertama kalinya. Memandang dari sudut demokrasi, ia tidak menentang Parti Perpaduan dan Kemajuan (Ittihad Wa Taraqqi). Akan tetapi, parti ini terdiri dari anasir-anasir yang tidak menyenangkan. Parti ini terdiri dari orang-orang berfahaman Islam, Atheis, Sekular dan Moden. Tujuan mereka semua hanyalah untuk menggulingkan Sultan Abdul Hamid II. Oleh kerana banyak diantara barisan pimpinan mereka terdiri dari orang-orang yang dibesarkan dibawah pendidikan bercorak Barat, maka mereka ini tidak mempunyai tanggapan langsung tentang corak politik Islam atau pun Revolusi Islam. Kesemua mereka, kecuali segelintir saja, inginkan perubahan kepada corak barat secara menyeluruh. Perubahan beginilah yang ditentang hebat oleh Ustaz Sa'id Nursi. Beliau menentang sebarang corak kekejaman atau kezaliman dan ia adalah penyokong pemerintahan Islam. Ia ingin menegakkan sebuah kerajaan berperlembagaan yang berlandaskan Islam. Ia menjelaskan pendiriannya ini di dalam syarahan-syarahannya di Salonika, Istanbul dan banyak lagi tempat-tempat lain. Ia juga menulis di dalam akhbar-akhbar untuk menjelaskan pendiriannya tadi. Dalam salah satu makallah-makallahnya, ia menjelaskan bahawa ia tidak berselisih-faham dengan pemimpin-pemimpin Parti Perpaduan dan Kemajuan (Ittihadi wa Taraqqi) seperti Niazi Bey, Anwar Pasha dan Sa'id Halim Pasha. Walau bagaimanapun, ia menambah bahawa pemimpin-pemimpin Parti itu yang lain telah menyeleweng dan merosot. Apabila Husain Jahid Yalchin, seorang penyunting akhbar 'Tanim', dan juga seorang penyokong kuat dasar sekularisme mengatakan bahawa Islam perlu diubah sebagaimana agama Keristian diubah selepas zaman perubahan (renaissance) Eropah dulu, maka Ustaz Sa'id Nursi membantah dengan hebatnya. Sebenarnya pada peringkat ini, sebuah parti yang berlandaskan dasar-dasar Islam sangat-sangat diperlukan di Turki. Pada Shb. April, 1909, beberapa pihak dari kalangan agama di bawah pimpinan Dervish Vehdati, tuan-puanya majallah 'Volkan Gazet', telah menubuhkan sebuah parti Islam bermama 'Ittihadi Muhammadi'. Sa'id Nursi mengalu-alukan penubuhan parti tersebut. Sebenarnya ia turut hadir dalam satu perjumpaan umum yang diadakan untuk menubuh Parti Ittihadi Muhammadi. Malangnya, tidak berapa lama selepas penubuhan Ittihadi Muhammadi, satu peristiwa sedih telah berlaku pada 13hb. April, 1909. Askar-askar dari pasukan tentera pertama telah memberontak menentang kerajaan parti Perpaduan dan Kemajuan. Mereka menggesa agar undang-undang Islam dikuatkuasakan. Banyak penulisan telah diterbitkan berkenaan sebab berlakunya peristiwa tersebut. Walau bagaimanapun sebab

yang sebenar masih tidak diketahui orang. Ahmad Rafik, seorang ahli sejarah telah menulis dalam bukunya yang bertajuk: “Abdul Hamid dan pemerintahannya”, bahawa pemberontakan tersebut telah disusun oleh penentang-penentang Ittihadi Wa Taraqqi (Parti Perpaduan dan Kemajuan) dengan tujuan hendak menggulingkan kerajaan. Mereka yang terlibat dalam pemberontakan tersebut ialah Dr. Riza Nur<sup>9</sup>, pemimpin Parti Liberal (Parti Bebas), Muhammad Murad Mizanchi<sup>10</sup>, bekas anggota Ttihadi Wa Taraqqi’ dan juga beberapa orang anggota Ittihadi Muhammadi, termasuklah Dervish Yehdati<sup>11</sup>. Ada juga lapuran yang mengatakan bahawa beberapa orang anggota Ittihadi wa Taraqqi pun terlibat kerana mereka hendak mencipta alasan untuk menggulingkan. Sultan Abdul Hamid Kedua dari takhtanya. Dalam peristiwa ini, Ustaz Sa’id Nursi tidak terlibat langsung. Sebaliknya ia cuba menahan Dervish Vehdati dari mengambil langkah tersebut dengan membuat syaranan-syaranan dan menulis makallah-makallah yang mengharukan. Ustaz Sa’id Nursi telah berusaha sedaya-upayanya untuk menyekat pemberontakan tersebut. Pemberontakan tersebut telah dipatahkan dengan mudah oleh ‘Harikat Urdusu’ (Tentera Bertindak) di bawah pimpinan Mahmud Shaukat Pasha pada 24hb. April, 1909 dan undang-undang tentera pun diistiharkan di Istanbul. Ittihadi Muhammadi pun diharamkan. Sultan Abdul Hamid Kedua yang tidak terlibat langsung dalam pemberontakan tersebut telah digulingkan pada 27hb. April, 1909. Setelah dibicarakan di mahkamah tentera, Dervish Vehdati bersama-sama dengan orang-orangnya telah dihukum gantung. Ustaz Sa’id Nursi juga telah ditahan dan dituduh cuba menegakkan kerajaan yang berlandaskan undang-undang Islam. Ketika mempertahankan dirinya dalam mahkamah tentera, ia mengaku bahawa ia sedang bejuang untuk menegakkan undang-undang Islam, akan tetapi beliau menafikan tuduhan terlibat dalam pemberontakan tersebut. Setelah tidak ada bukti didapati yang menunjukkan peng-libatan Sa’id Nursi dalam pemberontakan tersebut, Mahkamah Tentera pun membebaskannya.

Kenyataannya dalam perbicaraan tersebut mengisi sepuluh helai kertas ‘foolscap’. Berikut ialah ringkasan kenyataan tersebut:

Selepas menjatuhkan hukuman bunuh terhadap 19 orang rakan-rakannya, hakim Khurshid Pasha pun berpaling kepada Ustaz Sa’id Nursi dan bertanya, “Adakah awak juga ingin undang-undang Islam dilaksanakan?” Ustaz Sa’id Nursi pun menjawab:

“Jika saya dikumiakan seribu jiwa, saya akan mengorbankan kesemuanya untuk menegakkan undang-undang Islam, Undang-undang ini adalah sumber kebahagiaan, keadilan dan kebaikan yang sebenarnya (haqqi). Saya adalah pengikut Al-Quran dan saya menilai semua perkara menurut undang-undang Islam. Keraayatan kami ialah Islam dan segala masaalah, kami pertimbangkan menurut kaca mata Islam. Saya tidak dapat menerima segala perkara yang bertentangan dengan Islam. Sebenarnya, saya sedang menunggu kenderaan yang akan membawa saya ke alam berzakh. Dengan demikian barulah terdedah kebenaran yang sedang bersemadi dalam sanubari saya ini sebagaimana yang termaktub dalam Al-Quran:

## AJILJI) JJljJj1 |

maksudnya: Pada hari dinampakkan segala rahsia.

Saya sangat kepingin untuk mengembara ke dunia lain bersama-sama rakan-rakan saya yang telah terlepas dari kekejaman awak melalui tali gantung. Saya sangat rindu hendak melihat akhirat seumpama rindunya seorang penduduk desa yang selama ini hanya mendengar saja tentang kecantikan, kemewahan dan kehebatan bandaraya Istanbul, akan tetapi tidak dapat melihatnya. Tidak menjadi kesukaran bagi saya andainya saya dipaksa oleh awak menjalani kehidupan dalam buangan. Jika awak mampu, sila buktikan kesalahan saya ini. Menurut perhitungan saya, saya ini tidak bersalah. Tidak ada penderitaan dalam hati saya ini melainkan rasa gembira saja. Saya telah bersuara tentang keadaan manusia yang kian merosot bukan saja pada awak, bahkan pada seluruh manusia yang sememangnya akan melalui alam barzakh juga akhimya.

Kerajaan yang kejam adaiah musuh kemajuan. Tetapi kerajaan kini adalah musuh kehidupan itu sendiri. Andainya hal ini berterusan, maka akan berpanjanganlah kekacauan, kekejaman dan neraka yang dibikin oleh mereka itu sendiri.

Selama ini saya sedang mencari jalan bagaimana hendak menyuarakan **pendapat** saya dan kini saya telah menjumpai jalannya. Iaitu melalui Mahkamah Tentera.

Awak bertanya samaada saya mempunyai hubungan dengan Ittihadi Muhammadi atau tidak. Ya, dengan bangganya saya meng- istiharkan bahawa saya adalah tenaga penggerak pertubuhan yang agung itu. Sekarang saya akan memberi penjelasan tentang Ittihadi Muhammadi. Ianya adalah satu bulatan besar yang merangkumi utara dan selatan serta timur dan barat. Keahliannya terdiri dari 300 juta orang Islam. Perpaduannya berlandaskan keimanan terhadap Allah yang Esa (satu). Wasilahnya ialah beriman kepada Islam. Semua orang yang beriman kepada Islam adalah ahli-ahlinya. Semua buku-buku Islam adalah lidah resminya. Semua akhbar-akhbar yang bertujuan menegakkan kalimah Allah adalah akhbar-akhbarnya. Semua mesjid- mesjid, sekolah-sekolah agama dan tempat-tempat lain yang merupakan tempat orang berzikir mengingati AUah adalah kelab-kelabnya. Ibu kotanya ialah tanah haram Mekah dan Madinah.

Kami menurut ajaran-ajaran Rasulullah S.A.W. dan menentang nafsu diri sendiri. Kami ingin menghidupkan Sunnah Rasulullah S.A.W. Kami ingin menunjuk rasa kasih sayang dan memberi nasihat-nasihat yang baik kepada orang lain. Kami ingin menyekat kemunculan sebarang bentuk kejahatan. Sunnah Rasulullah S.A.W. menjadi peraturan bagi Ittihadi Muhammadi. Peraturan SyarTah menjadi landasannya. Ittihadi Muhammadi menggunakan hujjah-hujjah yang bijaksana dalam menyakinkan orang lain dan bukannya dengan paksaan. Kebenaran boleh disampaikan dengan kasih sayang. Ia menentang sebarang corak kekejaman. Tujuan kami ialah untuk mene- gakkan kahmah Allah. 90% daripadanya menyentuh adab, ibadah dan amalan \*solleh. Hanya 1% sahaja berkenaan dengan politik yang perlu dipertimbangkan oleh para pentadbir. Kami ingin membawa semua orang kepada kesempumaan. Salah satu daripada cara untuk menghapuskan kejihilan dan kemiskinan iaiah dengan kemajuan kebendaan.

Kekejaman adalah bertentangan dengan Syari'at dan perlem- bagaan membawa keadilan. Saya inginkan perlombagaan Islam. Rasulullah S.A.W. pemah bersabda:

'Ketua sebuah negara ialah khadam kepada negara tersebut.

Selagi seseorang raja itu menuruti Sunnah Rasulullah A.A.W., maka ia adalah khalifah kami dan kami akan menjalankan arahan-araliannya. Kalau raja.tadi bertindak sebaliknya. ia adalah perompak.”

Ia juga menerangkan pendapatnya tentang ‘Darul Islam’. Katanya, “Pendapat saya tentang Darul Islam adalah sama dengan pendapat Jamaluddin al Afghani, Mufti Muhammad Abduh, Ali Suavi, Hoja Tahsin, Namik Kamal dan Sultan Salim yang pertama.”

Badiuzzaman Sa’id Nursi juga memberitahu mahkamah bahawa ia tidak terlibat dalam pemberontakan tersebut. Sebaliknya ia sendiri cuba menahan pemberontakan tersebut dari berlaku.

Kenyataannya di mahkamah telah diterbitkan dalam akhbar- akhbar dan dibaca dengan penuh minat oleh ra’ayat seluruh negara. Beribu-ribu orang telah membanjiri mahkamah kerana hendak menyaksikan perbicaraan Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi. Di akhir perbicaraan tersebut, Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi didapati tidak bersalah dan ia pun dibebaskan. Ketika dibebaskan, ia tidak langsung menyatakan terima kasihnya pada mahkamah. Ia berkata: “Pergi jahanamlah penindas-penindas dan orang-orang kejam”.

Seiropas dibebaskan, beliau pun meninggalkan Istanbul pada pertengahan tahun 1910 untuk kembali ke Van melalui Inebolu, Tiilis dan Batum. Dalam perjalanan, beliau singgah di Tiflis kerana hendak melihat suasana bandaraya tersebut. Untuk tujuan ini beliau telah memilih Bukit Syeikh Saffan. Beliau memanjat bukit tersebut dan untuk seketika, merandang ke arah bumi yang di bawah jajahan Russia. Seorang pegawai polis Russia pun menghampirinya dan bertanya: “Mengapakah awak memerhati tempat ini dengan begitu teliti sekali?”

Badiuzzaman berkata : “Saya sedang merancang pembinaan madrasah saya”.

Pegawai polis Russia : “Dari mana awak datang?”

Badiuzzaman : “Saya datang dari Bitlis”.

- Pegawai polis Russia : “Tempat ini ialah Tiflis dan bukannya Bitlis.”
- Badiuzzaman                             “Bitlis dan Tiflis bersaudara antara satu sama lain.”
- Pegawai polis Russia                     “Apa maksud awak?”
- Badiuzzaman                             “Tiga lampu Islam sedang bemyala di benua Asia ini. Dalam negara awak pula, tiga bentuk kekejaman sedang wujud. Keadaan ini akan dipulihkan dan setelah itu barulah saya akan membina madrasah saya di sini ”
- Pegawai polis Russia                     : “Harapan awak itu terlalu jauh dan menghairankan saya.”
- Badiuzzaman                             : “Saya juga sangat hairan dengan sangkaan awak. Adakah awak fikir bahawa musim sejuk ini tidak akan berakhir? Setiap musim sejuk diikuti oleh masim bunga dan setiap malam akan diikuti oleh siang.”
- Pegawai polis Russia                     : “Akan tetapi orang-orang Islam telah berpecah-belah.”
- Badiuzzaman                             : “Orang-orang Islam sedang mendidik diri mereka. Kanak-kanak Isiam India mempunyai keupayaan. Kanak-kanak Islam India menjadi penuntut di sekolah-sekolah British. Kanak- kanak Islam Mesir sedang mengambil kursus Sains Politik dari sekolah-sekolah British. Kanak-kanak Islam Kaukasus dan Turkistan yang berani itu sedang menerima latihan ketenteraan di sekolah-sekolah tentera Russia. Lama kelamaan mereka ini akan menerima sijil mereka dan setiap orang dari mereka akan menguasai benua-benua yang berlainan. Mereka ini akan menyibarkan panji-panji Islam di seluruh dunia yang bertamaddun ini. Kanak- kanak Islam inilah yang akan memperjelaskan

hikmah Allah s.w.t. yang berada di sebalik tujuan manusia diciptakan.”

Selepas ia sampai ke Van, ia mula menyeru suku\*suku di sana tentang akhlak dan Ilmu Islam. Ketika inilah ia menghabiskan bukunya bertajuk “Munazarat”.

Ketika ini juga beliau telah membuat satu lawatan singkat ke Diyarbakir. Di Diyarbakir, ia menemui Ziya Gokalp<sup>\*12</sup>, seorang ahli fikir Turki terkenal yang berfahaman kebangsaan. Dalam perbualannya dengan Ziya Gokalp, Ustaz Sa'id Nursi telah mengecam teori Kizil Elma \*<sup>13</sup> (epal merah) Ziya Gokalp dan juga fahaman kebangsaan Turki. Beliau berkata bahawa Kizil Eima ini hanyalah satu khayalan dan ia tidak akan menukar Kizil Elma ini walaupun dengan sebiji bawang.

Pada awal tahun 1911, Ustaz Sa'id Nursi telah melawat Syria. Di Damsyik, beliau telah dijumput oleh ulama^ulama' di sana supaya menyampaikan sebuah syarahan di Mesjid Umayyad yang bersejarah itu. Syarahannya yang terkenal itu telah diterbitkan dalam bahasa Arab dengan tajuk “Al-Khutbatsh-Syamiyah” (Syarahan di Syria). Syarahan ini kemudiannya ditejemahkan ke bahasa Turki. Berikut ialah petikan daripada syarahannya di Damsyik itu:

“Walau pun saya juga belajar di sekolah masyarakat manusia hari ini, saya dapati orang-orang Islam mundur dari segi kebendaan berbanding dengan orang Eropah. Hal ini berpunca dari enam perkara:

1. merebaknya sikap putus asa (kecewa).
2. tidak adanya keikhlasan dalam kehidupan masyarakat.
3. wujudnya sikap permusuhan.
4. tidak adanya hubungan persaudaraan (ukhwah) di kalangan umat Islam di seluruh dunia.
5. berleluasanya berbagai bentuk sifat penting diri sendiri.

6. wujudnya kezaliman.

Sekarang saya akan cuba mengubati ke enam penyakit iii dengan berpandukan gedung ubat yang bermama Al-Quran.

Al-amal ialah dengan meletakkan sepenuh harapan kepada rahmat Allah. Saya akan menghurai tanda-tanda kemunculan kebahgiaan dunia. Dunia Islam, lebih-lebih lagi orang-orang Turki dan Arab sedang mula bangun menentang segala bentuk rintangan. Saya hendak mem- beritahu seluruh dunia bahawa masa depan dunia adalah untuk Islam. Kebenaran Al-Quran dan Iman akan tertegak.

Jika kita benar-benar melaksanakan akhlaq dan keimanan Islam, pengikut-penganut agama lain akan berpusu-pusu memeluk Islam. Insyaallah, beberapa benua dan negara mungkin bemaung di bawah Islam.

Kita adalah murid-murid **Al-Qur#n**. Kita berpendapat bahawa seseorang itu perlu yakinkan kebenaran iman dengan aqal fikiran dan hati, dan bukannya secara membuta-tuli saja seperti pengikut-pengikut agama lain. Peraturan Al-Quran memang sesuai dengan aqal fikiran manusia. Di masa depan, Al-Quranlah panduan utama bagi aqal, ilmu dan sains. Pada waktunya, semua perkara yang menyekat cahaya Islam dari menerangi hidup manusia akan terhapus selama-lamanya.

Wahai saudara-saudara yang berada dalam masjid Umayyad ini, ingatlah bahawa di masa hadapan, Islamlah yang akan terletak di tempat paling utama di segi akhlaq dan kebendaan. Islamlah yang akan memimpin manusia kepada kebahgiaan ruhani dan duniawi.

Ya, pada masa dahulu kekerasan dan kedegilan musuh dapat dipatahkan dan serangan-serangan mereka dapat ditangkis oleh meriam dan pedang, akan tetapi di masa hadapan, mereka akan ditewaskan. oleh pedang akhlaq dan kebenaran bersama-sama kemajuan duniawi yang kita capai.

Tamaddun Asia akan menggantikan tamaddun Eropah kerana tamaddun Eropah berlandaskan nafsu jahat, penindasan dan saingan. Tamaddun Eropah tidak berlandaskan petunjuk Illahi. Dalam tamaddun

Eropah, kejahanan mengatasi kebaikan. Tamaddun Eropah sedang reput. Lantaran itu, tamaddun Asia akan mengatasi tamaddun Eropah.

Bagaimanakah orang-orang Islam telah jatuh ke taraf yang mengecewakan sedangkan Islam mempunyai banyak cara-cara yang kukuh bagi mencapai peningkatan ruhani dan kebendaan?

Mungkin tuan-tuan semua menyangka bahawa dunia hanya untuk kemajuan orang-orang kafir dan bukannya untuk kemajuan orang- orang Islam. Keinginan untuk maju itu memang sudah ditanam di dalam diri umat manusia. Sikap ini akan hilang andainya berlaku satu malapetaka yang hebat. Insyaallah, Kita menaruh harapan bahawa dunia Islam akan mencapai kemajuan duniawi sebagai menebus kesalahan-kesalahan manusia terdahulu. Kita juga berharap dapat menegakkan tamaddun yang sebenar-benar tamaddun dan membawa keamanan pada dunia dengan cahaya kebenaran Islam.”

Dari Damsyik, Ustaz Sa’id Nursi pergi ke Beirut dan ia kembali ke Istanbul melalui jalan laut pada bulan Jun, 1911. Ketika ini, Sultan Muhammad Rashad<sup>\*14</sup>, iaitu Sultan Turki yang baru sedang mengadakan lawatan tiga minggu ke Rumelia. Rumelia ialah kawasan Eropah yang di bawah kekuasaan Turki. Dalam lawatan ini, Ustaz Sa’id Nursi mengiringi Sultan setelah Sultan sendiri menjemputnya. Ustaz Sa’id Nursi bersama rombongan di raja ini berangkat di atas kapal perang ‘Barbarosa’ dan mereka sampai ke Salonika pada 7hb. Jun, 1911. Pada 11hb. Jun, 1911, rombongan tersebut telah sampai ke Uskup (atau Skopje), sebuah bandaraya bersejarah, yang juga merupakan ibukota wilayah Kosova. Ustaz Sa’id Nursi berada di samping Sultan ketika tabik kehormatan diberikan kepada baginda di Uskup. Pada 16hb. Jun, 1911, Sultan Muhammad Rashad, Ustaz Sa’id Nursi dan beribu-ribu orang Islam yang lain menunaikan sembahyang Jumaat di medan perang Kosova yang bersejarah itu. Di medan perang inilah Sultan Murad yang kedua telah syahid dibunuh oleh seorang pembunuh berbangsa Serbia setelah baginda berjaya mengalahkan tentera salib dalam tahun 1389. Sebenarnya sebuah Universiti sedang ditegakkan di Kosova pada waktu itu. Pada ketika inilah Ustaz Sa’id Nursi mengambil peluang mencadangkan kepada Sultan dan pemimpin-pemimpin Ittihadi wa Taraqqi tentang betapa perlunya dibina sebuah Universiti di Turki Timor.

Mereka pun setuju dengan cadangannya untuk menubuhkan sebuah Universiti di Turki Timor. Apabila Kosova jatuh ke tangan musuh di waktu Perang Balkan, peruntukan sejumlah 19,000 lira yang disediakan bagi penubuhan Universiti Kosova telah dipindahkan kepada penubuhan Universiti Turki Timor atas permintaan Ustaz Sa'id Nursi sendiri. Badiuzzaman. Sa'id Nursi pun pergi ke Van dan dikatakan bahawa beliau sendiri yang meletakkan batu asas Universiti tersebut di tebing Tasik Van. Malangnya, sebelum pembinaan dapat dimulakan, peperangan Dunia Pertama meletus dan terbengkalailah rancangan tersebut. Walau bagaimanapun, impiannya terlaksana juga apabila Universiti Ereurban ditubuhkan dengan mempunyai satu fakulti ilmu- ilmu agama.

## **2**

### **DI MEDAN PERANG**

Semenjak Perang Tripoli (1911), kerajaan Turki Uthmaniah senantiasa terlibat dalam perperangan dengan penjajah-penjajah Eropah. Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi tidak berdiam diri di saat-saat yang genting ini, ia terus tejun ke medan perang sebagai seorang kesatria. Beliau pernah meramalkan bahawa perkara ini akan berlaku apabila satu ketika beliau berkata kepada murid-muridnya: "Bersedialah awak semua untuk menghadapi satu malapetaka yang besar dan hebat."

Walaupun Badiuzzaman tidak pernah dilatih sebagai seorang tentera, akan tetapi ia tahu juga menggunakan pedang dan senjata api. Ia menjadi seorang tentera untuk pertama kalinya ketika Perang Balkan (1912) apabila ia tiba ke Istanbul bersama-sama sepasukan sukarelawan dari Anatolia Timur. Walau bagaimanapun beliau tidak berpeluang berperang di Balkan. Dalam satu gambar di mukasurat 135, dalam sebuah buku mengenai beliau, yang dikarang oleh Najmuddin Shahinar, kita dapat lihat gambar beliau sedang memimpin pasukannya dengan menunggang se ekor kuda.

Apabila Perang Dunia Pertama berlaku dalam tahun 1914, Ustaz Sa'id Nursi adalah di antara mereka yang ingin menjauhkan Turki dari terlibat dalam perang tersebut. Apabila Turki mengambil keputusan untuk berperang, Badiuzzaman pun menawarkan perkhidmatannya. Beliau memberi khidmat yang cemerlang di bawah Teshkilati Makhsoosah di Afrika Utara dan juga terlibat secara langsung dalam pejuangan menentang Russia di medan perang sebelah timur Turki —iaitu di Kaukasia (Caucasus).

#### **Di Afrika Utara**

Teshkilati Makhsoosah ialah satu pertubuhan politik dan ketenteraan sulit yang ditubuhkan di bawah titah di raja sebelum

Perang Tripoli. Tujuan penubuhannya ialah untuk menjamin keutuhan dan perpaduan kerajaan Turki Uthmaniah. Ianya berjalan di bawah arahan Anwar (Enver) Pasha. Teshkilati Makhsoosah memainkan peranan penting ketika Perang Tripoli, Perang Balkan dan Perang Dunia Pertama. Hanya orang-orang yang berwibawa saja dilantik menjadi anggotanya. Salah seorang anggotanya ialah seorang penyajak

Islam terkenal, iaitu Muhammad Akif. Beliau melawat Najd dan Berlin kerana menjalankan tugas serta arahan pertubuhan tersebut. Ustaz Badiuzzaman mempunyai hubungan yang rapat dengan pertubuhan ini dan beliau adalah salah seorang anggota Majlis Ulama yang merangka fatwa JIHAD bagi pihak Khalifah pada saat-saat terakhir Perang Dunia Pertama. Anggota-anggota Majlis Ulama yang lain ialah Syeikhul Islam Mustaffa Khairi Affandi<sup>\*15</sup>, Syed Ahmad asy-Syarif as-Sanussi<sup>\*16</sup> (Salah seorang pemimpin agung Gerakan As-Sanussiyyah, Libya), Muhammad Mahmud Asad Affandi<sup>\*17</sup> dan Hamdi Yazir. Keputusan telah diambil untuk menyibar fatwa tersebut melalui kapal-kapal selam Jerman. Satu rombongan dua puluh orang, terdiri dari anggota tentera dan juga ulama telah dihantar ke Libya untuk menghubungi Syed Muhammad Idris as-Sanussi (iaitu sepupu Syed Ahmad asy-Syarif as-Sanussi) yang sedang bejuang menentang penjajah Itali. Ketua rombongan ini ialah Putera Uthman Fuad - iaitu cucu kepada Sultan Murad (1876). Ustaz Sa'id Nursi dan Syeikh Salleh Tunisi adalah anggota ulama dalam rombongan tersebut.

Ustaz Sa'id Nursi bersama-sama rakan-rakannya yang lain belayar keluar dari pelabuhan Anatolia, di selatan Turki, pada bulan April, 1915, dengan menaiki sebuah kapal selam Jerman. Mereka mendarat di sebuah tempat sunyi di pantai Libya dekat bandar Tabruk. Dari sini, beliau serta Syeikh Salleh pergi ke Benghazi dan Tripoli. Dari Tripoli, mereka menuju Jaghbub, iaitu ibupejabat Syed Muhammad Idris as-Sanussi - yang terletak di tengah-tengah padang pasir Sahara. Selama ini, Syed Muhammad Idris tidak pemah keluar dari ibupejabatnya di Jaghbub. Setelah ketibaan Ustaz Sa'id Nursi dan Syeikh Salleh diketahuinya, beliau pun keluar meninggalkan Jaghbub buat pertama kalinya dan pergi ke Dema, iaitu sebuah tempat di persisiran Libya. Di Dernalah tentera Turki menegakkan ibupejabat mereka. Sementara itu, Anwar Pasha, Menteri Perang Turki sedang melawat Libya kerana hendak mengatur tentera untuk menentang Itali yang sedang menyusun kekuatan mereka di Libya. Anwar Pasha mengucup tangan Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi sebagai tanda terima kasih atas segala

usaha yang dijalankan oleh beliau.

Selepas selesai tugas mereka, Syeikh Salleh pun pergi ke Aljeria kerana hendak menghubungi pusat-pusat Gerakan as-Sanussiyah dan Gerakan Tijani di sana. Ustaz Sa'id Nursi pula kembali ke Turki untuk menghadapi medan perang Kaukasia.

### **Medan Perang Kaukasia**

Dalam perang Dunia Pertama, Turki terpaks<sup>^</sup> menghadapi empat medan perang. Di Gahpoli, ia terpaksa menghadapi pasukan tentera berikat. Di Sina dan di Iraq, ia terpaksa menentang tentera British. Di Timur Laut, tentera Russia pula sedang mengancam. Di medan perang Turki Timur inilah, orang-orang Turki terlibat dalam pertempuran-pertempuran yang paling hebat dan ngeri sekali dalam sejarah Perang Dunia Pertama. Selepas setahun tentera Turki mempertahankan diri di Sarikamish, tentera Russia akhirnya berhasil juga memasuki Erzurum pada 16hb. Februari, 1916. Selepas jatuhnya Erzurum, pihak Russia pun mara ke arah Van dan Bitlis. Selepas habis tugasnya di Afrika Utara, Ustaz Sa'id Nursi pun kembali ke Van pada bulan Ogos, 1915. Ketika ini, pertempuran di medan Kaukasia sedang berjalan dengan hebatnya. Tanpa berlengah lagi behau pun menawarkan diri untuk menjadi sukarelawan dan permintaannya ini diterima. Ia dilantik menjadi ketua sebuah pasukan sukarelawan yang terdiri dari murid-muridnya serta belia-belia lain. Ia sendiri memberi latihan tentera kepada pasukannya ini dan sesiapa yang bijak menembak diberinya hadiah. Mereka ini berhasil antara empat hingga lima ribu orang. Sukarelawan-sukarelawan ini banyak membantu tentera Turki membangun keganasan-keganasan yang dilakukan oleh orang-orang Armenia. Pasukan sukarelawan ini tidak mendapat senjata dari tentera Turki kerana mereka membawa senjata mereka sendiri. Mereka ini bijak menembak dan tidak melepaskan tembakan-tembakan secara melulu. Mereka ditempatkan di barisan paling hadapan sekali kerana mereka menyerang dengan menggunakan cara ‘pukui curi’. Tentara Russia menggelar mereka ‘pasukan songkok bulu’. Dalam perang menentang Russia dan Armenia, Ustaz Sa'id Nursi telah menunjukkan keberanian dan mutu akhlak yang luar biasa. Beliau berserta ‘pasukan songkok bulu’nya telah menimbulkan rasa cemas di kalangan pasukan Russia dan Armenia. Apabila pasukan Russia menyerang Van, beliau memperkuatkan bangunan madrasahnya dan memberi peringatan

habis-habisan. Ia tidak ingin berundur dari tempat tersebut. Setelah dipujuk dengan susah payah, baharulah ia setuju berundur dari kubu kuatnya. Beliau berundur ke arah Vastan melalui lembah Van. Apabila pasukan berkuda orang-orang Kosek (Cossack) Russia menyerang Vastan, Sa'id Nursi mempertahankan bandar tersebut bersama-sama dengan hanya tiga puluh atau empat puluh orang saja. Ia melancarkan serangan-serangan yang berterusan terhadap kubu-kubu pasukan Kosek sehingga mereka merasa yakin bahawa Vastan mempunyai orang yang cukup untuk mempertahankannya. Di ketika yang sama, pasukan Russia yang lain sedang menyerang Bitlis. Terdapat satu batalion tentera dan dua ribu sukarelawan untuk mempertahankan Bitlis. Ketua tentera di Bitlis telah mengambil keputusan untuk meninggalkan Bitlis akan tetapi Ustaz Sa'id Nursi bertegas untuk mempertahankannya sehingga semua penduduk bandar tersebut selesai dipindahkan. Beliau membantu tentera Turki membawa tiga puluh pucuk meriam dari medan pertempuran lain kerana hendak mempertahankan Bitlis. Dengan bantuan meriam-meriam ini, beliau mempertahankan Bitlis selama empat hari lagi. Sementara itu, penduduk-penduduk Bitlis pun dipindahkan. Namun begitu, Ustaz Sa'id Nursi tetap tidak berundur lagi kerana masih ada orang-orang lemah yang tidak berpindah dari bandar tersebut. Beliau pun mengambil keputusan untuk mempertahankan bandar tersebut habis-habisan demi keselamatan' orang-orang yang lemah tadi. Beliau beserta beberapa orang sukarelawan bertempur dengan musuh yang berjumlah lebih kurang seribu orang. Akhirnya, pasukannya tinggal tiga atau empat orang sahaja yang masih hidup. Bersama tiga atau empat orang muridnya yang masih hidup ini, ia merempuh tiga barisan askar musuh dan melompat masuk ke dalam sebuah talair. Sebelah kakinya telah patah ketika melompat ke dalam tahair tersebut. Mereka bersembunyi di situ selama tigapuluhan tigajam. Askar-askar musuh berkeliaran di sebuah rumah yang berdekatan dengan tempat persembunyian mereka. Walaupun begitu, dengan taqdir Allah mereka tidak dijumpai musuh selama tempoh yang agak lama juga.

Di saat-saat yang mencemaskan ini, beliau memberitahu murid-muridnya:- "Saya mahu awak tinggalkan saya seorang diri demi keselamatan awak semua." Akan tetapi, sukarelawan-sukarelawan tersebut menjawab:- "Kami tidak boleh meninggalkan awak dalam keadaan begini. Andainya kami ini akan mati syahid, karni ingin mati syahid bersama awak." AJkhirnya, pada 14hb. Februari, 1916, beliau pun ditawan oleh tentera Russia.

Terdapat banyak kisah yang menunjukkan keberanian luar biasa Ustaz Sa'id Nursi. Beliau berjalan di medan perang tanpa rasa gementar. Beliau jarang mencari perlindungan di dalam parit-parit pertahanan. Pernah suatu ketika, beliau tercedera, akan tetapi iamasih enggan berlindung di dalam parit kerana ia tidak mahu melemahkan semangat anggota pasukannya. Empat kali pulufu meriam musuh jatuh berhampiran denga beliau, akan tetapi beliau tetap tidak berganjak mencari perlindungan di dalam parit pertahanan. Apabila Gabenor Mamdooh Bey dan ketua tentera Ali Pasha memberi arahan padanya supaya kembali ke parit, ia dengan tenang menjawab, "Jangan bimbang tentang diri saya. Peluru-peluru kafir ini tidak akan membunuh saya."

Pada satu ketika ada orang nampak peluru tidak membawa apa-apa kesan pada Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi. Ustaz Sa'id Nursi pun berkata pada orahg itu, "Andainya seseorang manusia itu berada di bawah perlindungan Allah yang Maha Berkuasa, bukan saja peluru biasa, bahkan peluru meriam pun tidak akan dapat membunuhnya." Satu lagi perkara yang mengagumkan tentang Sa'id Nursi ini ialah beliau berupaya mencari masa untuk menulis tafsir Al-Quran walaupun dalam keadaan perang sedang berkecamuk. Di waktu genting beginilah beliau menghasilkan tafsir surah Al-Faatihahnya dalam bahasa Arab yang diberi nama 'Isyaratul I'jaz' (SjLil) (Tanda-tanda yang di luar kemampuan). Tafsir ini ditulis ketika menunggang kuda, di dalam parit perlindungan dan di medan perang paling hadapan. Penyatit tafsir ini ialah anak muridnya yang bermama Mulla Habib. Mulla Habib Jcemudiannya syahid dalam satu pertempuran.

Tingkah-laku Ostaz Sa'id Nursi terhadap musuhnya sangat berlainan dari orang lain. Orang-orang Armenia merupakan penduduk bukan Islam terbanyak di Timur Laut Turki. 33% penduduk Bitlis dan 20% penduduk Erzurum terdiri dari orang-orang Armenia. Perang Dunia Pertama membuka peluang pada mereka untuk menguasai kembali tanah air mereka dengan bantuan Russia. Hal ini seperti juga di Palastin. Di Palastin, orang-orang Yahudi cuba menguasai negara tersebut dengan bantuan Amerika. Untuk mencapai maksud tersebut, orang-orang Armenia melakukan pembunuhan beramai-ramai terhadap orang-orang lelaki, wanita dan kanak-kanak Turki di kawasan yang ditakluki oleh Russia. Apabila orang-orang Islam Turki cuba membala dengan cara yang serupa, Ostaz Sa'id Nursi melarang mereka. Beliau berkata pada mereka bahawa Islam melarang

membunuh wanita dan kanak-kanak. Dengan cara ini, beliau bukan saja berhasil menyelamatkan jiwa wanita dan kanak-kanak Armenia, bahkan berhasil juga berhasil menghantar mereka ke negara Armenia jajahan Russia di bawah perlindungannya. Orang-orang Armenia begitu tertarik hati dengan tingkah-laku Sa'id Nursi sehingga mereka membuat keputusan tidak akan membunuh wanita dan kanak-kanak Islam di masa hadapan. Keperwiraan yang ditunjukkan beliau di medan perang telah diberi penghargaan oleh kerajaan Turki Uthmaniah. Anwar Pasha, iaitu Menteri Pertahanan dan juga Timbalan Ketua Turus Angkatan Tentera Turki Uthmaniah berserta Panglima-panglima tentera Turki yang lain sangat tertarik dengan peranannya di medan perang. Mereka pun menganugerahkan bintang kehormatan kepada Ustaz Sa'id Nursi kerana menunjukkan keberanian luar biasa di medan perang Pasinler.

#### **Di Khemah Tahanan Perang**

Selepas ditawan, Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi pun dibawa ke ibupejabat tentera Russia. Di sini, beliau telah dimasukkan ke hospital untuk dirawat kakinya yang patah itu. Apabila telah sembah, behau pun dihantar ke Kostroma melalui Van, Julfa (Iran), Tiflis dan Kolgrif. Kostroma ialah sebuah bandar di timur laut Moscow dan ianya terletak di tebing Sungai Volga. Di sinilah letaknya khemah tawan perang yang terbesar sekali.

Suatu hari, Jeneral Nicolas Nicolavich, seorang jeneral Russia terkenal telah melawat khemah tawan perang tersebut. Kesemua tawan perang berdiri memberi tabik hormat kecuali Badiuzzaman Sa'id Nursi. Beliau tetap duduk tanpa memberi sebarang penghormatan kepada jeneral tersebut. Jeneral itu bertanya Sa'id Nursi samaada behau mengenalinya atau tidak. Sa'id Nursi pun menjawab:— “Ya, saya kenal awak. Awak ialah Nicolas Nicolavich, bapa saudara Czar (Raja Russia) dan ketua turus Angkatan Tentera Russia di medan Caucasia.” Jeneral tadi pun bertanya, “Apabila awak mengenali saya, mengapakah awak tidak menghormati saya? Ini bennakna awak sengaja berlaku biadap terhadap saya. Awak bukan sahaja telah menghina saya, bahkan awak telah menghina maruah negara Russia.” Ustaz Sa'id Nursi pun menjawab:- “Itu tidak penting. Saya adalah seorang ulama.’ Saya anggap orang yang beriman lebih mulia dari seorang yang

tidak beriman. Saya tidak boleh bertindak bertentangan dengan keimanan saya. Oleh itu saya tidak boleh menghormati awak.” Jeneral tadi pun mulai meradang dan mengarahkan supaya Ustaz Sa’id Nursi dibicarakan di mahkamah tentera. Beberapa orang rakannya menasihati beliau supaya pergi meminta maaf kepada Jeneral tersebut agar hukuman berat tadi dapat dielakkan, akan tetapi beliau menjawab:—

“Hukuman mati ini mungkin merupakan paspot untuk saya ke alam Akhirat yang kekal abadi.” Selepas perbicaraan, beliau pun dijatuhkan hukuman mati. Sebelum hukuman mati dijalankan, Ustaz Sa’id Nursi meminta tempoh untuk sembahyang dua raka’at dan permintaannya ini diluluskan. Apabila jeneral tadi melihat beiau sembahyang dengan begitu tenang dan senyap dihadapan pasukan penembak, ia merasa begitu kagum terhadap ketabahan Sa’id Nursi sehingga ia berkata:- ‘Maafkan saya. Saya dapat tindakan awak adalah kerana keikhlasan awak terhadap keimanan awak. Oleh itu, saya bebaskan awak dari hukuman bunuh kerana menghormati keimanan yang telah memberi awak ketabahan yang sedemikian hebat.

Ustaz Sa’id Nursi tidak berdiam diri di khemah tawanan perang. Beliau mula memberi ceramah-ceramah ugama kepada orang-orang tawanan di situ. Beiau menghabiskan masa selama dua setengah tahun di situ. Dalam buian Oktober 1917, revolusi Kominis berlaku di Russia. Dalam kacau-bilau yang berlaku, Ustaz Sa’id Nursi pun mengambil peluang untuk melepaskan diri dari tahanan pada tahun 1918. Mula-mula ia sampai ke St. Petersburg (sekarang dipanggil Leningrad). Dari situ ia mengembara ke sempadan Jerman dan memperkenalkan diri sebagai seorang pegawai tentera Turki. Oleh kerana Turki adalah sekutu Jerman dalam Perang Dunia Pertama, maka Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi pun diberi tabik kehormatan.

Setelah melalui Warsaw, Vienna dan Sofia, maka Ustaz Sa’id Nursi pun tiba di Istanbul pada bulan Jun, 1918. Ketibaannya disambut oleh ulama’-ulama’ dan rakyat. Akhbar Turki yang terkenal iaitu “Tanin”, dalam keluarannya yang bertarikh 25hb. Jun, 1918 membuat catitan seperti berikut:—

“Badiuzzaman Sa’id Nursi A1 Kurdi, seorang ulama’ Kurdi yang berjuang di medan perang Caucasia bersama-sama murid-muridnya; yang juga telah ditawan oleh orang-orang Russia; akhirnya telah tiba ke bandaraya kita (ya’ani IstanbuH.

Setibanya beliau di Istanbul, Anuar Pasha menjemputnya ke Kementerian Pertahanan kerana Anuar sendiri ingin bertemu dengan beliau. Kementerian Pertahanan telah meluluskan bayaran sara hidup untuk Sa'id Nursi sebanyak lima puluh lira sebulan. Dalam perbuatan-nya dengan Anuar Pasha, beliau memberitahu: "Andainya awak hendak memberi sara hidup kepada saya kerana khidmat dunia saya, maka hal ini tidak akan menggembirakan saya. Walau bagaimanapun, saya sedia berkhidmat untuk agama saya. Buat masa sekarang saya perlu berehat kerana saya telah menerima terlalu banyak penderitaan ketika dalam tawanan dulu" Anuar Pasha sendiri telah menyediakan kertas cetak bagi penerbitan "Isyaratul Ijaz", iaitu tafsir Ustaz Sa'id Nursi yang ditulisnya ketika di medan perang Caucasia. Dalam tempoh waktu ini, beliau menerima kunjungan-kunjungan dari pegawai-pegawai kerajaan serta para ulama' di tempat tinggalnya di Chamlija<sup>\*18</sup>. Mereka seringkali menjemputnya makan di rumah mereka dan juga mem- bawanya belayar makan angin di laut. Beliau tinggal di Chamlija bersama-sama anak saudara serta anak angkatnya yang bernama Abdur Rahman.

#### **Darul Hikmah Al-Islamiah**

Pada hari Isnain, 2hb. Ogos, 1918, Darul Hikmah Al-Islamiah telah diresmikan di Istanbul. Ianya merupakan sebuah Akademi yang terletak dibawah Bab — i Mashikhat iaitu jabatan agama pimpinan Syeikhul Islam sendiri. Tujuan penubuhan Darul Hikmah ialah:—

- 1) untuk menyibarkan ajaran Islam;
- 2) untuk menjawab segala kecaman-kecaman terhadap Islam;
- 3) dan untuk menghilangkan segala keraguan-keraguan yang ditimbulkan terhadap Islam.

Untuk memenuhi tujuan ini ahli-ahli badan tersebut menjalankan kegiatan mereka dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan dan menulis makallah-makallah. Di antara tujuannya lagi ialah membuat pembaharuan-pembaharuan kepada corak-pendidikan sekolah-sekolah agama dan juga menyediakan buku-buku yang sesuai bagi penuntut-penuntutnya. Ulama-ulama ulung Kerajaan Turki Uthmaniah<sup>\*19</sup> telah dilantik menjadi anggota Darul Hikmah.

Walaupun Sa'id Nursi sedang berehat, keilmuannya adalah terlalu besar untuk dibiarkan begitu saja. Beliau dilantik menjadi anggota Darul Hikmah tanpa ia diberitahu pun.

Tentang hal ini anak saudaranya, Abdur Rahman pernah menceritakan: "Setelah ia kembali dari tawanannya di dalam tahun 1918, paman saya telah dilantik menjadi ahli Darul Hikmah Al-Islamiah tanpa apa-apa perundingan dengan beliau terlebih dahulu. Ia tidak dapat men-jalankan tugas barunya ini selama beberapa hari lantaran keuzuran yang amat sangat akibat pengalamannya ketika di dalam tawanannya dulu. Bahkan beliau cuba hendak meletak jawatan tetapi rakan-rakan sejawatnya menahan beliau berbuat demikian. Lantaran itu ia pun meneruskan juga tugasnya di Darul Hikmah."

Perdana Menteri Talat Pasha mengistiharkan perlantikannya dengan berkata: "Badiuzzaman telah dilantik menjadi anggota Darul Hikmah Al Islamiah. Ia adalah pejuang besar yang telah menyerahkan hidupnya pada negara kerana Allah. "(Shahinar - 178) Lantaran itu nama Badiuzzaman Sa'id Nursi pun termasuklah ke dalam senarai anggota Darul Hikmah yang bermjumlah sembilan orang itu. Di antara ulama'-ulama' terkenal yang berkhidmat dengan Darul Hikmah sepanjang empat tahun itu ialah:— Ismail Haqqee Izmirli<sup>\*20</sup>, Almalii Hamdee<sup>\*21</sup>, Hamdee Aksekili, Omar Farid<sup>\*22</sup>, Syeikhul Islam Mustafa Sabn<sup>\*23</sup> dan Muhammad Akif<sup>\*24</sup>, seorang penyajak yang terkenal. Muhammad Akif bertindak sebagai Setiausaha Agung Akademi tersebut. Kejayaan Ustaz Sa'id Nursi di Darul Hikmah adalah berbentuk ilmiah dan sangat hampir dengan apa yang diingini oleh beliau. Walau bagaimana pun, ia merasa berat untuk menerima jawatan itu atas dua sebab. Yang pertama ialah kerana jawatan itu jawatan kerajaan dan sebagai seorang pegawai kerajaan ia tidak boleh menyuarakan pendapatnya dengan bebas. Sebab kedua ialah kerana pendiriannya yang menentang sebarang pemberian wang atas segala perkhidmatan untuk Islam. Akhirnya beliau setuju juga menerima perlantikan tersebut setelah pertimbangan yang teliti dan setelah digesa dengan hebatnya oleh sahabat-sahabat serta pengikut-pengikutnya. Selama tempoh perkhidmatannya yang empat tahun itu, ia bekerja dengan gigih dan jujur sekali dan segala pendapatnya tidaklah bertentangan dengan perasaannya. Sangat sedikit gaji yang ia terima itu dibelanjakan terhadap dirinya. Anak saudaranya sendiri, iaitu Abdur Rahman menceritakan sikapnya itu:

“Saya dapati ia membelanjakan wangnya. atas benda-benda yang sangat-sangat perlu saja. Apabila disoal mengapa orang yang kaya seperti itu begitu berjimat sekali, ia pun menjawab: ‘Saya ingin menjadi mereka yang hidup atas keperluan saja. Saya tidak mahu termasuk dalam kalangan orang-orang yang mertibazir dan boros.’

Setelah diambilnya wang yang menjadi keperluan dirinya, baki yang tinggal di amanahkan pada saya untuk disimpan. Tetapi saya belanjakan kesemua wang tadi untuk diri saya dalam tempoh setahun. Setelah ia tahu, ia pun berkata: ‘Mengapakah awak belanjakan wang yang bukan hak kita? Wang itu adalah hak negara. Oleh kerana perkara ini berlaku, awak bukan lagi pemegang amanah. Saya sendiri yang akan memegang amanah tersebut.’

Setelah masa berlalu, ia pun bermiat hendak meneetak dua belas buah karya yang telah dihasilkannya. Hampir kesemua wang yang dihimpunkannya itu dibelanjakan untuk mencetak karya-karyanya tadil. Buku-buku yang dicetak itu ia beri dengan percuma pada orang ramai. Apabila saya menyoalnya tentang sikapnya ini, ia pun menjawab: ‘Bahagian gaji yang berhak kita belanjdc.an untuk diri kita hanyalah bahagian gaji yang cukup-cukup untuk memelihara kita dari maut. Bah&gian gaji yang lain adalah hak negara. Caranya saya niengem- balikan warig yang lebih tadi pada negara ialah dengan mencetak dan memberi dengan percuma buku-buku tersebut pada orang ramai/ ”

Ustaz Sa’id Nursi dianugerahkan gelaran ‘Makhraj’ dalam bulan yang sama dengan tarikh penubuhan Darul Hikmah oleh Sultan Wahiduddin (iaitu Sultan Bani Uthmaniah yang ke 36 dan terakhir). Gelaran ini diberi padanya atas sydr Syeikhul Islam Musa Kazim<sup>\*is</sup>. Makhraj adalah salah satu gelaran yang diberi kepada ulama'-ulama' terkenal oleh kerajaan Turki Uthmaniah.

Menurut Ustaz Sa’id Nursi sendiri, sehingga tahun 1918, beliau telah menulis sebanyak tujuh belas buah buku. Di antara buku- buku yang diterbitkan antara tahun 1918 dan tahun 1922 ialah seperti berikut:—

- |              |             |
|--------------|-------------|
| 1) r Isharat | 3) *! Nokta |
| 2) Rumuz     | 4) Tuluat   |
- 29 -

- |                     |                          |
|---------------------|--------------------------|
| 5) Sunuhat          | 8) Lemaat                |
| 6) Khutuwat-i-Sitte | 9) Shuaat                |
| 7) Kizil Djaz       | 10) Hakikat Chekidekleri |

Kesemua buku-buku tersebut kecuali *Khatuwat-i-Sitte* diterbit dan dicetak oleh Awkaf-I-Islamiah, Istanbul. Dalam tahun 1919, kisah riwayat hidupnya yang pertama telah dicetak dan diterbitkan oleh Percetakan Najmi Istikhal, Istanbul. Penerbitan ini ialah kisah hidupnya secara ringkas yang ditulis oleh anak saudaranyasendiri, Abdur Rahman. Ia mengandungi 75 muka surat.

Ketika di Istanbul, Ustaz Sa'id Nursi juga terlibat dengan berbagai kegiatan lain selain dari mencetak di Darul Hikmah dan menulis makallah-makallah kepada akhbar-akhbar serta majalah-majalah. Pada 5hb. Mac, 1920 beliau menghadiri suatu mesyuarat di mana Hilal-i-Akhzar (ya'ani bulan sabit hijau) ditubuhkan. Beliau juga dilantik menjadi ahli suatu Persatuan Guru-guru yang ditubuhkan pada bulan Januari, 1921. Janab Shahabuddin<sup>\*^6</sup>, seorang cendikiawan Turki yang terkenal telah menulis satu siri makallah-makallah yang menyentuh persoalan ijtihad tentang masa'alah-masa'alah perhambaan, poligami, gambar, ukiran-ukiran lembaga dan lain-lain lagi. Pandangan yang diberinya ialah dari kacamata fahaman Barat Moden. Hal ini telah menimbulkan perbahasan hangat di akhbar-akhbar Turki.

Syiehkul Islam Mustafa Sabri dan Atif Efendi menulis makallah-makallah menentang pendapat Janab Shahabuddin. Ustaz Sa'id Nursi membahaskan perkara ini dalam bukunya yang bermama "Tuluaat". Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi berkata bahawa pintu ijtihad memang terbuka akan tetapi sebelum ijtihad itu dilakukan terhadap sesuatu masa'alah perundungan Islam, ianya memerlukan syarat-syarat tertentu yang mestilah dipenuhi.

### **Perang Pembebasan**

Kekalahan kerajaan Turki Bani Uthmaniah dalam Perang Dunia Pertama telah membawa malapetaka besar pada rakyat Turki. Pada 30hb. Oktober, 1918, gencatan sejatah telah diistiharkan. Pada 29hb. April, 1919, tentera Itali telah mendarat di Antalia. Pada 15hb. Mei

1919, tentera Greek pula mendarat di Izmir dan terus mara ke pendalamian. Istanbul diduduki tentera Berikat pada 16hb, Mac, 1920. Pada 1Ohb. Ogos, 1920, kerajaan Turki Bani Uthmaniah telah dipaksa menandatangani Pejanjian Sevres yang memalukan itu. Di bawah pejanjian ini, bukan saja wilayah-wilayah Arab kerajaan Turki Othmaniah saji dirampas, bahkan Anatolia sendiri telah dibahagi- bahagikan. Anatolia Barat bersama-sama sebahagian daripada Turki disebelah Eropah telah diberi kepada Greek (Yunani). Barat daya Anatolia diberi kepada Itali. Selatan Anatolia iaitu bermula dari Adana sehingga ke Malatiya telah diberi kepada Perancis. Istanbul dan kawasan Selat (iaitu Dardanelles dan Bosphorus) telah diletakkan di bawah pentadbiran Suruhanjaya Antarabangsa. Di timur laut Anatolia iaitu dari Trabzon sehingga ke Bitlis dan Van, sebuah negara Armenia yang merdeka sedang dirangga. Di Tenggara Turki pula, sebuah negara Kurdish yang merdeka juga sedang dirangka. Apabila rangka pejanjian ini diserahkan kepada Kerajaan Turki Bani Othmamah, Sultan dan gulungan kebangsaan Turki telah menyuarakan bangkangan yang hebat. Akan tetapi, Istanbul kini sudah berada dalam tangan musuh. Samaada suka atau tidak, Sultan Wahiduddin terpaksa juga menandatangani pejanjian tersebut.

Ustaz Sa'id Nursi merasa sangat terharu dengan keadaan ini. Beliau menyuarakan penentangannya tehadap penaklukan Istanbul oleh kuasa asing dan yancangan jahat British dengan menulis makallah- makallah di dalam akhbar "Tanin" dan akhbar-akhbar lain. Apabila usaha penulisannya disekat, beliau pun menulis sebuah buku dalam bahasa Arab yang bertajuk "A1 Khatawat-i-Sitta" (The Six Steps). Buku ini diterbitkan secara sulit dalam tahun 1922 dan diedarkan ke seluruh ibu kota (Istanbul). Dalam bukunya ini, Ustaz Sa'id Nursi telah mengutuk segala rancangan British yang buruk terhadap ra'ayat Turki dan beliau menggesa ra'ayat supaya bangun menentang penjajah tersebut. Di antara kutukan yang pernah beliau luahkan terhadap British ialah seperti berikut:-

"Wahai anjing yang dianjingkan daripada darjah anjing yang tertinggi" dan "Ludahlah ke muka orang-orang British yang tidak tahu malu itu".

"A1 Khawata-i Sitta" telah menimbulkan kemarahan pihak penjajah British dan mereka cuba menangkap Ustaz Sa'id Nursi. Akan

- |                     |                          |
|---------------------|--------------------------|
| 5) Sunuhat          | 8) Lemaat                |
| 6) Khutuwat-i-Sitte | 9) Shuaat                |
| 7) Kizil Djaz       | 10) Hakikat Chekidekleri |

Kesemua buku-buku tersebut kecuali *Khatuwat-i-Sitte* diterbit dan dicetak oleh Awkaf-I-Islamiah, Istanbul. Dalam tahun 1919, kisah riwayat hidupnya yang pertama telah dicetak dan diterbitkan oleh Percetakan Najmi Istikhal, Istanbul. Penerbitan ini ialah kisah hidupnya secara ringkas yang ditulis oleh anak saudaranyasendiri, Abdur Rahman. Ia mengandungi 75 muka surat.

Ketika di Istanbul, Ustaz Sa'id Nursi juga terlibat dengan berbagai kegiatan lain selain dari mencetak di Darul Hikmah dan menulis makallah-makallah kepada akhbar-akhbar serta majalah-majalah. Pada 5hb. Mac, 1920 beliau menghadiri suatu mesyuarat di mana Hilal-i-Akhzar (ya'ani bulan sabit hijau) ditubuhkan. Beliau juga dilantik menjadi ahli suatu Persatuan Guru-guru yang ditubuhkan pada bulan Januari, 1921. Janab Shahabuddin<sup>26</sup>, seorang cendikiawan Turki yang terkenal telah menulis satu siri makallah-makallah yang menyentuh persoalan ijтиhad tentang masa\*alah-masa\*alah perhambaan, poligami, gambar, ukiran-ukiran lembaga dan lain-lain lagi. Pandangan yang diberinya ialah dari kacamata fahaman Barat Moden. Hal ini telah menimbulkan perbahasan hangat di akhbar-akhbar Turki.

Syiehkul Islam Mustafa Sabri dan Atif Efendi menulis makallah-makallah menentang pendapat Janab Shahabuddin. Ustaz Sa'id Nursi membahaskan perkara ini dalam bukunya yang bermama "Tuluaat". Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi berkata bahawa pintu ijтиhad memang terbuka akan tetapi sebelum ijтиhad itu dilakukan terhadap sesuatu masa'alah pemndangan Islam, ianya memerlukan syarat-syarat tertentu yang mestи dipenuhi.

### **Perang Pembebasan**

Kekalahan kerajaan Turki Bani Uthmaniah dalam Perang Dunia Pertama telah membawa malapetaka besar pada rakyat Turki. Pada 30hb. Oktober, 1918, gencatan sejatah telah diistiharkan. Pada 29hb. April, 1919, tentera Itali telah mendarat di Antalia. Pada 15hb. Mei

1919, tentera Greek pula mendarat di Izmir dan terus mara ke pendalamian. Istanbul diduduki tentera Berikat pada 16hb, Mac, 1920. Pada 1Ohb. Ogos, 1920, kerajaan Turki Bani Uthmaniah telah dipaksa menandatangani Pejianjian Sevres yang memalukan itu. Di bawah perjanjian ini, bukan saja wilayah-wilayah Arab kerajaan Turki Othmaniah saja dirampas, bahkan Anatolia sendiri telah dibahagi- bahagikan. Anatolia Barat bersama-sama sebahagian daripada Turki disebelah Eropah telah diberi kepada Greek (Yunani). Barat daya Anatolia diberi kepada Itali. Selatan Anatolia iaitu bermula dari Adana sehingga ke Malatiya telah diberi kepada Perancis. Istanbul dan kawasan Selat (iaitu Dardanelles dan Bosphorus) telah diletakkan di bawah pentadbiran Suruhanjaya Antarabangsa. Di timur laut Anatolia iaitu dari Trabzon sehingga ke Bitlis dan Van, sebuah negara Armenia yang merdeka sedang dirangka. Di Tenggara Turki pula, sebuah negara Kurdish yang merdeka juga sedang dirangka. Apabila rangka perjanjian ini diserahkan kepada Kerajaan Turki Bani Othmamah, Sultan dan gulungan kebangsaan Turki telah menyuarakan bangkangan yang hebat. Akan tetapi, Istanbul kini sudah berada dalam tangan musuh. Samaada suka atau tidak, Sultan Wahiduddin terpaksa juga menandatangani perjanjian tersebut.

Ustaz Sa'id Nursi merasa sangat terharu dengan keadaan ini. Beliau menyuarakan penentangannya tehadap penaklukan Istanbul oleh kuasa asing dan ^ancangan jahat British dengan menulis makallah- makallah di dalam akhbar "Tanin" dan akhbar-akhbar lain. Apabila usaha penulisannya disekat, beliau pun menulis sebuah buku dalam bahasa Arab yang bertajuk "A1 Khatawat-i-Sitta" (The Six Steps). Buku ini diterbitkan secara sulit dalam tahun 1922 dan diedarkan^ ke seluruh ibu kota (Istanbul). Dalam bukunya ini, Ustaz Sa'id Nursi telah mengutuk segala rancangan British yang buruk terhadap ra'ayat Turki dan beliau menggesa ra'ayat supaya bangun menentang penjajah tersebut. Di antara kutukan yang pernah beliau luahkan terhadap British ialah seperti berikut:-

"Wahai anjing yang dianjingkan daripada darjah anjing yang tertinggi" dan "Ludahlah ke muka orang-orang British yang tidak tahu malu itu".

"A1 Khawata-i Sitta" telah menimbulkan kemarahan pihak penjajah British dan mereka cuba menangkap Ustaz Sa'id Nursi. Akan

tetapi, dengan taqdir Allah yang Maha Berkuasa, beliau terlepas dari segala usaha jahat orang-orang British tadi.

Sementara itu, pihak Gereja Anglikan telah mengambil kesempatan dari kemenangan tersebut dengan menghantar satu senarai enam soalan yang harus dijawab dalam enam ratus perkataan. Ismail Haqqi Izmirli telah memberi jawapan yang terperinci terhadap soalan-soalan yang menentang Islam itu. Apabila senarai soalan-soalan tersebut dihantar oleh Syeikhul Islam kepada Ustaz Sa'id Nursi, beliau menjawab, "Tiada jawapan yang perlu diberi samaada dalam enam ratus perkataan atau enam perkataan atau satu perkataan kerana soalan-soalan ini disampai-kan kepada kita oleh Gereja Anglikan ketika Kerajaan British sedang memijak leher kita. Dalam keadaan begini, kita sepatutnya meludah\* ke muka mereka."

Pada pertengahan tahun 1920, tentera Greek telah mempertukuhkan kedudukan mereka di kawasan Izmir. Pihak Greek mendapat galakan kuat dari Perdana Menteri British waktu itu iaitu Lloyd George. Lloyd George ingin menggunakan pihak Greek untuk memaksa Turki mematuhi syarat-syarat perjanjian Sevres. Setelah mendapat bantuan senjata dari pihak British, tentera Greek pun mula mara ke pendalaman Anatolia. Apabila Ustaz Sa'id Nursi mendengar berita bahawa Perdana Menteri Greek yang bermama Venizelos itu telah meminta bantuan senjata dari British untuk mempersenjatai lima puluh ribu orang tenteranya, beliau pun merasa sangat risau sehingga beliau menghabis-kan keseluruhan malam dengan bersembahyang dan berdoa. Pada keesokan harinya, beliau pun terbaca berita bahawa Raja Greek - iaitu Alexander, telah mati pada 25hb. Oktober, 1920, kerana digigit oleh seekor kera. Kera tadi dibunuh serta merta. Badiuzzaman pun mengarang sebuah sajak sedih mengenang kematian kera tadi.

Ketika Turki berada dalam keadaan lemah ini, pemimpin-pemimpin gerakan kebangsaan Kurdi mengambil kesempatan menggiatkan usaha mereka menegakkan sebuah negara Kurdistan yang merdeka di wilayah-wilayah Tenggara Turki. Oleh sebab Ustaz Sa'id Nursi berdarah Kurdi, maka pemimpin gerakan kebangsaan Kurdi ini telah meminta beliau membantu mereka mencapai cita-cita mereka itu. Walau bagaimanapun Ustaz Sa'id Nursi menolak permintaan mereka. Kepada Abdul Qadir, iaitu Pengerusi Gerakan Kebangsaan Kurdi yang bermama 'Kurd Teali Jamiyet', beliau berkata:

“Allah berfirman di dalam Al-Quran:

## r

(ol SjJUI)

Maksud: Hai orang-orang beriman, barang siapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu k^um yang Allah mencintai mereka dan mereka pun mencintaiNya.....

Munurut pendapat saya, ayat ini ditujukan kepada negara Turki yang telah menjadi jaguh Islam selama seribu tahun. Saya lebih suka ber- khidmat dengan negara yang tabah ini. Saya lebih suka menjadi pengikut empat ratus juta orang Islam daripada menjadi pengikut beberapa orang pejuang fahaman kebangsaan yang bodoh.”

Sementara itu, satu gerakan pembebasan kebangsaan Turki telah dimulakan di Anatolia di bawah pimpinan Mustaffa Kamal Pasha (attaturk). Kawasan ini berada di luar pengaruh musuh. Pada llhb. April, 1920, Syeikhul Islam Abdullah Durrizade (1867 — 1923) telah mengeluarkan fatwa menentang gerakan pembebasan tersebut. Syeikhul Islam Abdullah Durrizade ini tinggal di bandar Istanbul yang dijajah itu dan beliau telah mengistihar pemimpin-pemimpin gerakan ini sebagai pemberontak-pemberontak. Hal ini telah membuat Turki menjadi heboh. Tujuh puluh enam orang Mufti, tiga puluh enam orang ulama dan sebelas orang ahli Parlimen Kerajaan Turki Bani Uthmaniah telah menentang dengan keras fatwa Syeikhul Durrizade. Mengenai peristiwa ini, Ustaz Sa'id Nursi berkata: “Adalah tidak sah arahan sesebuah kerajaan dan juga fatwa seseorang Syeikhul Islam yang bekejia di dalam sebuah negara yang berada di bawah penjajahan serta penindasan pihak British. Mereka yang menentang penjajahan bukannya pemberontak. Fatwa tersebut patut ditarik balik.”

Penentangan yang diberi oleh Ustaz Sa'id Nursi terhadap penjajah di Istanbul mendapat sambutan di Ankara. Ibupejabat gerakan pembebasan di Ankara menghargai usaha-usaha yang dijalankan oleh Ustaz

Sa'id Nursi di Istanbul. Mustaffa Kamal Pasha telah menjemput beliau ke Ankara, tetapi ditolaknya dengan berkata:

“Saya ingin berjuang di tempat yang merbahaya dan saya tidak suka beijuang di tempat yang ada perlindungan. Istanbul adalah sebuah tempat yang lebih merbahaya daripada Anatolia.”

Selain itu beliau juga menerima jemputan daripada Jeneral Fauzi Chakmak<sup>\*27</sup> dan Tehsin Bey - iaitu Gubernur Van. Menurut Uthman Nuri Afandi, iaitu Imam bagi Gerakan Pembebasan Kebang- saan Turki dan juga salah seorang Mufti dalam tentera Turki, Ustaz Sa'id Nursi telah menerima lebih dari lapan belas buah jemputan seumpama itu dari Anatolia. Akhirnya, lantaran desakan yang begitu hebat, ia pun mengambil keputusan untuk pergi ke Ankara. Mula- mula ia menghantar tiga orang muridnya untuk membantu gerakan pembebasan kebangsaan. Mereka itu ialah Taufiq Demiroglu, Molla Sulaiman dan Binbashi Rafiq Bey. Kemudian, pada penghujung bulan Julai, 1922 — iaitu seminggu sebelum Hari Raya Haji, beliau sendiri telah bertolak ke Ankara. Sebaik saja beliau sampai ke Ankara, beliau telah disambut oleh orang ramai, termasuklah ahli-ahli Parlimen. Pada hari Khamis, 3hb. Ogos, 1922 — iaitu sehari sebelum Hari Raya Haji, Ustaz Sa'id Nursi berkelakar dengan Yuzbashi Abdul Ghani Ansari, salah seorang anggota Majlis Perhimpunan Kebangsaan. Katanya: “Besok, Sa'id Nursi akan dipenggal kepalanya.” Yuzbashi tidak dapat menangkap maksud kata-kata Ustaz Sa'id Nursi dan terus ia bertanya: “Tuan, apa maksud tuan dengan berkata demikian?” Sa'id Nursi pun menjawab: “Kalau awak potong huruf sin ( O-----\*) dari perkataan Sa'id ( ), maka huruf yang tinggal ialah I'd, dan besok ialah I'dul Adha (Hari Raya Haji).”

Ustaz Sa'id Nursi menghadiri mesyuarat Majlis Perhimpunan Kebangsaan pada hari Khamis, 9hb. November, 1922. Inilah ketikanya, tentera Turki beijaya mengalahkan tentera Greek dan menghalau mereka ke laut Aegean. Beliau disambut oleh ahli-ahli Perhimpunan tersebut dengan kata-kata aluan seperti berikut:

“Karni mengucap selamat datang kepada Molla Sa'id Affandi Hazretleri. Beliau adalah salah seorang ulama yang terkenal dari wilayah Timur. Beliau juga adalah salah seorang pemimpin (Ghazi) di Anatolia. Beliau kini sedang duduk di tempat pemerhati.”

Selepas aluan ini, Sa'id Nursi diminta berdo'a kepada Allah yang Maha Berkuasa agar memberi kejayaan kepada pemimpin-pemimpin Turki dan juga agar perjuangan kemerdekaan Turki mencapai kemenangan.

## 3 DI ANKARA

Sa'id Nursi tinggal di Ankara selama lapan bulan. Ia tinggal berdekatan dengan satu kawasan yang dipanggil Haji Bayram<sup>\*28</sup>. Ketika di sini beliau mengambil kesempatan menyatakan semua hasrat untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam di Turki Timur. Pada satu hari dalam tahun 1922, beliau telah berucap di hadapan Perhimpunan Agung Kebangsaan:

“Sepanjang hayat saya, saya kerap kali terfikir tentang Universiti yang telah menerima peruntukan 19,000 lira daripada Sultan Rashad serta pemimpin-pemimpin Anjuman Itihad wa Taraqqi. Sanggupkah tuan-tuan menandingi peruntukan yang ditetapkan oleh mereka itu?”

Sampai di peringkat ini, Perhimpunan tersebut pun membuat keputusan untuk menyediakan peruntukan sebanyak 150,000 lira bagi tujuan tadi. Namun begitu, ada sebahagian wakil yang membantah tindakan ini dengan berkata:

“Awak ingin mengikut Islam cara ‘madrasah’ yang lapuk itu, sedangkan kami ingin menjadi macam orang Barat.”

BadiuzzaHian pun menjawab: “Wilayah-wilayah Timur adalah pusat Dunia Islam. Di kawasan ini pendidikan agama dan Sains dianggap penting. Kebanyakan Nabi datang dari Timur dan kebanyakan ahli falsafah mulhid (atheis) datang dari Barat. Hal ini menunjukkan Timur mencapai kemajuannya melalui agama.

Walau pun hanya teknologi moden dan Sains saja diajar di wilayah-wilayah lain, akan tetapi, wilayah-wilayah Timur perlu kepada pendidikan agama demi kepentingan negara dan rakyat. Jika hal ini tidak dilakukan, orang-orang Islam yang bukan keturunan Turki tidak mungkin dapat merasa ikatan persaudaraan Islam dengan orang-orang

Islam yang berketurunan Turki. Kini, kita sangat perlu pada perpaduan untuk menghadapi musuh dari dalam dan luar. Saya akan memberi satu contoh tentang perkara ini:

Pemah satu ketika dahulu, salah seorang murid saya yang bukan keturunan Turki, lantaran semangat keagamaannya, telah menganggap seorang Turki yang warak lebih baik dari abang dan ayahnya yang jahat. Kemudian kami pun berpisah kerana perang dan ia pun pergi ke Istanbul untuk melanjutkan pelajarannya. Di Istanbul, ia diajar hanya Sains dan Teknologi. Empat bulan kemudian, ketika saya baru saja teriepas dari tawanan, saya telah bertemu dengannya di Istanbul. Apabila saya soal tentang sikap kebangsaannya, ia berkata, ‘Saya lebih suka pada seorang Kurdi yang murtad daripada seorang ulama Turki.’ Atas dorongan rasa kesal terhadap kekeliruannya ini, saya pun memperbaiki sikapnya kembali setelah berusaha selama seminggu.

Wahai para perwakilan! Saya nyatakan perubahan yang berlaku pada murid saya itu agar menjadi pertimbangan awak semua. Awak mungkin tidak memperdulikan kemungkinan ini dan mementingkan dunia dari agama awak sendiri. Awak mungkin mengenepikan kepentingan Iman di kawasan-kawasan lain. Namun begitu, adalah penting sekali awak memperkemaskan pendidikan Islam di wilayah Timur andainya kesejahteraan negara hendak dipelihara.”

Kata-katanya ini adalah sebagai amaran kerana sebahagian besar penduduk wilayah Timur adalah berketurunan Kurdi. Jika mereka ini tidak diberi peluang untuk mendapat pendidikan agama, maka mereka mudah menjadi mangsa penyelewengan. Cadangan Sa’id Nursi ini sangat penting lebih-lebih lagi di ketika negara Turki sangat-sangat memerlukan perpaduan dan kerjasama.

Selepas kenyataan ini, para perwakilan pun beisidang. Cadangan Ustaz Sa’id Nursi pun diterima dan diluluskan dengan undi 193 menyokong (ada yang kata 163) dari jumlah dua ratus orang perwakilan. Peruntukan sebanyak 150,000 lira telah diluluskan sebagai langkah pertama ke arah penubuhan Universiti tersebut.

Di Arikara, Ustaz Sa’id Nursi melihat perkara yang di luar dugaannya sama sekali. Behau dapat kebanyakan pemimpin lalai dalam menuaikan kewajipan agama mereka. Salah satu rukun Islam

ialah sembahyang (solah). Ia dapat kebanyakan anggota Perhimpunan Agung Kebangsaan tidak menunaikan sembahyang. Lantaran itu ia pun menerbitkan satu kenyataan khas yang menekankan kepentingan sembahyang dalam Islam pada 19hb. Januari, 1923. Kenyataan ini diedarkan di kalangan anggota Perhimpunan Agung Kebangsaan. Kenyataan tersebut berbunyi demikian:

“Wahai anggota Perhimpunan Agung Kebangsaan! Kebangkitan ini mungkin berterusan untuk tempoh waktu yang lama. Kemurahan Illahi ini mungkin berpanjangan kalau kita bersyukur pada Allah. Andainya kita tidak bersyukur pada Allah, maka akan hilanglah kemurahan daii Nya, Dengan mendapat panduan dari Allah, awak berkewajipan menyelamatkan Al-Quran dari serangan musuh. Di samping itu, awak juga mesti menunaikan rukun-rukun Islam. Orang-orang Isiam inginkan pemimpin-pemimpin yang wara dan bertaqwa walau pun mereka sendiri tidak menunaikan sembahyang.

Dunia kafir tidak akan berupaya mengalahkan Dunia Islam walau pun mereka melancarkan serangan dari berbagai jurusan - samada di segi kebudayaan, falsafah, sains mau pun di segi daayah (zending). Serpihan-serpihan Dunia Islam yang telah sesat itu tidak pemah makmur. Perpaduan Islam dapat diteruskan hanya melalui sunnah dan jamaah. Ciri-ciri syirik dan jahat daripada Tamaddun Eropah tidak akan bersemadi dalam sanubari Islam. Ini bermaana segala perubahan dan tindakan yang dijalankan dalam Dunia Islam mestilah bertepatan dengan dasar-dasar Islam itu sendiri. Jika tidak, perubahan dan tindakan tadi akan menemui kegagalan dengan cepat sekali.

Sembahyang perlu dilaksanakan tanpa kelalain. Kelemahan agama yang disebabkan oleh Tamaddun Eropah sedang berakhir dan kini Tamaddun Al-Quran sedang bermula. Dunia Islam telah mengalami banyak kecederaan. Oleh itu, ia tidak perlu lagi menerima ancaman- ancaman bahaya.

Raayat menentukan kemenangan awak. Orang-orang Islam yang ikhlas mencintai dan menyokong awak. Mereka menghargai pengorbanan awak. Mereka merupakan satu modal kuasa yang besar untuk awak. Demi kebaikan Islam, adalah penting sekali awak mem\* bantu mereka dengan mematuhi perintah-perintah Aliah yang ter-

maktub dalam Al-Quran. Jika awak menurut pihak yang bukan Islam; jika awak suka pada Eropah; atau jika awak menjadi pengikut orang- orang Eropah, maka Dunia Islam akan meninggalkan awak dan meminta bantuan dari orang lain yang lebih layak.

Bolehkah perkara diatas dibuat alasan kerana berlaku lalai terhadap kewajipan agama? Bagaimanakah kelalaian boleh menembusi perisai yang ada pada mereka - lebih-lebih lagi mereka yang menjadi pahlawan-pahlawan, pemimpin-pemimpin dan anggota Perhimpunan Agung Kebangsaan? Kesilapan-kesilapan yang mereka ini lakukan akan dikecam atau ditiru. Kewajipan awak terhadap Allah termasuklah juga kewajipan terhadap manusia.

Sangat sukar bagi kita memberi kejasama yang ikhlas kepada mereka yang bertindak dengan berlandaskan kemungkaran dan syak wasangka. Ulama bertindak menurut dalih-dalil dan ilmu yang terkandung dalam hadith-hadith saheh dan ijma\ Landasan gerakan kebangkitan ini mestilah teguh.

Hari ini adalah hari yang perlu masyarakat kuat. Iaitu masyarakat yang mengandungi anggota berakhlaq utuh. Masyarakat begini menjalankan segala kewajipan berpandukan ‘Syari’ah\ Undang-undang Syari’ah adalah satu undang-undang yang jelas, tegas, unggul dan sempuma. Kebenaran dan kejahatan di peringkat perseorangan adalah terhad. Akar tetapi, kebenaran dan kejahatan di peringkat masyarakat adalah tidak terhad.

Janganlah merosakkan kebaikan yang diperolehi dari luar dengan kejahatan dari dalam. Awak semua patut tahu bahawa musuh-musuh dan penentang-peneqtang awak sedang berusaha untuk menghancurkan undang-undang Islam. Oleh itu, awak semua mestilah menghidupkan semula dan memelihara undang-undang ini. Jika tidak, ini bermaana awak sedang menyokong musuh awak. Ingat, musuh awak tahu apa yang ia hendak buat. Kelalaian dalam memelihara undang-undang ini menunjukkan kelemahan rakyat sendiri. Hal ini memberi galakan pada musuh-musuh kita. ‘Hasbunallah wa ni’amal wakeel’

Kebangsaari oleh Jeneral Kazim Karabakir Pasha<sup>\*29</sup>. Kenyataan ini memberi kesan yang hebat terhadap anggota Perhimpunan tersebut, Anggota Perhimpunan yang bersembahyang telah bertambah sehingga ke jumlah enam puluh orang. Bilik sembahyang yang lebih besar terpaksa disediakan untuk menampung jumlah yang kian bertambah itu.

Beberapa hari selepas itu, Mustaffa Kamal Pasha mengadakan mesyuarat yang dihadiri oleh enam puluh orang anggota Perhimpunan Agung Kebangsaan. Dalam mesyuarat tersebut, Mustaffa Kamal berkata pada Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi:

“Kami sangat memerlukan pahlawan berilmu seperti awak dan kami menjemput awak ke sini kerana hendak inengambil faedah dari ilmu swak yang luas itu. Akan tetapi, awak sedang memecah-belahkan kami dengan menekankan kepentingan sembahyang. Sembahyang ialah soal peribadi. Sesiapa pun tidak berhak menggugat kebebasan orang perseorangan.”

Ustaz Sa'id Nursi menjawab dengan membaca beberapa ayat Al-Quran yang menyentuh sembahyang dan lepas itu ia berkata:

“Pasha, Sembahyang ialah tanda pertama untuk mengenali seorang Islam. Sesiapa yang menolak sembahyang adalah pemberontak. Memang betul sembahyang adalah soal peribadi, akan tetapi siapakah hendak percaya bahawa orang yang tidak menuaikan kewajipan terhadap Ailah dapat melaksanakan tugas-tugas negara dengan elok? Memang betui setiap orang bertanggungjawab atas diri masing-masing, akan tetapi apabila setiap orang membentuk satu masyarakat maka tanggungjawab tadi menjadi tanggungjawab bersama. Adalah menjadi kewajipan wakil-wakil negara untuk menjalankan tindakan mereka menurut agama negara mereka. Andainya seorang manusia, lebih-lebih lagi para wakil sesebuah negara, tidak mahu tunduk kepala mereka pada Allah, maka siapakah yang akan menahan mereka daripada sujud pada pihak-pihak lain? Penyembahan (peribadatan) terhadap Aliah membina keyakinan di dalam diri manusia dan ianya juga menahan manusia dari sujud pada manusia lain. Sebab itulah saya rasa perlu sekali wakil-wakil negara menyembah hanya Allah dan memenuhi segai kewajipan terhadap Nya. Dengan cara ini, mereka tidak akan menjadi hamba pihak lain. Mereka juga tidak akan jalai dalam menentukan masa depan negara mereka.”

Mustaffa Kamal Pasha (Attaturk) cuba mendapatkan sokongan Ustaz Sa'id Nursi dengan menawarkan kerusi di Parlimen. Mustaffa Kamal juga menawarkan jawatan Ketua Ulama Anatolia Timur kepadanya dan beijanji untuk meletakkannya di Darul Hikmah semula. Di samping itu, ia dijanjikan sebuah istana sebagai tempat inggal.

Oleh kerana kerajaan Ankara enggan menjalankan undang-undang Islam, maka segala tawaran tadi ditolak oleh beliau. Ia anggap tawaran-tawaran ini sebagai satu usaha untuk melembutkan ketegasannya. Sebenarnya, Ustaz Sa'id Nursi rasa sangat sedih dan kecewa terhadap sikap pimpinan baru Turki. Peperangan yang dipejuangkan atas nama Islam dan disertai dengan meluasnya oleh para ulama dan Syeikh-Syeikh sufi telah berakhir dengan penubuhan sebuah kerajaan kuku besi sekular yang memusuhi agama. Rasa tidak puas hatinya ini dinyatakan di dalam bukunya yang bertajuk ‘Lem’alar’ Demikian bunyinya:

“Dalam tahun 1338 (1922 atau 1923 masehi), saya pergi ke Ankara dan melihat orang-orang Islam sedang bergembira menyambut kemenangan mereka menewaskan tentera Greek. Saya juga dapat merdeka sedang menuju kesesatan kerana menerima fahaman mulhid (atheis) dan mencampur-adukkannya dengan Islam. Kalauolah begini halnya, akan hancurlah IMAN. Lantaran itu saya pun menulis sebuah tafsir dengan berpandukan Al-Quran. Ianya ditulis dalam bahasa Arab. Namun begitu, saya sungguh kesal kerana orang yang tahu bahasa Arab dan sedar kepentingan bahasa tersebut adalah sangat sedikit. Oleh itu, tafsir tadi tidaklah begitu berkesan untuk membendung fahaman mulhid (atheis) dari terus berkembang dan menjadi kukuh.”

Tafsir yanp dimaksudkan ialah ‘Zailuz-ZaiP yang beijumlah tujuh muka surat. Ianya dicetak oleh Syarikat Percetakan Yeni Gun ketika musim gugur tahun 1922. Pada awal tahun 1923, beliau menulis satu lagi tafsir dalam bahasa Arab yang bertajuk ‘Hubab’. Tafsir ini mengandungi dua puluh tiga mukasurat. Selepas berada selama lapan bulan, Sa'id Nursi pun mengambil keputusan untuk meninggalkan Ankara. Rakan-rakan serta beberapa orang anggota Perhimpunan Agung Kebangsaan telah datang ke Stesen Keretapi Ankara kerana hendak mengucapkan selamat jalan pada beliau. Mustaffa Kamal pun sempat datang ke situ untuk bertemu beliau. Mustaffa Kamal bertanya pendapatnya tentang pembinaan patung-patung. Ustaz Sa'id Nursi menjawab bahawa Islam menentang habis-habisan segala bentuk

patung dan berhala. Katanya lagi orang-orang Islam sepatutnya mem- bina rumah-rumah sakit, sekolah-sekolah, rumah-rumah anak yatim, rumah-rumah ibadat dan jalanraya dan bukannya membina patung serta berhala. Miistaffa Kamal memujuknya supaya jangan meninggalkan Ankara tetapi Sa'id Nursi tidak berganjak dari keputusannya kerana beliau begitu tidak senang dengan keadaan di bandar tersebut. Ustaz Sa'id Nursi pun meninggalkan Ankara dan sampai ke Van dalam musim bunga tahun 1923. Di Van, beliau beruzlah (berkhawat) dalam sebuah gua di hulu anak sungai yang bermama Zarnabad. Tempat ini terletak di kaki bukit Arak (Erek) Dagh. Setiap malam ia habiskan masanya dalam bersembahyang, berzikir dan berdo'a. Pada siang hari beliau mengajar murid-muridnya. Pada peringkat ini, berlakulah perubahan ketara pada kehidupannya. Sebelum ini, beliau hanyalah seorang pendaawah yang menyeru orang kepada kebaikan dan men- yuruh orang meninggalkan kemungkaran. Kini, beliau adalah seorang manusia yang bakal mengubah seluruh intisari dan rekabentuk masyarakat yang berlandaskan dasar-dasar bukan Islam itu.

Untuk seketika, ia hidup di Van tanpa terlibat dalam sebarang kegiatan politik. Ia mengumpul belia-belia tempat itu dan mengajar mereka tentang Al-Quran. Mula-mula diterangkan kepada mereka maana ayat-ayat Al-Quran di segi bahasanya. Lama kelamaan beliau pun terus menghurai ayat-ayat Al-Quran tadi dengan lebih mendalam pada belia-beHa tersebut. Pemah, satu ketika, beliau berkata:

“Kalaulah saya diberi peluang melatih lima puluh belia setahun di Pulau Akdamar (laitu sebuah pulau di Tasik Van), insyaAllah saya akan berjaya menakluki seluruh dunia serta menyibarkan risalah Islam di mana-mana saja.”

Ustaz Sa'id Nursi datang ke bandar Van seminggu sekali kerana hendak memberi khutbah di Masjid Nurshin. Malangnya di tempat yang begini terpencil pun Ustaz Sa'id Nursi tidak bebas menjalankan usaha daawahnya. Setelah duduk di Van tidak sampai dua tahun beliau pun ditangkap dan dibuang ke sebuah tempat di Turki Barat. Di tempat ini, ia diawas dengan rapi oleh pihak polis. Untuk memahami sebab-sebab sebenar yang tersirat di sebalik tindakan kerajaan Ankara ini, marilah kita renung matlamat serta dasar kerajaan baru Repablik Turki ini. Kita akan perhati juga pemimpin-pemimpin yang meng- gerakkan kerajaan tersebut.

Pada awal abad kedua puluh (masehi), terdapat satu gerakan Islam yang kuat di Turki. Tokoh-tokoh terkemuka gerakan ini ialah Sa'id Halim Pasha<sup>\*30</sup>, Muhammad Akif, Ahmad Na'im<sup>\*31</sup>, Ashraf Adip<sup>\*32</sup>, Muhammad Shamsuddin<sup>\*33</sup>, Syeikhul Islam Musa Kazim, Syeikhul Islam Mustaffa Sabri dan Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi. Walau piin tokoh-tokoh ini terdiri dari gulungan lama (tradisi) dan juga baru (moden), akan tetapi kesemua mereka yakin dan sepakat bahawa kemunduran kerajaan Turki Bani Uthmaniah adalah kerana ia telah menyeleweng dari dasar-dasar Islam yang sebenarnya. Penyelewengan itu ialah menerima fahaman serta cara-cara Barat yang bertentangan dengan semangat serta citarasa kerajaan itu sendiri. Tokoh-tokoh ini yakin bahawa Islam sesuai dengan Sains dan Kemajuan (yaani tidak ada pertentangan antaranya). Mereka juga sepakat bahawa Islam menghidupkan daya cipta dan hal ini dibuktikan oleh berbagai tamaddun yang pemah mengambil Islam itu sebagai landasannya. Gulungan ini juga yakin bahawa Islam terdiri dari peraturan-peraturan yang mampu mengawal setiap peringkat perkembangan masyarakat. Mereka setuju untuk menerima kembangan teknologi Barat, tetapi mereka menentang kebudayaan, fahaman keagamaan dan kemasyarakatan yang dibawa oleh Barat. Mereka anggap ciri-ciri Barat yang ini jauh lebih rendah dari yang ada pada Islam. Mereka berpendapat bahawa kekuatan kerajaan Turki dapat dipulihkan semula andainya ia kembali menegakkan undang-undang Islam yang sebenarnya. Mereka memperkuatkan pendapat mereka ini dengan mengatakan bahawa Kerajaan Turki Bani Uthmaniah mencapai kemuncak kegemilangannya ketika ia berpegang teguh pada undang-undang serta peraturan Islam yang sebenarnya. Mereka mencadangkan supaya semua pembaharuan-pembaharuan bercorak kebudayaan dan pendidikan seperti pembinaan sekolah-sekolah moden (sekular) dimansuhkan. Mereka ingin undang-undang Islam dikuatkuasa dengan tegasnya. Mereka yakin Islam adalah agama untuk seluruh umat manusia alam sejagat ini. Lantaran itu, mereka menentang fahaman kebangsaan atau segala bentuk perkauman.

|r

■ I ■ \*;d' - ■"

Tokoh-tokoh penting gerakan sekularisme dan kemodenan ialah Ahmad Riza<sup>\*34</sup>, Abdullah Javedet<sup>\*35</sup>, Jalal Nuri<sup>\*36</sup>, Kilijzade Hakkı<sup>\*37</sup> dan Ziya Gokalp.

Tokoh-tokoh kemodenan sepakat tentang fahaman kemodenan. Pendapat mereka berbeza tentang Islam. Pendapat mereka  
-43 -

juga berbeza tentang sejauh mana pihak Barat patut dicontohi. Penyokong Barat yang paling kuat berpendapat bahawa untuk men- capai tingkat kemajuan seperti Barat dan untuk mendapat peng- ikhtirafan serta sanjungan dari Barat, maka adalah perlu Barat dicontohi dalam segala bidang. Walau bagaimanapun, mereka berpendapat bahawa kebudayaan Barat perlu ditapis dan disesuaikan dengan kebudayaan kebangsaan (atau tempatan). Mereka menyokong usaha memadukan kebudayaan Timur dan Barat. Walau pun penyokong-penyokong kebudayaan Barat memberi penentangan yang berbeza-beza terhadap nilai-nilai agama, akan tetapi, mereka masih yakin Islam sebagai satu keimanan. Mereka juga yakin akan nilai-nilai sejagat yang ada pada Islam.

Penyokong-penyokong kebudayaan Barat terbahagi pada beberapa kumpulan. Ada gulungan yang menerima Barat secara keseluruhannya. Ada pula yang mempejuangkan fahaman kebangsaan dengan begitu melampau sekali. Ketika zaman ‘Meshrutiyyet’ (iaitu satu tempoh masa antara 1908 hingga 1918, ketika inilah undang- undang berperlembagaan dijalankan di Turki), perbincangan- perbincangan mengenai kefahaman-kefahaman mula ketara. Lama kelamaan perbincangan-perbincangan ini menyentuh peribadi-peribadi orang dan juga syarikat-syarikat penerbitan. Penyokong-penyokong Islam menyuarakan pendapat-pendapat mereka melalui majallah- majallah mingguan seperti ‘Sirat-i-Mustaqim’ dan ‘Sebilur-Reshad’. Penyokong-penyokong Barat pula menyuarakan pendapat melalui ‘Turk Yurdu’\*<sup>38</sup> dan ‘Islam Majallah’.

Fahaman kebangsaan juga merupakan salah satu fahaman yang berasal dari Barat. Kebangkitan fahaman kebangsaan di kalangan orang Arab dan orang Turki kerajaan Bani Uthmaniah telah meng- ancam kedudukan gerakan Islam. Pertelingkahan yang dihasilkan oleh fahaman kebangsaan ini dan juga sikap penting diri yang wujud telah menyekat perkembangan fahaman Islam yang sememangnya bebas dari sebarang prasangka. Sebenarnya, pemberontakan Arab dalam tahun 1916, telah menggugat usaha-usaha gerakan Islam dan membuka jalan bagi penegak-penegak fahaman kebangsaan dari kalangan sekular dan moden di Turki bertapak dengan kukuhnya. Sebelum ini, Anjuman Ittihad wa Taraqqi merupakan satu pertubuhan yang terdiri dari ahli- ahli yang mempunyai fahaman yang berbeza-beza. Selepas persidang- annya dalam tahun 1916 dan 1918, Anjuman Ittihad wa Taraqqi

mula bertukar kepada sikap yang lebih mirip pada sekularisme. Selepas perang Dunia Pertama, gerakan Islam bukan lagi merupakan satu **keuasaan** yang disegani. Raayat memang masih yakin akan ketinggian **Islam**, tetapi kini yang berkuasa ialah gulungan moden dan sekular. **Perang Pembebasan Turki adalah** satu peperangan yang disertai oleh semua gulungan masyarakat. Walau bagaimanapun, pimpinan gerakan pembebasan tetap berada di tangan puak sekular yang memastikan agar tugas kempimpinan tidak jatuh kepada gulungan yang mem- **pejuangkan** Islam. Pada 23hb. Oktober, 1923, *Jahmuriyet Khalk Party* (Parti Repablikan Raayat) telah ditubuhkan. Parti ini ialah parti politik tunggal negara Turki pada waktu itu. Parti ini cenderung pada Barat. Dasar-dasarnya berlandaskan fahaman sekularisme dan juga fahaman kebangsaan Turki. Kesemua pembaharuan yang diperkenalkan **pada** peringkat awal negara Repablik Turki memaparkan dasar-dasar sekular parti tersebut.

Bagi pemimpin-pemimpin Parti ini, menentang agama adalah sebahagian dari dasar sekularisme. Lantaran itu mereka berusaha habis-habisan untuk menghilangkan pengaruh Islam dari gelanggang politik dan masyarakat Turki. Pemerintahan berKhalifah dimansuhkan pada 1hb. Oktober, 1922. Pada 29hb. Oktober, 1922, Turki pun diistihar sebagai sebuah negara repablik. Apabila pemerintahan Khalifah dan Kementerian Hal Ehwal Agama dimansuhkan, timbul soal tentang agama resmi negara. Perselisihan pendapat berlaku di kalangan ahli- ahli parlimen tentang menentukan agama resmi negara. Mujurlah kerana pengaruh kuat ahli-ahli parlimen yang mirip pada Islam, maka Islam telah diistihar sebagai agama resmi negara Turki pada 20hb. April, 1924. Puak sekular bukan saja cuba meminda fasal perlembagaan yang menetapkan Islam sebagai agama resmi, bahkan mereka juga cuba menguatkuasakan pembaharuan-pembaharuan berunsur sekular dan bertentangan dengan Islam. Hal ini membuat banyak ahli-ahli parlimen Parti Repablikan Raayat meletak jawatan dan menubuhkan ‘Taraqqipervef Cumhuriyet Firkas’ (Parti Repablikan Kemajuan) pada 17hb. November, 1924. Pemimpin-pemimpin utama parti ini ialah Kazim Karabakir, Ali Fuad Jebesoy<sup>\*39</sup>, Husseiyin Rauf Orbey<sup>\*40</sup>, Rifat Pasha<sup>\*41</sup> dan Abdulhaq Adnan Adivar<sup>\*42</sup>. Tujuan utama penubuhan parti tersebut berbunyi demikian:

“Bahawasanya, pemasukan segala kuasa di Perhimpunan Agung Kebangsaan (Parlimen) tanpa sebarang pengawasan dari sesuatu pihak pembangkang akan membawa pada pemerintahan bercorak otoritarian

(dalam corak pemerintahan ini, kuasa tertumpu di tangan segelintir orang saja tanpa ada pihak yang boleh memberi nasihat serta teguran membina kepada pemerintahan tersebut). Parti ini bertujuan men- gekalkan hak kebebasan perseorangan dan menentang sebarang bentuk kekejaman. Parti ini juga menentang dasar-dasar yang mengisi kepentingan peribadi segelintir pemimpin-pemimpin tertentu.”

Kamal Karpat, iaitu seorang penuis Turki memberi huraian tentang perenggan di atas. Katanya:

“Perenggan ini ditujukan pada Mustaffa Kanjal Pasha dan penyokong-penyokongnya. Parti ini tidak berbeza dari Parti Repablikan Raayat di segi pendapat mereka tentang pemerintahan, pembebasan dan demokrasi. Dalam Fasal ke Enam, Parti ini menyatakan peng- hormatan mereka pada agama. Walau pun Parti ini berfahaman bebas (liberal), namun begitu ia berusaha melindungi agama dari digugat oleh sebuah kerajaan yang sudah jelas sekali pendirian sekularnya.” (Kamal Karpat — ms 46)

Pada 11hb. Februari, 1925, seorang pemimpin Kurdi dari Tariqat Naqsyabandi, iaitu Syeikh Sa’id telah memberontak menentang kerajaan Parti Repablikan Raayat. Dengan bersandar pada peristiwa ini sebagai alasan, kerajaan Repablikan Raayat telah mengharamkan Parti Repablikan Kemajuan pada 5hb. Jun, 1925, walau pun parti tersebut tidak bersangkut-paut langsung dengan pemberontakan Syeikh Sa’id. Satu undang-undang baru yang digelar ‘Takrir-i-sukun kanudu’ (Undang-undang Keselamatan Awam) telah diluluskan pada bulan Mac, 1925. Di bawah undang-undang ini, semua akhbar dan majallah yang menyokong Islam dan menentang dasar kerajaan telah diharamkan. Akhbar-akhbar Istanbul yang berpengaruh seperti Tanin dan Vatan telah ditutup. Majallah-majallah Istanbul yang berpengaruh seperti Seibilulreshad, Tauhid Afkar dan Istiklal telah ditutup. Lima akhbar di bandar-bandar Izmir, Adana dan Trabizon juga telah ditutup. Akhbar- akhbar serta majallah-majallah yang dimiliki samaada, oleh pihak pemb^ngkang, atau pun pihak yang cenderung pada Islam, atau pun pihak yang menyokong pemerintahan berKhalifah, telah diancam. Pengarang-pengarang akhbar serta majallah tersebut telah disaman ke Mahkamah Khas yang digelar ‘Istiklal Mehkemasi’ (yaani Mahkamah pembebasan). Di antara pengarang-pengarang yang disaman ke mahkamah khas tersebut ialah Husain Jahid dari akhbar Tanin, Ahmad Jevid dari akhbar Ikdam dan Walid Abu Ziya (Velid Ebuzziya) dari akhbar

Tauhidi Afkar. Menteri Dalam Negeri ketika itu, iaitu Rajab Payker, telah menggelar akhbar-akhbar pembangkang ini sebagai ular-ular berbisa. Tidak lama kemudian, satu lagi undang-undang telah diluluskan. Undang-undang ini melarang pemilik dan pengarang akhbar-akhbar yang diharapkan itu dari menjalankan usaha penerbitan lagi. Buku- buku mengenai tajuk-tajuk tertentu telah dilarang dari diterbitkan. Dalam satu makallah di akhbar ‘Turd Dill Edigiyati Ansiklopedisi’, M. Dogan menggelar tempoh masa dari tahun 1923 sehingga tahun 1946 sebagai zaman akhbar dikawal. Dalam tempoh masa ini, akhbar- akhbar diganggu dan diancam begitu rupa agar mereka sekata dalam menghasilkan penerbitan yang memenuhi selera pihak pemerintah. Dengan tersekatnya akhbar dan majallah, pihak kerajaan pun bebaslah untuk melaksanakan usaha-usaha pembaharuannya.

Parti Repablikan Raayat menjalankan tindakan ini sehingga tahun 1946. Dalam tahun 1926, satu rancangan hendak membunuh Mustaffa Kamal telah dibongkar, hal ini memberi peluang kecemasan pada pihak kerajaan Parti Repablikan Raayat menghapuskan pihak pembangkang dan pimpinan barisan Islam. Dua puluh satu orang pemimpin telah dihukum gantung dan seratus lima puluh yang lain dibuang negeri. Setengah pemimpin yang menyokong Islam seperti Anwar Pasha, Talat Pasha, Syeikhul Islam Mustaffa Sabri dan penyajak Muhammad Akif telah pun meninggalkan Turki ketika itu. Peristiwa pembunuhan dan pembuangan tersebut telah melumpuhkan barisan pembangkang dan barisan pimpinan yang menyokong Islam. Kerajaan Turki kini bebas untuk melaksanakan berbagai bentuk pembaharuan dan undang-undang yang berlandaskan Barat serta bertentangan dengan Islam tanpa rasa bimbang lagi. Pada 26hb. Disember, 1925, kalendar\* Keristian menggantikan kalendar Hijrah. Pada 17hb. Februari, 1926, undang-undang keluarga Islam dibatalkan. Pada 9hb. April, 1928, fasal perlombagaan (fasal ke 6) yang mengatakan Islam sebagai agama resmi negara telah dimansuhkan dan Turki pun diistiharkan sebagai negara sekular. Pada 2hb. November, 1928, huruf Arab dalam tulisan Turki telah digantikan dengan huiuf-huruf Rumi (Latin). Tindakan- tindakan ini telah menjauhkan raayat Turki dari kebudayaan dan kesusasteraan mereka yang hampir keseluruhan berunsur Islam.

Pemimpin-pemimpin Parti Repablikan Raayat mengatakan bahawa mereka tidak menentang Islam dan terdapat kebebasan beragama di antara tahun 1923 sehinggalah ke tahun 1950. Akan

tetapi kenyataan mereka ini serupalah dengan laungan Russia mengenai kebebasan beragama. Dalam hal ini, kerajaan Turki tidak mengkotakan kata\*katanya (cakap tak serupa bikin). Kenyataan Parti Repablikan Raayat tentang kebebasan beragama telah dipertikaikan oleh cendikiawan-cendikiawan Turki selepas berakhimya pemerintahan Parti Repablikan Raayat dan parti-parti politik dibenarkan wujud. Di antara cendikiawan-cendikiawan itu ialah Ashraf Adib dan Fuad Kaprulu.

Kamal Karpat menulis:

'Bangunan-bangunan lama yang mempunyai nilai seni tinggi dirobohkan untuk meluaskan jalan-jalan raya. Perpustakaan-perpus- takaan yang mencatat sejarah negara telah diancam dan digugat, Ibubapa-ibubapa bercita-cita hendak mendidik anak-anak mereka dalam suasana pendidikan yang sangat asing bagi mereka. Fahaman- fahaman yang bertopengkan modenisma dan demokrasi muncul dan sesiapa pun tidak berani menegur (atau mengkritik) kerana takut dituduh kolot. Hal ini mewujudkan satu suasana buruk di sekolah- sekolah Turki. Suasana ini meracuni jiwa belia-belia Turki. (Kamal Karpat - ms 58 -59)

Lutfi Levonian, iaitu seorang lagi penulis Turki, berkata dalam bukunya, "Moslem Mentality" (Pemikiran Orang Islam):

..... yang menjadi landasan mereka ialah tafsiran hidup manusia berdasarkan kebendaan dan tanggapan yang palsu terhadap agama. Mereka memberontak terhadap Islam kerana, bagi mereka, Islam bermamaan fahaman kebangsaan Arab. Mereka menentang agamakerana mereka berpendapat agama dan sains tidak boleh seraksi. Mereka memberontak terhadap agama kerana mereka fikir Iman dan ilmu tidak boleh seiring. Bahkan menurut mereka, kedua ciri ini berten- tangan antara satu sama lain. Bagi mereka ini, unsur-unsur agama, ajaran-ajaran agama dan buku-buku agama tidak boleh dibuat pegangan langsung. Bagi mereka, agama adalah untuk orang-orang yang berfikiran kolot. "(Kamal Karpat, ms — 58)

Seorang ilmiawan Turki terkemuka, iaitu Adnan Adivar, berkata:

"Selama dua puluh tahun yang lampau, kebanyakan belia Turki  
- 48 -

telah dibesarkan tanpa mendapat pendidikan agama yang resmi. Kalau dulu mereka dididik supaya menerima nilai-nilai Isiam sebagai agung, kini mereka ditekan supaya menerima segala nilai dari Barat sebagai baik. (Kamal Karpat, ms - 128)

Ali Fuad Bashgil, iaitu seorang peguam dan ahli fikir Turki terkenal, telah menyentuh tentang dasar agama kerajaan Turki dalam bukunya yang bertajuk ‘Laiklik ve Din’ (Sekularisma dan Agama).

“Dasar menentang agama yang dijalankan oleh setengah negara dalam tempoh tiga puluh tahun yang lepas tidak berbeza banyak dengan dasar menentang agama yang dijalankan oleh negara komunis Russia. Turki termasuk di antara negara yang menafikan hak mendapat pendidikan agama daii juga hak untuk menyibarkan agama tersebut. Di negara Turki, sekolah-sekolah agama telah ditutup selepas akta Perpaduan Pendidikan dirangka dalam tahun 1924. Semenjak itu, pendidikan agama di Turki telah terbantut.” (‘Laiklik ve Din’,ms — 29)

Terdapat Jabatan Hal Ehwal Agama di Turki. Jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jabatan ini ditubuhkan bukannya untuk menyibarkan ugama Islam. Ianya ditubuhkan untuk mengawal segala kegiatan agama dan juga untuk menguatkuasakan dasar-dasar kerajaan. Peranan mereka ini serupalah dengan peranan Muftiat\*muftiat (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Russia) Russia. Munurut Kamal Karpat, semua sekolah-sekolah agama telah ditutup kecuali satu saja, selepas ‘Akta Perpaduan Pendidikan Tahun 1924, diluluskan. Sekolah yang satu ini mempunyai 284 orang murid dalam tahun 1925 ; akan tetapi, pada tahun 1941, ianya ditutup kerana kekurangan murid. Pada tahun 1924, terdapat 29 buah sekolah Latihan Iman dan Khatib. Pada tahun 1930, jumlah ini telah dikurang-kan menjadi dua buah saja. Selepas tahun 1930, kedua buah sekolah ini juga turut ditutup.

Inilah suasana di Turki dari tahun 1923 hingga ke tahun 1950. Semua perkara yang telah dihuraikan di atas menunjukkan tidak ada kebebasan beragama di Turki walau pun Kerajaan Parti Repablikan Raayat\* mencanangkan adanya hak tersebut di negara itu. Sebenarnya, kerajaan Turki hendak memaksa rakyatnya menerima tafsiran agama yang dibuatnya sendiri. Kerajaan Turki juga menyatakan hasratnya hendak merubah agama Islam sebagaimana orang Eropah telah merubah

agama Keristian. Sesiapa saja yang mengecam dasar ini dituduh puak pelampau.

Dalam tahun 1931, azan (bang) telah ditukar dari bahasa Arab ke bahasa Turki. Dalam tahun 1935, Masjid Ayasofla, sebuah bangunan indah yang merupakan sebuah masjid semenjak tahun 1453, telah ditukar menjadi sebuah muzium. Hanya kerajaan yang betul-betul zalim dan menentang agama saja yang berani menjalankan tindakan-tindakan yang sedemikian hebat di dalam negara orang Muslim.

Kerajaan yang bercorak beginilah yang berada di Ankara ketika berlakunya satu pemberontakan suku Kurdi di Turki Timur pada tahun 1925. Shaukat Sureyya Aydemir, seorang penyokong kuat dasar Parti Repablikan Raayat, telah menyebut tentang pemberontakan ini dalam bukunya yang bertajuk ‘Tek Adam’. Menurutnya, sebab utama tercetusnya pemberontakan tersebut bukanlah kerana orang-orang Kurdi inginkan sebuah negara merdeka, akan tetapi ianya berlaku sebab kerajaan Parti Repablikan Raayat menjalankan dasar-dasar yang ber- tentang dengan Islam. Ustaz Sa’id Nursi berketurunan Kurdi, lantaran itu, orang-orang Kurdi yang bersemangat kebangsaan Kurdi telah menemuinya untuk mendapat sokongan. Mereka berkata kepada beliau: “Pengaruh awak sangat besar.” Badiuzzaman, yang sememangnya menentang fahaman kebangsaan Barat, telah menolak pelawaan mereka itu dengan berkata:

“Negara ini dan orang-orang Turki telah menjadi pejuang Islam selama berabad-abad. Negara ini juga telah menghasilkan banyak orang wali. Keturunan wali-wali ini janganlah ditentang. Tidak boleh saudara menentang saudara. Awak perlu berhenti dari bertindak sedemikian. Yang perlunya ialah negara ini diperbaiki. dan dipimpin ke arah jalan yang benar.”

Berkenaan dengan peristiwa ini, Najmuddin Shahiner menceritakan dalam sebuah bukunya tentang Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi:

‘Di awal tahun 1925, Ustaz Sa’id Nursi selalu keluar dari guanya dan pergi ke Masjid Nurshin di Van untuk menuaikan sembahyang Jumaat. Beliau juga memberi khutbah di masjid tersebut. Pada awal tahun 1925, pemberontakan Syeikh Sa’id pun tercetus di wilayah-wilayah Turki Timur. Sementara itu, Kor Hussain Pasha, seorang ketua suku Kurdi bersama-sama pegawai-pegawai suku Kurdi yang lain telah

berhimpun di taman tersebut. Ustaz Sa'id dapat meneka tujuan pemimpin-pemimpin Kurdi ini dan beliau pun bersyarah pada mereka:

“Saudara, saya kira saudara semua datang ke sini dengan tujuan yang buruk (negatif)?”

Hussain Pasha pun mengaku akan kata-kata Sa'id Nursi tadi. Seterusnya ia mendesak Ustaz Sa'id Nursi menyertai pemberontakan yang dirancang oleh mereka itu. Ustaz Sa'id Nursi pun naik marah dengan kata-kata Hussain Pasha dan ia pun berkata:

“Saya telah lama tahu akan niat buruk awak itu. Sikap begini bukan saja buruk, bahkan ia adalah satu sikap jahiliah. Saya hairan mengapa awak boleh bersikap demikian. Jika awak inginkan Syari'at, maka tindakan begini adalah bertentangan dengan Syari'at. Awak tidak boleh menegakkan Syari'at dengan mengambil langkah yang bertentangan dengan Syari'at itu sendiri. Gerakan awak ini nampaknya didalangi oleh anasir luar.” <

Lepas itu Ustaz Sa'id Nursi pun bangun dan kembali ke guanya di Bukit Arak. Kata-kata Badiuzzaman ini begitu berkesan sekali sehingga raayat Van tidak menyertai pemberontakan tersebut.

Walaupun Ustaz Sa'id Nursi tidak ada kaitan dengan gerakan pembebasan Kurdistan, namun begitu pihak kerajaan masih men- curigainya. Kerajaan menganggap membiar seorang yang berpengaruh seperti Ustaz Sa'id Nursi berada di kalangan orang Kurdi adalah merbahaya. Untuk menghilangkan rasa gelisah ini, kerajaan pun bertindak terhadap Ustaz Sa'id Nursi. Pada 25hb. Februari, 1925, satu pasukan tentera telah mencerobohi guanya dan menangkapnya, sedang ia bertaffakur dan berdo'a. Shahiner berkatalagi dalambukunya:

“Tingkah-laku asykar-asykar itu sangat biadap dan memalukan. Mereka melayaninya seolah-olah ia adalah seorang ketua pemberontak orang-orang Kurdi.”

Ustaz Badiuzzaman pun dibawa dari Van ke Trabzon melalui Erzurum. Dari Trabzon ia pun dibawa ke Istanbul dengan jalan laut. Di sepanjang perjalanan ini, ketua pasukan tentera yang menangkap Ustaz Sa'id mula tertarik dengan peribadinya dan ia pun melayaninya

**dengan penuh hormat:**

Ustaz Sa'id Nursi berada di Istanbul selama dua puluh hari. Ia tinggal samaada di Masjid Arpajiler atau di Masjid Hidayah di Sirkeji atau pun di rumah Taufiq Demiroglu sebagai seorang tetamu. Ia merasa sangat pilu apabila ia dapat tahu pejabat Syeikhul Islam telah ditukar menjadi Maktab Wanita dan tempat permainan serta hiburan. Dari Istanbul, ia pun dibawa dengan kapal ke Antalia (Turki Selatan). Dari Antalia, ia telah dibawa ke Burdur. Ia berada di Burdur selama tujuh 6ulan dan tempat tinggalnya ialah di Masjid Deli Baba. Di Burdurlah ia menulis ‘Nur'un ilk Kapisi” (Pintu cahaya yang pertama), iaitu karya yang pertama dari rangkaian tafsimya yang terkenal dengan nama ‘Risaailan Nur’ (atau Risala-i-Nur dalam bahasa Turki) itu. ‘Nur'un ilk Kapisi’ ditulis dan disebarluaskan secara sulit. Ketika Ustaz Sa'id Nursi berada di Burdur, Marsyal Fauzi Chakmak membuat lawatan ke situ; Gubemur Burdur pun mengadu kepada Marsyal Fauzi bahawa Ustaz Sa'id Nursi tidak mematuhi arahan-arahan kerajaan yang dikenakan terhadapnya, dengan terus mengajar ilmu kepada sesiapa saja yang melawatnya. Fauzi Chakmak sendiri ialah seorang yang cenderung pada agama. Ia tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap Ustaz Sa'id Nursi, bahkan ia menasihati Gubernur tersebut supaya menghormati Ustaz Sa'id Nursi. Selepas tujuh bulan berada di Burdur, beliau pun dipindahkan pula ke Isparta. Ia berada di Isparta selama dua puluh hari. Selepas itu ia telah dibawa pula ke Barla, sebuah kampung dalam wilayah Isparta. Ustaz Sa'id Nursi telah dibawa dari bandar Isparta ke Barla melalui Egridir. Mereka menggunakan jalan raya. Egridir terletak di tebing sebuah tasik yang mempunyai nama yang serupa - iaitu Tasik Egridir. Sekarang kita akan dengar kisah pengembalaan Ustazj Sa'id Nursi dari Egridir ke Barla dengan menggunakan perahu. Ianya diceritakan sendiri oleh salah seorang anggota polis yang mengiringinya. Nama anggota polis itu ialah Shaukat Demiray. Shaukat Demiray menceritakan berikut:

‘Pada awal suatu pagi, saya telah dipanggil ke pejabat Majlis Bandaran. Setibanya saya”di sana, saya lihat di kalangan anggota Majlis Bandaran ada seorang manusia yang berumur lebih kurang empat puluh tahun. Ia memakai serban di kepalanya dan badannya dilitupi jubah. Matanya mengagumkan. Pegawai polis pun berkata pada saya:

“Anak ku, awak ditugaskan membawa tuan ini ke Barla. Beliau  
-52-

ialah Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi yang terkenal itu. Selepas menyerahnya ke Balai Polis di sana, mintalah surat-surat ini ditanda-tangan dan lapurkan kembali kepada saya.” Saya pun menjawab, “Baiklah”, dan terus beredar dari situ bersama-sama Ustaz Sa'id Nursi. Dalam perjalanan, saya pun berkata padanya, “Tuan, awak seumpama ayah saya. Tolong ampunkan saya kerana apa yang saya lakukan ini adalah tugas semata-mata.” Kami sampai ke pengkalan dan menyewa sebuah perahu dengan bayaran sebanyak lima puluh Kurush. Ustaz Badiuzzaman sendiri membayar sewa tersebut. Lepas itu ia membeli sekilo kismis (anggur kering) dengan harga sepuluh Kuiush. Salah satu tangannya membimbbit sebuah raga yang berisi sebuah cerek teh, beberapa biji gelas dan sebuah tikar sembahyang. Tangannya yang satu lagi memegang senaskhah kitab suci Al-Quran. Terdapat lima orang semuanya dalam perahu tersebut. Ada dua orang kelasi, seorang kenalan kelasi tersebut dan kami berdua. Kini, tengahari pun tiba dan cuaca adalah sejuk. Salji sedang cair akan tetapi setengah-setengah tempat di tasik tersebut masih beku. Salah seorang kelasi sedangsibuk memecah air batu (ais) dengan sebatang penukul bagi membuka jalan haluan perahu tersebut. Sedang kami belayar, Ustaz Sa'id Nursi mem- beri pada kami kismis yang dibelinya tadi. Saya memerhatinya dengan penuh minat. Ia begitu tenang dan senyap sekali. Ia memerhati ombak- ombak dan sekitar tasik tersebut dengan penuh minat. Jarinya panjang dan kurus. Sebentuk cincin berbatu permata menghiasi salah satu jarinya. Pakaiannya dibuat dari kain yang baik.

Hari sangat pendek dan masa untuk menunai sembahang Dzohor pun tiba. Ustaz Sa'id Nursi pun menyatakan hasratnya untuk sembahyang Dzohor. Kami pun ubah haluan perahu tadi ke arah Qiblat. Ustaz Sa'id Nursi pun memulakan sembahyangnya dengan laungan takbir yang kuat. Selepas sembahyang, ia mengucap terima kasih kerana mengalih perahu ke arah Qiblat. Selepas dua jam belayar, kami pun sampailah ke pengkalan Barla. Seorang pengawal hutan bemama Burhan sedang bejalan-jalan dengan memikul senapang di atas bahunya. Saya memanggilnya dan kami pun mengambil raga serta tikar sembahyang Ustaz Sa'id Nursi dan meletakkan barang- barang tersebut keatas belakang seekor keldai. Sementara itu, Muhammad, salah seorang kelasi perahu telah mengambil senapang Burhan kerana hendak pergi menembak burung puyuh. Ustaz Badiuzzaman melarang ia berbuat demikian. Katanya sekarang musim

bunga sedang tiba dan inilah masanya telur burung-burung tadi hendak menetas (kalau ditembak burung-burung tadi, kemungkinan besar anak-anak burung tadi tidak akan hidup kerana ketiadaan ibunya). Kami pun bejalan kaki ke bandar Barla dan sampai ke sana dalam masa sejam. Burung puyuh mengiringi kami hingga ke bandar Barla. Hari kian lewat. Kami pun tiba ke Balai Polis yang terletak berdekatan dengan Masjid Ak. Di Balai Polis tersebut, Ketua balai dan Pegawai Daerah yang bemama Bahri Baba sedang menunggu kedatangan kami. Sdy menyerah Ustaz Sa'id Nursi kepada mereka dan meminta mereka menandatangani surat-surat resmi yang ada bersama saya. Saya bermalam di situ dan pada besok paginya, saya pun kembali ke Egridir.

Kata Ashraf Adip: “Dengan ini, bermulalah satu babak baru dalam kehidupan Ustaz Sa'id Nursi. Iaitu satu babak yang penuh dengan ujian dan cabaran.”

## 4

# 25 TAHUN DALAM BUANGAN

Ustaz Sa'id bermalam di Balai Polis Barla. Pada besok harinya, ia dipindahkan ke rumah musafir awam (musafir khana) berdekatan dengan rumah Muhamir Hafiz Ahmad.

Selepas tinggal dua minggu dirumah ini, ia pun meminta supaya dipindahkan ke sebuah rumah sederhana berbilik dua. Permintaannya ini diluluskan. Rumah ini terletak di satu tempat yang sunyi dari segala kebisingan. Dalam rumah inilah ia menghabiskan lapan setengah tahun daripada hayat hidupnya. Di sinilah bermulanya satu tempoh pen- deritaan yang berlangsung sehingga selama dua puluh lima tahun. Alamatnya di sini ialah seperti berikut:

'Ustaz Badiuzzaman Molla Sa'id Masyur Affandi,  
Orang buangan dari Van,  
Balai Polis Barla/Isparta,  
d/a, Pejabat Pesuruhjaya Polis Pusat.

Kampung Barla terletak diatas lereng bukit di tebing barat Tasik Egridir. Anak-anak sungai yang banyak serta salji yang cair telah membentuk satu sungai kecil bernama Sungai Barla. Bandar Barla sendiri di kelilingi oleh bukit-bukit tinggi yang subur menghijau, yang dipenuhi oleh banyak tempat-tempat indah yang sesuai untuk berkelah. Di antara tempat yang terkenal dengan keindahannya ialah Cham Daglar. Bentuk bumi di sini banyak menyerupai Nurs, iaitu kampung Ustaz Sa'id Nursi dilahirkan. Barla terkenal dengan musim bunga dan musim panasnya. Di hadapan rumahnya tertegak sepohon pokok Chinar yang riuh dengan siulan burung-burung ketika musim bunga. Di bawah tempat tinggalnya ini mengalir sebatang anak sungai yang berbuuh

**indah. Taman-taman permai terdampar dari rumah tersebut hinggalah ke tebing Tasik Egridir.**

**Sembilan tahun yang ia habiskan dalam buangan di wilayah ini (1926 - 1935) merupakan satu tempoh yang gelap bagi Turki kalau diUhat dari kaca mata Islam. Ketika inilah undang-undang Islam dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang Swiss dan Itali (Eropah). Waktu ini juga tulisan jawi Turki di tukar kepada tulisan rumi. Dalam tempoh ini juga negara Turki diistihar sebagai sebuah negara Sekular. Dalam masa ini juga diharamkan azan dan iqamah dalam bahasa Arab. Dalam jangka waktu inilah masjid Ayasofia di tukar menjadi muzium dan segala penerbitan serta penulisan Islam diharamkan. Ketika inilah usaha membarat dan mensekularkan Turki beijalan dengan rancak sekali. Bukan setakat itu saja, bahkan kerajaan Repablikan Raayat bertujuan hendak merubah Al\*Quran yang berbahasa Arab itu kepada bahasa Turki.**

Bukti-bukti yang cukup tentang adanya usaha-usaha ini diterangkan oleh Ashraf Adip dalam bukunya ‘Dine Reformcular’ dan juga oleh orang-orang lain dalam buku ‘Trihchaye Hayat’. Setelah melihat usaha-usaha yang tersebut tadi, tidak hairanlah kita, andainya Kerajaan Parti Repablikan Raayat begitu kuat sekali mengawasi kegiatan Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi. Ustaz Sa’id Nursi sangat berbeza dari ulama-ulama lain. Ulama lain dipaksa berdiam diri dan dilarang menulis atau menyuarakan bangkangan terhadap segala perubahan-perubahan dahsyat tadi. Ustaz Sa’id berbeza dari mereka kerana keengganannya mematuhi arahan dari pemerintah yang zalim. Ia menentang pemansuhan undang-undang Islam. Ia menentang hari Ahad sebagai hari cuti menggantikan hari Jumaat. Ia menentang kalendar Keristian menggantikan kalendar Hijrah. Ia menentang azan dan iqamah ditukar ke bahasa Turki. Ia menentang tulisan jawi Turki diganti dengan tulusan rumi. Ia menentang usaha merubah Masjid AyasoTia menjadi sebuah muzium. Ia tidak boleh terima fahaman sekularisme yang ditafsirkan oleh Parti Repablikan Raayat yang berkuasa di Turki waktu itu.

Ustaz Sa’id Nursi tidak pemah mengalah dalam menunaikan haknya menyibarkan ajaran serta syi’ar Islam. Ia tidak pemah memakai topi atau pakaian barat yang diwajibkan oleh kerajaan atas semua orang Turki. Ketegasan sikapnya ini menjadikan ia musuh kerajaan nombor

satu. Lagi kuat penindasan dan penganiayaan yang diterimanya, lagi hebatlah penentangan yang ia berikan.

Walaupun cuaca di Isparta baik, akan tetapi kesihatan Ustaz Sa'id Nursi tetap juga merosot. Ia makan terlalu sedikit. Pada mulanya, Saniah dan Nafiah, iaitu dua orang anak perempuan kecil Muhamir Hafiz Ahmad menghantar sup pada beliau setiap hari. Ustaz Sa'id Nursi membayar kepada mereka sepuluh Kurush. Kemudian ia menerima makanannya daripada keluarga Abdullah Chavush. Hal ini bertempsan selama empat setengah tahun.

Ustaz Sa'id Nursi memasak makanannya sendiri. Pada malam hari, ia membaca Al-Quran atau pun ia membaca do'a-do'a yang diberi nama 'Josyan al-Kabir.' Beliau juga membaca do'a-do'a Syeikh Abdul Qadir Jilani dan Imam Rabbani. Kadangkala ia membaca do'a yang disusunnya sendiri dan dinamakannya 'Hizbun-Nuriyah'. Pada siang hari ia mengajar Al-Quran kepada sesiapa saja yang datang kepadanya. Dengan demikian, menurut kata-kata Sa'id Nursi sendiri, 'tempat ini telah bertukar menjadi sebuah sekolah cahaya'. Di antara mereka yang datang menziarahinya ialah beberapa orang pegawai tentera yang kemudian menjadi orang-orang menyantungnya. Di antara mereka ini ialah Kolonel Halusi Beg yang datang dari Egridir dengan menunggang kuda pada bulan April, 1929. Ia menghormati Ustaz Sa'id Nursi sebagai seorang Syeikh Tariqat Sufi tetapi Ustaz Sa'id Nursi mengingatinya: "Saudara, saya bukan seorang Syeikh Tariqat. Saya adalah seorang Imam seperti Imam Ghazali atau pun Imam Rabbani. Sekarang bukannya masa untuk bertariqat. Sekarang ialah masanya untuk menyelamatkan IMAN (A'qidah)."

Pada awal tahun 1930, Marsyal Fauzi Chakmak dan Jeneral Fakhruddin Pasha iaitu Ketua Tentara Turki di Madinah ketika perang dunia pertama, telah datang ke Egridir. Mereka telah mengirim salam pada Ustaz Sa'id Nursi. Beliau membalas salam tersebut dengan menghantar penulisannya yang bertajuk 'Kalimah yang kesebelas' (1 Ith. Soz) kepada Jeneral Faichruddm.

Dalam tahun 1930, Ustaz Sa'id Nursi menerima sepucuk surat dari saudara perempuannya, Alimah Hanim Nursi. Alimah telah berpindah mengikuti suaminya ke Damsyik pada tahun 1919. Ia berkhidmat di sana sebagai guru. Berikut ialah jawapan beliau pada Alimah:

“Awak bertanya tentang kesihatan saya. Oleh kerana Allah itu Maha Pengasih, maka apa saja yang berlaku pada saya tentulah ada hikmahnya. Saya kini sedang berkhidmat sebagai seorang Imam di sebuah kampung. Taqdir telah membuat saya suka merayau-rayau berseorangan di bukit-bukit di sini. Saya sangat rindu hendak melihat awak dan juga Syria. Andainya kita tidak dapat bertemu di dunia yang sementara ini, insyaAllah kita akan bertemu di akhirat kelak. Awak bertanya kemana saya hendak pergi selepas ini. Saya tidak mempunyai tempat yang hendak dituju. Saya menyerah diri semata-mata pada Allah. Jika saya hendak pergi ke lain tempat, saya akan beritahu awak. Saya menulis pada awak kerana saya perlukan do'a awak.”

Dalam tahun 1932, azan dan iqamah telah ditukar dari bahasa Arab ke bahasa Turki atas arahan kerajaan Turki sendiri. Pada 18hb. Julai, 1932, sedang Ustaz Sa'id Nursi menjadi Imam sembahyang, sepasukan polis bersembunyi berdekatan tempat tersebut. Anggota- anggota polis tersebut mendapati larangan azan dan iqamah dalam bahasa Arab tidak dipatuhi oleh mereka yang sedang sembahyang itu. Empat orang kampung telah ditangkap oleh polis kerana berazan dan beriqainah dalam bahasa Arab.

Risaailan-Nur, iaitu karyanya yang terulung telah disusun ketika ia berada di Barla. Salah seorang penyokongnya di Barla — iaitu Mustafa Chaush, telah membina sebuah pondok untuk behau di bawah pokok Chinar. Di dalam pondok inilah Ustaz Sa'id Nursi menulis dan men- Yusun kitabnya yang termasyur — iaitu ‘Rasaailan-Nur’. Beliau menulis sepanjang musim bunga dan musim panas di situ di bawah alunan siulan burung-burung. Selama lapan tahun ia sibuk mengarang kitabnya itu. Jumlah tajuk dalam kitabnya ketika itu ialah seratus tiga puluh. Kesemua tajuk-tajuk ini terkandung dalam enam ribu muka surat. Ada pendapat yang berkata bahawa tiga suku dari kitabnya yang terulung ini ditulis di Barla. Mula-mula dinamakan himpunan penuh- lisannya ini ‘Sozlef atau ‘Kalimah’, kemudian ia tukar nama itu ke ‘Rasaailan-Nur’.

Walaupun di Barla, Ustaz Sa'id Nursi tidak dikurung dalam penjara, akan tetapi ia dikawal dengan ketat oleh pihak Polis. Di samping itu ia dilarang menulis. Lantaran itu, segala penulisan dilakukannya secara sulit. Sikap timbangrasa dari pengawal-pegawalnya juga membantu ia dalam menyediakan penulisannya.

Tentang tempohnya dalam buangan ini, beliau ada menceritakan: “Sekarang baru saya tahu bahawa kehidupan saya ini diatur begitu rupa — sehingga ianya diluar ikhtiar, kemampuan dan kawalan saya, agar saya dapat menghasilkan karya-karya ini demi kepentingan Al-Quran itu sendiri. Seolah-olah kehidupan saya sebagai ulama’ telah dihabiskan sebagai muqaddimah (pembukaan) kepada karya-karya ini. Akhimnya, karya-karya ini telah menjelaskan kea’jaiban yang terkandung dalam Al-Quran itu sendiri.

Tanpa ragu lagi saya katakan bahawa saya telah diarahkan berkhidmat kepada Al-Quran dengan ikhlas dan suci. Saya berkata demikian kerana saya telah dibuang jauh dari kampung halaman, saudara mara dan masyarakat ke sebuah tempat yang sunyi dan ter- pencil atas sebab yang tidak adil. Walau pun saya telah menerima penindasan aan penaentaan yang begitu hebat, saya masih anggap saya telah diarah oleh Allah untuk berfikir tentang kebenaran-kebenaran yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran.”

Buku-buku Ustaz Sa’id Nursi ini ditulis dalam bahasa Turki dengan menggunakan huruf jawi (Arab) walaupun huruf jawi telah diharamkan dalam tahun 1928 (dan digantikan dengan huruf rumi). Lantaran itu karya-karyanya tidak dapat dicetak (kerana semua percetakan adalah dalam rumi). Kesemua karyanya ini disalinkan dengan tulisan tangan. Kerja-kejia menulis ini dijalankan oleh ahli- ahli Thalaba an-Nur (penuntut-penuntut cahaya). Kadangkala, ada ahli-ahli Thalaba an-Nur ini ditangkap dan dibawa ke balai polis untuk menerima hukuman. Walaupun begitu, jumlah mereka yang men- jalankan kejia ini kian bertambah. Di antara penulis-penulis penting karya beliau ketika itu ialah Hafiz Khalid, Hafiz Taufiq dan Maullim Khalid. Pengguna^n huruf rumi yang di kuatkuasakan oleh kerajaan Turki telah membuat karya-karya agama tulisan jawi kian pupus. Karya-karya agama dalam huruf latin (rumi)pula sangat tandus. Dalam keadaan begini, ketandusan karya-karya agama ketika itu telah diisi oleh usaha-usaha penulisan Ustaz Sa’id Nursi. Lama kelamaan, buku- buku ini kian digemari ramai, Penduduk-penduduk kampung ber- dekatan ke Barla kerana hendak membaca karya-karya Ustaz Sa’id Nursi. Mereka menyalin karya-karya tersebut dan menyibarkan pula pada orang lain. Di dalam wilayah Isparta saja, terdapat empat puluh tempat yang menjalankan kejia menyalin buku-buku Ustaz Sa’id Nursi. Kaum wanita juga terlibat dalam kerja menyalin ‘Risaailan-Nur. Pen-

yibaran kitab ini telah membantu usaha penerapan ajaran Al-Quran di kalangan raayat. Menurut pengarang Turki yang terkenal, Ashraf Adib, Risaailan-Nur juga telah mengekal tulisan jawi Turki agar terus hidup di kalangan raayat Turki lapis baru. Peribadi Ustaz Sa'id Nursi yang hebat itu telah berjaya mempengaruhi pengawal-pengawalnya. Banyaklah di antara mereka menjadi muridnya. Hal ini juga telah membantu keja-keja penulisannya.

Walau bagaimanapun, kegiatan-kegiatan ini tidak dapat disembunyikan begitu lama. Pihak kerajaan memang telah merasa bimbang dengan khutbah-khutbah serta syarahan-syarahannya. Kini kebimbangan mereka kian bertambah apabila mereka mendengar Ustaz Sa'id Nursi sedang giat menulis. Dalam musim panas tahun 1934, Ustaz Sa'id Nursi telah dipindahkan dari Barla ke Isparta — iaitu bandar utama bagi wilayah Isparta. Ketika itu 119 dari 130 tajuk-tajuk karyanya telah ditulis. ‘Sozler’ dan ‘Maktubat’ telah siap ditulis. Sebahagian besar dari tajuk ‘Limalar’ juga telah siap ditulis. Belum pun sampai setahun ia berada di bandar Isparta, pihak berkuasa telah mengambil langkah yang lebih tegas terhadapnya. Pada 25hb. April, 1935, beberapa orang anggota ‘Thalaba an-Nur’ telah ditangkap di rumah serta di tempat kerja mereka dan dihantar ke penjara. Dua hari kemudian, Ustaz Sa'id Nursi dan beberapa anggota Thalaba an-Nur telah ditangkap. Beliau berserta 120 orang muridnya itu telah di hantar ke penjara Eskishehir. Di sinilah buat pertama kalinya, ia dituduh menubuhkan pakatan sulit untuk menggulingkan kerajaan. Ia juga dituduh menentang dasar pemerintahan yang ada ketika itu. Apabila perbicaraan dijalankan di Mahkamah Eskishehir, Ustaz Sa'id Nursi mempertahankan dirinya dengan kenyataan yang panjang lebar sekali. Berikut ialah kenyataan beliau:

“Saya dituduh menjadi pengikut fahaman kolot. Saya juga dituduh cuba menggulingkan kerajaan dan melanggar undang-undang negara. Hujjah saya ialah ada perbezaan antara kemungkinan dan kejadian sebenarnya. Sebagai contoh - kemungkinan sebatang macis api membakar sebuah rumah memang ada. Tetapi selagi rumah tidak terbakar, saya tidak boleh dituduh atas tuduhan melakukan kebakaran. Saya bekeija dan berdaawah kerana taat kepada Allah ﷺ semata-mata dan tidak lebih dari itu. Saya tidak mahu kerajaan berada di tangan saya. Saya hanya mahu memimpin manusia ke jalan Allah. Saya juga dituduh menjadi seorang ahli sufl\*<sup>43</sup>. Sebenarnya seorang

manusia boleh masuk syurga tanpa menjadi seorang ahli sufi. Tetapi, sesiapa pun tidak boleh masuk syurga tanpa beriman pada Allah dan Islam. Sekarang ialah masa untuk memperkuuhkan Iman.

“ Awak bertanya dari mana saya mendapat duit untuk menyara gerakan saya. Saya bertanya balik, adakah awak mempunyai bukti bahawa saya mengutip wang untuk membayai gerakan saya? Awak berkata kerja-kejayaan yang saya lakukan ini tidak dibenarkan oleh kerajaan. Awak berkata bahawa ada Jabatan kerajaan yang ditugaskan menjalankan kejayaan tersebut. Awak berkata saya memerlukan lesen untuk menjalankan kejayaan tersebut. Adakah saya memerlukan lesen untuk mematuhi Allah? Sebenarnya kami mempunyai tugas-tugas yang lebih penting dari tugas-tugas yang dijalankan oleh jabatan awak itu.

Matahari tiaak boleh jadi bulan pada bulan. Kunci kebahagiaan akhirat (yaani ilmu Islam) tidak boleh diperalatkan untuk kepentingan selera masyarakat.

Wahai tuan hakim! Kalau-lah hal ini menyentuh kehidupan dunia ini saya saja semestinya akan berdiam diri sebagaimana yang saya telah lakukan selama sepuluh tahun. Saya tidak akan meninggalkan pejuangan ini walaupun saya diberi seratus kepala dan setiap hari salah satu kepala tersebut dipancung. Walaupun saya mungkin bebas dari ancaman awak, akan tetapi saya tidak akan terlepas dari maut. Sebenarnya, pejuangan saya ini menyentuh jiwa ramai manusia. ‘Risaailan-Nur’ menerangkan kaitan sebab dan kesan (musabab) terhadap makhluk.

Sesiapa yang memimpin negara yang beragama dan bertuah ini (yaani Turki), perlu membantu usaha menyemai sifat taqwa kerana itu ialah tugas mereka. Awak sendiri telah lihat bahawa kesemua buku-buku saya yang awak rampas ialah tentang iman dan A-Quran dan bukannya mengenai politik. Pihak kerajaan boleh mengawas bumi dan perkara-perkara luaran yang lain, akan tetapi, mengenai perkara-perkara peribadi dan perkara-perkara yang menyentuh hati, setiap orang mendapat kebebasan. ‘Risaailan-Nur’ adalah pancaran cahaya yang tidak mencederakan. ‘Risaailan-Nur’ memelihara kebenaran suci yang merupakan tunjang kehidupan rakyat dan negara.

Kitab saya, ‘Fihrist Risalasi’, yang awak rampas itu menunjukkan  
—61—

bahawa setiap jilid ‘Risaailan-Nur’ memberi tafsiran tentang kebenaran ayat-ayat Al-Quran - lebih-lebih lagi ayat-ayat yang menyentuh dasar-dasar Iman. Begitu berkesan sekali tafsirannya hingga ia boleh menggugat usaha-usaha atau rancangan-rancangan ahli-ahli falsafah Eropah untuk merosakkan Islam yang mereka jalankan semenjak seratus tahun yang lalu.

‘Risaailan-Nur’ membicarakan intisari iman. Ia mendatangkan keselamatan dan ketenangan. Iman ialah tempat terpancaran akhlak yang baik. Iman menjamin keamanan masyarakat. Amalan-amalan yang tidak berdasarkan agama yang suci ini mengancam ketenteraman masyarakat.

Tuan-tuan! Janganlah mensia-siakan tenaga awak semua. Walaupun awak telah mengawasi begitu lama, awak masih tidak men- dapat apa yang awak cari. Tentu awak dapat melihat bahawa yang menentukan taqdir ialah satu kuasa yang tidak boleh dikalahkan; yang gagah dan begitu agung sekali. Cara yang paling baik ialah berdamai dengan taqdir dan bukan menentangnya.

‘Risaailan-Nur’ bergantung pada Al-Quran. Al-Quranlah yang memberinya cahaya. Kebenaran Al-Quran mempunyai kuasa tarikan seumpama berpadunya bumi dan langit.

Mereka yang memerintah benua Asia tidak boleh menentang tafsir Al-Quran seperti ‘Risaailan-Nur’. Mereka boleh mendapat faedah dan kesejahteraan dari tafsir ini. Andainya saya mempunyai kepala sebanyak rambut di atas kepala saya ini, saya sanggup korbankan kesemuanya demi mencapai kebahagiaan di akhirat.

Sebarang paksaan terhadap saya untuk berdiam diri, samaada dengan mengancam atau menghancur gerakan saya ini, akan membuat seribu lidah lagi bangun menyuarakan kebenaran. Dengan rahmat dan berkat Allah, ‘Risaailan-Nur’ kian mendapat sambutan di kalangan raayat sepanjang dua puluh tahun yang lepas. Semoga seribu lidah lagi akan menyuarakan kebenaran selain dari lidah saya yang telah dibelenggu ini.

Saya istiharkan pada tuan hakim dan kepada seluruh dunia bahawa saya telah mempertahankan kebenaran Iman dari segala

serangan ahli-ahli falsafah Eropah — lebih-lebih lagi yang tidak percaya adanya Tuhan. Saya juga telah mempertahankan kebenaran Iman dari mereka yang menggugat keamanan umum dengan akhlAQ mereka yang buruk itu. Saya juga mempertahankan kebenaran Iman dari mereka yang menggunakan politik untuk menyibarkan fahaman mulliid.

‘Risaaiian-Nur’ mempunyai pendekatan yang saintifik dan bijaksana. Andainya ‘Risaailan-Nur’ bertentangan dengan dasar politik orang-orang yang gila dunia, maka hal ini boleh dimaafkan. Kami tidak bertujuan menyinggung awak. Awak yang patut mengikuti cita-cita kami.

Wahai orang-orang kejam yang tidak percaya adanya Tuhan! Awak telah meletakkan saya dalam keadaan yang sukar ini, Andainya awak hendak membunuh saya, mengapakah awak memilih cara yang penuh penipuan ini? Bukankah ini membusukkan nama undang-undang itu sendiri? Sepatutnya awak mencabar saya terus terang dengan berkata: ‘Kami hendak membunuh awak!’ ”

Ustaz Sa’id Nursi juga telah dituduh menulis makallah mengenai purdah (kain tudung muka) wanita sedangkan kerajaan telah meng- haramkan wanita memakai purdah. Nama makallah tersebut ialah ‘Tesattur Risalasi’. Dalam makallah tersebut, Sa’id Nursi telah meng- hurai pendapat Al-Quran mengenai perkara tersebut. Sa’id Nursi menganggap tuduhan tersebut satu kezaliman kerana tafsirannya itu samalah dengan tafsiran ahli-ahli tafsir sepanjang tiga belas abad yang lalu. Katanya:

“Wahai manusia-manusia dalam mahkamah, satu kezaliman telah dilakukan terhadap saya. Kalau saya berdiam diri terhadap kezaliman ini, maka ini bermaana satu kecaman terhadap kebenaran. Oleh itu gantunglah saya atau buktikan kesalahan saya menurut pejalanan undang-undang. Jika kesalahan saya tidak dapat dibuktikan, bebaskan saya dan penulisan saya dari sekatan.

Kalaualah ada keadilan di atas muka bumi ini, mahkamah Tinggi akan membatalkan hukuman ini. Adakah adil msnghukum seseorang atas sebab ia membuat tafsiran atas sebuah kitab yang menjadi kitab suci dan panduan bagi 350 juta Muslim selama 1350 tahun?”

Walaupun tuduhan terhadap beliau tidak dapat dibuktikan, mahkamah Eskishehir tetap menjatuhkan hukuman sebelas tahun penjara kerana menulis ‘Tesattur Risalasi’. Lima belas orang muridnya dihukum penjara enam bulan dan seratus lima orang muridnya yang lain dibebaskan.

Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi merengkok dalam penjara Eskishehir selama sebelas bulan dalam keadaan yang penuh kesusahan dan penderitaan. Beliau di kurung seorang diri. Di penjara ini, ketinggian akhlaknya dan kuliah ilmu yang diberinya di situ, telah membawa kesan yang hebat pada banduan-banduan. Banyak banduan- banduan tersebut bertaubat dan mula insaf akan kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan lantaran peranan yang dimainkan oleh Ustaz Sa’id Nursi.

Sekatan-sekatan dan kesukaran-kesukaran di penjara tersebut tidak dapat menggugat usaha penuhsan Ustaz Sa’id Nursi. Bab 28, 29 dan 30 di bawah tajuk ‘Limalar’ dan bab pertama dan kedua tajuk ‘Shular’, siap disusun daimai Eskishehir.

Dalam musim bunga tahun 1936, Ustaz Sa’id Nursi pun dibebaskan selepas sebelas bulan berada di penjara Eskishehir. Sebaik- baik saja dibebaskan, beliau dibuang pula ke Kastamunu, iaitu sebuah bandar di wilayah utara negara Turki. Di bandar ini, beliau tinggal selama tiga bulan di Balai Polis Charshi. Kemudian beliau dipindahkan pula ke sebuah rumah di hadapan balai polis tersebut. Sewa rumah itu dibayar oleh Ustaz Sa’id Nursi sendiri. Alamatnya ketika berada di situ ialah: d/a, Balai Polis Charshi, Kastamunu. Walaupun pada lahirnya beliau kelihatan bebas, Ustaz Sa’id Nursi sentiasa diawasi oleh pihak polis dengan rapi sekali sehingga ia tidak dibenarkan pergi kemanapun.

Najmuddin Shahinar telah mencatatkan dua peristiwa menarik ketika Sa’id Nursi berada di Kastamunu. Dia menceritakan bahawa suatu hari ketika Sa’id Nursi sedang duduk di hadapan rumahnya, seorang yang sedang mabuk berlalu di situ. Orang itu sedang menuju ke sebuah rumah pelacuran. Apabila ia sampai berhampiran Sa’id Nursi, ia pun berhenti. Ustaz Sa’id Nursi pun memandang sambil berkata dengan lemah lembut kepadanya:— ”Saudara, baliklah ke rumah saudara dan mandi. Kemudian sembahyang dan bertaubatlah kepada Allah.”

---

Setelah mendengar kata-kata ini, orang tadi pun terpegun sebentar dan kemudian ia pun kembali ke rumahnya dengan air mata bercucuran. Sebaik-baik saja tiba di rumahnya, ia pun mandi, sembahyang dan kemudiannya terus bertaubat. Semenjak itu, orang tadi tidak lagi mengulangi kejahanan-kejahanannya.

Peristiwa yang kedua pula ialah berkenaan gabenor Wilayah Kastamunu. Gabenor Kastamunu ketika itu bermama Mithat Altiok. Beliau adalah anggota Parti Repabiikan Raayat, Mithat Altiok amat menentang usaha-usaha Ustaz Sa'id Nursi. Setiap hari beliau menganggu Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi. Oleh kerana Ustaz Sa'id Nursi tidak pemah memakai topi dan berpakaian Barat, maka beliau telah di panggil pada suatu hari untuk disoal oleh Mithat Altiok. Apabila Ustaz Sa'id Nursi masuk ke bilik gabenor tersebut, beliau pun terus berkata dengan suara yang tegas:-

"Mithat! Di antara kita dan maut ialah suatu tirai yang nipis. Apabila tirai itu dibuang, tidak ada apa yang hendak ditakutkan lagi. Oleh itu, berdiri dan tunaikanlah kewajipanmu."

Gabenor itu terpegun. Mukanya pucat dan tangannya mulai menggeletar. Dengan susah payahnya, beliau pun membunyikan loceng untuk memanggil polis supaya membawa. Ustaz Badiuzzaman pulang. Tidak lama selepas itu, Mithat Altiok pun menjadi buta, hidungnya telah gugur dan akhirnya beliau terus mati\*<sup>44</sup>.

Selama lapan tahun di Kastamunu, Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi telah dapat menghasilkan penulisan-penujisan yang baik. Di sini juga beliau telah berhasil mendapat sekumpulan murid yang rajin. Murid-muridnya ini telah menyibarkan tulisan-tulisannya sehingga ke pantai Laut Hitam, Hubungan Sa'id Nursi dengan kawasan Barla masih tidak tergugat. Penuntut-penuntut dari Isparta dan lain-lain kawasan di Turki menghantar soalan-soalan pada beJiau untuk dijawab. Jawapan-jawapan yang diberi oleh Ustaz Sa'id Nursi telah disibar dengan meluas di kalangan orang-orang lain oleh penuntut-penuntut tersebut. Untuk melaksanakan tugas penyibaran ini, murid-murid Ustaz Sa'id Nursi telah menubuhkan satu pertubuhan pos yang di panggil "Posman Nur". I>engan cara ini, sebanyak 600,000 naskah tulisan tangan tafsir 'Risailan-Nur' karya Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi telah berhasil disibarkan. Sementara itu, 50,000 naskah karya

Walaupun tuduhan terhadap beliau tidak dapat dibuktikan, mahkamah Eskishehir tetap menjatuhkan hukuman sebelas tahun penjara kerana menulis ‘Tesattur Risalasi’. Lima belas orang muridnya dihukum penjara enam bulan dan seratus lima orang muridnya yang lain dibebaskan.

Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi merengkok dalam penjara Eskishehir selama sebelas bulan dalam keadaan yang penuh kesusahan dan penderitaan. Beliau di kurung seorang diri. Di penjara ini, ketinggian akhlaknya dan kuliah ilmu yang diberinya di situ, telah membawa kesan yang hebat pada banduan-banduan. Banyak banduan- banduan tersebut bertaubat dan mula insaf akan kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan lantaran peranan yang dimainkan oleh Ustaz Sa’id Nursi.

Sekatan-sekatan dan kesukaran-kesukaran di penjara tersebut tidak dapat menggugat usaha penulisan Ustaz Sa’id Nursi. Bab 28, 29 dan 30 di bawah tajuk ‘Limalar’ dan bab pertama dan kedua tajuk ‘Shualar’, siap disusun diajam penjara Eskishehir.

Dalam musim bunga tahun 1936, Ustaz Sa’id Nursi pun dibebaskan selepas sebelas bulan berada di penjara Eskishehir. Sebaik- baik saja dibebaskan, beliau dibuang pula ke Kastamunu, iaitu sebuah bandar di wilayah utara negara Turki. Di bandar ini, beliau tinggal selama tiga bulan di Balai Polis Charshi. Kemudian beliau dipindahkan pula ke sebuah rumah di hadapan balai polis tersebut. Sewa rumah itu dibayar oleh Ustaz Sa’id Nursi sendiri. Alamatnya ketika berada di situ ialah: d/a, Balai Polis Charshi, Kastamunu. Walaupun pada lahirnya beliau kelihatan bebas, Ustaz Sa’id Nursi sentiasa diawasi okeh pihak polis dengan rapi sekali sehingga ia tidak dibenarkan pergi kemana-mana.

Najmuddin Shahinar telah mencatatkan dua peristiwa menarik ketika Sa’id Nursi berada di Kastamunu. Dia menceritakan bahawa suatu hari ketika Sa’id Nursi sedang duduk di hadapan rumahnya, seorang yang sedang mabuk berlalu di situ. Orang itu sedang menuju ke sebuah rumah pelacuran. Apabila ia sampai berhampiran Sa’id Nursi, ia pun berhenti. Ustaz Sa’id Nursi pun memandang sambil berkata dengan lemah lembut kepadanya:— ”Saudara, baliklah ke rumah saudara dan mandi. Kemudian sembahyang dan bertaubatlah kepada Allah.”

.f>A .

Setelah mendengar kata-kata ini, orang tadi pun terpegun sebentar dan kemudian ia pun kembali ke rumahnya dengan air mata bercucuran. Sebaik-baik saja tiba di rumahnya, ia pun mandi, sembahyang dan kemudiannya terus bertaubat. Semenjak itu, orang tadi tidak lagi mengulangi kejahanan-kejahanannya.

Peristiwa yang kedua pula iaiah berkenaan gabenor Wilayah Kastamunu. Gabenor Kastamunu ketika itu bermama Mithat Altiock. Beliau adalah anggota Parti Repablikan Raayat, Mithat Altiock amat menentang usaha-usaha Ustaz Sa'id Nursi. Setiap hari beliau menganggu Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi. Oleh kerana Ustaz Sa'id Nursi tidak pemah memakai topi dan berpakaian Barat, maka beliau telah di panggil pada suatu hari untuk disoal oleh Mithat Altiock. Apabila Ustaz Sa'id Nursi masuk ke bilik gabenor tersebut, beliau pun terus berkata dengan suara yang tegas:—

“Mithat! Di antara kita dan maut ialah suatu tirai yang nipis. Apabila tirai itu dibuang, tidak ada apa yang hendak ditakutkan lagi. Oleh itu, berdiri dan tunaikanlah kewajipanmu.”

Gabenor itu terpegun. Mukanya pucat dan tangannya mulai menggeletar. Dengan susah payahnya, beliau pun membunyikan loceng untuk memanggil polis supaya membawa Ustaz Badiuzzaman pulang. Tidak lama selepas itu, Mithat Altiock pun menjadi buta, hidungnya telah gugur dan akhirnya beliau terus mati\*<sup>44</sup>.

Selama lapan tahun di Kastamunu, Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi telah dapat menghasilkah penulisan-penulisan yang baik. Di sini juga beliau telah bejaya mendapat sekumpulan murid yang rajin. Murid-muridnya ini telah menyibarkan tulisan-tulisannya sehingga ke pantai Laut Hitam, Hubungan Sa'id Nursi dengan kawasan Barla masih tidak tergugat. Penuntut-penuntut dari Isparta dan lain-lain kawasan di Turki menghantar soalan-soalan pada beliau untuk dijawab. Jawapan-jawapan yang diberi oleh Ustaz Sa'id Nursi telah disibar dengan meluas di kalangan orang-orang lain oleh penuntut-penuntut tersebut. Untuk melaksanakan tugas penyibaran ini, murid-murid Ustaz Sa'id Nursi telah menubuhkan satu pertubuhan pos yang di panggil “Posman Nur”. Dengan Cara ini, sebanyak 600,000 naskah tulisan tangan tafsir ‘Risaailan-Nur’ karya Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi telah berjaya disibarkan. Sementara itu, 50,000 naskah karya

beliau yang bertajuk "Ayatul Kursi" telah di terbitkan secara suuit di Istanbul.

Dalam musim bunga tahun 1943, Ustaz Sa'id Nursi memberitahu mujid-muridnya bahawa beliau tidak tinggal di sesuatu tempat itu sehingga lebih dari lapan tahun. Kini, di Kastamunu; tempoh lapan tahun sudah hampir cukup. "Oleh itu, katanya, Saya akan matisamaada dalam tahun ini atau saya akan pergi ke tempat lain."

Memang tepat apa yang di katanya. Pihak berkuasa yang menentang Islam telah menyusun satu komplot baru terhadapnya. Pihak polis telah menyerbu rumah Ustaz Sa'id Nursi pada 31hb. Ogos, 1943 dan merampus surat-surat dan karya-karyanya atas alasan penerbitan sulit karyanya iaitu "Ayatul Kursi". Satu lagi serbuan telah dilakukan terhadap rumahnya pada 18hb. September, 1943. Pihak polis telah menahan Ustaz Sa'id Nursi pada 20hb. September, 1943 walaupun mereka tidak menjumpai bahan-bahan yang terbukti meng- ancamkan. Mereka membawa beliau menaiki bas ke Ankara melalui bandar Chankiri. Ketika ini Ustaz Sa'id Nursi berusia tujuh puluh tahun. Perjalanan mereka menempuh kawasan bukit yang sukar dilalui. Lantaran itu, perjalanan tersebut tidak memberi keselesaan kepada Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi. Beliau bersungut:— "Kalau mereka ini menganggap saya seorang tahanan politik, mereka patut menye- diakan kereta sewa untuk saya."

Di Ankara, beliau telah dibawa beijumpa Gabenor Wilayah tersebut yang bermama Nevzat Tandogan. Gabenor ini juga menentang usaha-usaha Ustaz Sa'id Nursi. Apabila gabenor tadi mengecam pakaian yang sedang dipakainya, Ustaz Sa'id Nursi pun menjawab dengan keras sekali:—

"Saya sedang memakai pakaian yang telah dipakai oleh nenek moyang awak. Saya sedang menjalani kehidupan yang sunyi seumpama orang bangsat. Undang-undang pakaian tidak boleh dilaksanakan keatas orang yang macam ini. Saya tidak pemah keluar dari rumah saya. Awak yang memaksa saya keluar dari rumah saya."

Suatu perkara yang menarik di sini ialah Gabenor Nevzat Tandogan membunuh diri pada 9hb. Julai, 1946 iaitu dua tahun sepuluh bulan selepas pertengkarannya dengan Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi.

Ustaz Sa'id Nursi kemudiannya dibawa dari Ankara ke Isparta dan seterusnya ke Denizli dalam tahun 1944. Di Denizli, beliau bersama 126 orang muridnya dipenjarakan. Kini, beliau dihadapkan ke mahkamah Denizli atas tuduhan yang serupa juga iaitu tuduhan cuba menggulingkan kerajaan dan menentang Revolusi Turki. Perbicaraan tersebut berjalan selama sembilan bulan. Ustaz Sa'id Nursi memper-tahan dirinya di mahkamah Denizli dengan begitu berani sekali. Beliau berkata dihadapan mahkamah:—

“Saya telah dituduh menubuhkan sebuah parti. Ya, kami adalah sebuah parti. Kumpulan kami adalah sebuah kumpulan persaudaraan yang mengandungi ahli sebanyak 400 juta di seluruh dunia. Setiap hari, lima kali kami mengistiharkan kettaatan kami terhadap Allah, Tuhan semesta alam. Adalah menjadi kewajipan kami untuk menyeru dan memperkenalkan Al-Quran agar manusia dapat hidup dalam kebenaran dan menjauhi kemungkar-kemungkaran seperti meminum minuman keras, menari, bejudi, berzina, merompak dan berdusta. Kami diarah membantu anak-anak yatim, memberi makan faqir miskin dan mem-bebaskan hamba. Tidak ada kuasa di atas muka bumi ini yang boleh menyekat kami dari melaksanakan kewajipan-kewajipan ini — iaitu kewajipan-kewajipan untuk meninggikan taraf kemanusiaan. Tidak ada sesiapa pun yang berani berbuat demikian. Apabila buku-buku Dr. Dozy yang menafikan Al-Quran dan Islam; menggalakkan meminum arak, judi dan zina dibenarkan untuk jualan, maka perkara ini dianggap tidak memalukan. Bukankah hal ini adalah sebahagian dari usaha untuk memasyurkan kebudayaan Eropah? Kalaulah buku-buku tersebut dianggap tidak memalukan, mengapa pula saya dan sahabat-sahabat saya disekat dari menyibarkan risalah Al-Quran melalui karya ‘Risaailan-Nur’? Dengan cara inilah kami bejuang di jalan Allah dan Rasul Nya.”

“Saya telah dituduh sebagai penentang demokrasi. Sebenarnya saya adalah pendukung demokrasi (berlandaskan Islam) sejak saya masih mentah lagi. Saya telah memberi sebahagian dari makanan saya kepada semut kerana kagum melihat corak demokrasi yang mereka jalankan. Semangat demokrasilah yang telah membuat saya meng-hormati Khalifah-khalifah Islam di peringkat awal Islam dahulu. Khalifah-khalifah ini adalah ketua negara Islam dan mereka merupakan wakil-wakil umat yang terbaik. Mereka disayangi dan disegani oleh semua orang. Sebaliknya, corak demokrasi awak pula sedang meng-

galakkan kejahatan, rasuah dan penentangan terhadap undang-undang Allah. Lebih hebat lagi; ialah apabila kami menyeru manusia supaya menjadi baik dan amanah, awak tuduh kami sedang menjalankan kegiatan sulit menentang negara. Adakah secebis kebenaran dalam kecaman awak terhadap saya dan sahabat-sahabat saya? Tidak ada kuasa di atas muka bumi ini yang boleh menghalang saya dari men- jalankan tugas-tugas ini. Saya bersedia untuk mati seribu kali kerana pejuangan di jalan Allah ini.”

“Saya dituduh sebagai orang yang mengejar keuntungan dan juga orang yang membahaya serta menggugat keamanan. Sebenarnya tuduhan-tuduhan ini mengenai awak kerana awak sedang melenyapkan Islam dan peraturannya dengan bertopengkan keselamatan dan keamanan. Selama dua puluh tahun saya bekerja untuk Islam melalui karya saya, bolehkah awak perlihatkan suatu bukti yang menunjukkan bahawa saya merupakan pengancam kepada keamanan negara? Awak sedang menggunakan Kanun Jenayah terhadap diri saya dan Islam untuk memuaskan hati awak sahaja. Oleh kerana awak sanggup men- gorbankan keimanan awak demi hendakkan keuntungan duniawi, maka saya akan beijuang habis-habisan hatta dengan bayaran nyawa saya sekali pun untuk keimanan dan cara hidup Islam. Ingatlah! Saya dan sahabat-sahabat saya sanggup mati seribu kali daripada merengkok dalam penjara. Kami sedang menunggu maut dengan penuh kerinduan. Awak mengecam saya kerana tidak mahu memakai topi Barat dan mengangkatnya sebagai tanda hormat kepada mahkamah. Ingatlah! bahawa sangat sedikit orang memakai topi Barat secara sukarela. Beberapa-juta ra’ayat memakainya kerana dipaksa. Semenjak dua puluh tahun yang lalu, tiga orang gabenor, dua mahkamah dan Mustafa Kamal sendiri tidak dapat mengesan apa-apa kesaiahan dalam keijakeja yang saya lakukan; lebih-lebih lagi tentang tuduhan bahawa saya ini merbahaya kepada negara. Oleh itu, benarkan saya meneruskan tugas saya dengan aman.”

“Terdapat tuduhan mengatakan ‘Risaaiian-Nur’ membincangkan soal-soal kemasyarakatan. Terdapat juga pendapat mengatakan tempat agama ialah didaimat hati orang perseorangan sahaja dan ianya tidak boleh dikaitkan dengan pemerintahan dan perundungan negara. Orang begini juga mengatakan bahawa di masa lalu agama telah men- yebabkan pertengkaran di kaiangan masyarakat apabila ianya mempunyai hubungan dengan pemerintahan negara. Jawapan saya

dalam hal ini ialah bahawa Islam itu bukan hanya nama sahaja; ia juga melibatkan amal soleh (ya'ani perbuatan dan tindakan yang baik). Bolehkah awak menyekat pembunuhan, perzinaan, pencurian, perbuatan meminum minuman keras dan lain-lain kemungkaran besar yang sedang meracuni masyarakat melalui arahan kerajaan dan tenaga polis sahaja? Andainya awak hendak menyekat kemungkaran-kemungkaran tersebut dengan polis, maka ini berma'ana awak perlu meletakkan seorang anggota polis di dalam setiap rumah. Di siniyah letaknya kepentingan 'Risaaiyan-Nur'. 'Rissailan-Nur' menggalakkan amal soleh. Ia juga berusaha meletakkan seorang pengawal di dalam setiap hati manusia. Seorang manusia yang takutkan Allah akan merasa mudah untuk menjauhi atau meninggalkan sifat-sifat buruk dan perbuatan-perbuatan dosa."

Dalam kenyataannya tadi, Ustaz Sa'id Nursi juga memberi pendapat tentang fahaman Sekularisma. Katanya Sekularisma ialah suatu fahaman yang tidak memberi gangguan kepada agama resmi negara. Sebuah kerajaan sekular akan memberi kebebasan berfikir. Sekiranya kerajaan sekular membenarkan fahaman Mulhid (Atheis) berleluasa maka ia sepertutnya membenarkan kegiatan-kegiatan Islam bergerak dengan bebasnya.

Di samping itu, Ustaz Sa'id Nursi telah menghantar satu kenyataan (rayuan) kepada Yang di Pertua mahkamah, Ali Riza Balaban yang berbunyi demikian:—

"Saya tidak tahu menulis dengan huruf rumi yang baru. Tulisan saya dalam huruf lama (huruf Arab) pun masih terdapat kekurangan. Lagi pun, saya tidak dibenarkan berbincang dengan sesiapa pun, Saya benar-benar dipencarkan. Surat tuduhan diambil dari saya selepas hanya lima belas minit saja berada di tangan saya. Saya tidak mampu mengambil seorang peguam. Saya hendak menghantar 'Meyve Risalasi' iaitu rumusan mengenai 'Risaailan-Nur' kepada pend'awaraya dan kerajaan di Ankara, akan tetapi buku-buku rumusan tersebut telah dirampas dari saya. Mahkamah Eskishehir telah memberi saya sebuah mesin taip ketika di penjara bagi membolehkan saya membuat per-sediaan untuk mempertahankan diri. Saya merayu agar saya diberi sebuah mesin taip atau pun saya dibenar mendapatkan mesin taip itu. Dengan cara ini bamlaii saya dapat membuat persediaan untuk meny pertahankan diri saya dan juga 'Rtsaailan-Nur'. **uSaya** hendak meng-

hantar kenyataan-kenyataan ini kepada Kementerian Keadilan, Menteri-menteri Kabinet, Parlimen dan Majlis-majlis Perundungan Negeri. Kenyataan ini akan diberi nama ‘Meyve Risalasi’.” Dalam kenyataan ini, Ustaz Sa’id Nursi menjelaskan bahawa ‘Risaailan-Nur’ tidak ada kaitan dengan politik dan murid-muridnya tidak menggunakan agama untuk tujuan politik. Ustaz Sa’id Nursi juga mencadangkan dibentuk satu jawatankuasa yang terdiri dari ulama untuk mengkaji ‘Risaailan- Nur\ Katanya kalaulah jawatankuasa tersebut mengambil keputusan tidak mengesahkan (atau menolak) hujjahnya, maka ia bersedia menerima hukuman. Mahkamah pun menubuhkan jawatankuasa tersebut akan tetapi, Ustaz Badiuzz^man enggan mengiktiraf jawatan- kuasa itu kerana ianya terdiri dari pegawai-pegawai yang bukan ulama yang sebenar. Kata beliau: “Orang-orang ini bukannya ulama. Mereka ini orang jahil. Mereka ini tidak layak mengkaji ‘Risaailan-Nur’. Biarlah anggota jawatankuasa ini diambil dari pusat-pusat pengajian tinggi di Ankara atau pun dari kalangan ahli falsafah Eropah.” Akhirnya, satu Jawatankuasa dibentuk terdiri dari Professor Yusuf Ziya Yorukhan (dari Jabatan Hal Ehwal Agama), Necati Lugal (iaitu Pengarah Pusat Sharkiyat) dan Yusuf Aykut (dari Persatuan Sejarah Turki). Jawatankuasa ini pun mengkaji dan menyiasat segala isi ‘Risaailan-Nur’ dan juga surat-surat Badiuzzaman Sa’id Nursi. Mereka membuat keputusan bahawa kegiatan-kegiatan Ustaz Sa’id Nursi tidak ada kaitan dengan politik, atau mana-mana kumpulan sufi atau parti. Hasil usahanya adalah berbentuk ilmiah dan menyentuh keimanan saja. Karya-karya tersebut adalah satu bentuk tafsir Al-Quran.

Berdasarkan keputusan Jawatankuasa Penyiasat tadi dan juga hujjah-hujjah Ustaz Sa’id Nursi sendiri, maka pada 15hb. Jun, 1944, mahkamah pun mencapai kata putus bahawa tuduhan-tuduhan terhadap beliau tidak dapat dibuktikan. Mahkamah berpendapat usaha beliau menyentuh bidang ilmu agama dan kitab ‘Risaailan-Nur’ adalah hasil dari kajian yang dibuatnya sendiri. ‘Risaailan-Nur’ telah dicetak oleh penuntut-penuntutnya dan diberi pada sesiapa saja yang cenderung terhadap agama. Oleh itu, Ustaz Sa’id Nursi tidak melanggar perkara 163, Kanun Jenayah Negara. Keesokan harinya, Ustaz Sa’id Nursi pun dibebaskan selepas sembilan bulan merengkok dalam penjara. Kesemua penuntutnya dan juga kitab-kitabnya dibebaskan. Dua orang penuntutnya — iaitu H&fiz Ali dari Islamkoy dan Ahmad Sayda dari Iskilip meninggal dunia dalam penjara. Hafiz Ali adalah penulis khat bagi Ustaz Sa’id Nursi di peringkat awal dulu.

Adalah menjadi perkara biasa bagi Ustaz Sa'id Nursi memberi khutbah dan ceramah-ceramah pada kakitangan dan banduan-banduan penjara tempat ia ditahan. Walaupun kebanyakan masa beliau habis dalam keadaan keseorangan dan disekat dari bercakap-cakap dengan orang lain, akan tetapi setiap peluang untuk berhubung dengan orang yang ada, ia pergunakan tanpa lengah-lengah. Ia lakukan hal ini di penjara Eskishehir dan penjara Denizli. Kegiatan heliau ini telah merubah penjara menjadi pusat pengajian dan diberinya gelaran ‘Madrasah Nabi Yusuf kerana mengambil sempena Nabi Yusuf a.s. yang pemah dipenjarakan selama tujuh tahun. Banduan-banduan yang dipenjarakan bersama Ustaz Sa'id Nursi menjadi begitu rapat dengan beliau sehingga mereka merasa berat untuk meninggalkannya walaupun tempoh tahanan mereka sudah habis. Pengajaran-pengajaran yang diberinya dan sifat persaudaraan yang ditunjukkannya telah memberi kesan yang hebat terhadap banduan-banduan di penjara. Banyak di antara mereka telah insaf dan berubah perangai sehingga kembali menjadi raayat yang baik. Karya beliau ketika di penjara Denizli iaiah ‘Meyve Risalasi’. Karya ini disiapkan dalam masa dua minggu. Oleh sebab tidak ada kertas dalam penjara, karya tersebut ditulis atas benda-benda yang ada seperti kotak macis api (gurus api) dan lain-lain seumpama itu.

Walaupun Ustaz Sa'id Nursi telah dibebaskan dari semua tuduhan, akan tetapi beliau masih dilarang bergerak bebas oleh pihak berkuasa. Dia dilarang bergerak kemana-mana sehingga datang arahan lanjut dari pihak berkuasa di Ankara. Selama dua bulan dia tinggal di Hotel Shehir. Di akhir bulan Ogos, pihak berkuasa di Ankara mengarahkan supaya Ustaz Sa'id Nursi dibuangke Amirdagh.

Ketika ini, cetakan penulisan-penulisannya kian pesat dijalankan samaada dengan tulisan tangan maupun dengan mesin cetak. Begitu pesat sekali usaha ini sehingga diterbitkan di Mekah dan di Madinah dan di lain-lain tempat. Buku-bukunya juga tersibar di kalangan penuntut-penuntut Universiti di Ankara dan Istanbul.

Ustaz Sa'id Nursi tiba ke Amirdagh dalam bulan Ogos, 1944. Amirdagh adalah sebuah bandar kecil dalam wilayah Afyon. Ianya terletak di kaki sebuah bukit yang bermula Afyon juga (tinggi bukit tersebut ialah 7,000 kaki). Selepas lima belas hari ia tinggal di sebuah hotel, ia pun menyewa sebuah rumah. Selama tiga tahun ia tinggal

dalam rumah tersebut. Walaupun ia keiihatan bebas kesana kemari, tetapi sebenarnya ia diawasi dengan rapi sekali. Seorang pengawal sentiasa berada di hadapan pintu rumahnya. Kegiatan-kegiatannya di dalam bilik pun tidak sunyi dari diperhati orang dari luar tingkap. Ada kalanya, ketika ia beijalan-jalan sendirian, ia dikejar dan ditembak dari belakang tetapi tidak kena. Ada beberapa ketika beliau keiuar makan angin dengan kereta kuda dan diikuti oleh beberapa buah kapal terbang. Apabila ia kembali ke rumah, kapal-kapal terbang tadi pun berpatah balik ke pengkalan. Dari surat-surat yang di tulisnya, kita dapat buat kesimpulan bahawa penderitaan yang dialaminya di Amirdagh adalah lebih dari yang diterimanya di penjara Denizli. Beberapa cubaan untuk meracuni beliau telah dibuat di Amirdagh.

Pada masa inilah beiau menulis sepucuk surat pada Pengarah Keselamatan Afyon. Berikut adalah sedutan daripada surat tersebut:

“Saya hendak membentangkan beberapa perkara terhadap pihak kerajaan.

Satu pertanyaan yang perlu jawapan ialah mengapa saya tidak boleh meninggalkan rumah saya sedangkan saya sudah dibebaskan (oleh mahkamah). Tahanan dalam rumah ini adalah lebih teruk dari tahanan dalam penjara. Di dalam keadaan umur saya yang sudah tua ini pun saya masih dinafikan kebebasan. Hal ini bukan saja sangat sukar ditanggung, bahkan ianya di luar perikemanusiaan. Adalah menjadi kewajipan kerajaan untuk membebaskan saya setelah ia gagal mencari perkara-perkara yang meragukan dalam penulisan-penulisan saya sejak dua puluh tahun yang lalu. Ada anasir-anasir asing dalam negara ini yang sedang berusaha menentang Islam. Anasir-anasir ini suka membesar-besarkan perkara-perkara kecil dan juga bertujuan menggugat keimanan dan kebudayaan Islam. Ada pihak cuba memberi eluan sara hidup pada saya, tetapi saya lebih suka memilih kebebasan daripada eluan tersebut. Selama sembilan tahun saya hidup dengan hanya membelanjakan dua ratus lira saja. Selama itu juga saya telah menolak segala bentuk bantuan dan pemberian. Setelah melalui semua itu, patutkah saya menerima eluan sara hidup pada peringkat umur yang tua ini? Saya lebih suka pada penjara dan kebebasan daripada kekayaan dan kemewahan. Yang saya inginkan ialah kebebasan bekerja di jalan Islam dan Al-Quran. Allah mencipta saya untuk melaksanakan tujuan itu. Jika awak masih menyekat kebebasan saya, saya berdo'a

pada Ailah agar memberi saya kuasa untuk menanggung penderitaan ini dengan lebih sabar lagi. Walau bagaimanapun, saya ingatkan awak bahawa awak tidak dapat menyekat pejuangan saya melalui ‘Risaailan- Nur\*. ‘Risaailan-Nur’ telah mengukir kesannya di pemikiran jutaan raayat TurkL”

Pihak berkuasa Turki tetap merasakan bahawa sekatan-sekatan yang dikenakan terhadap Sa’id Nursi tidak memadai. Pihak penentang- penentang Islam kembali memainkan peranan menggugat usaha Ustaz Sa’id Nursi. Mereka mula mencipta tuduhan-tuduhan palsu terhadapnya. Seperti biasa mereka melapurkan kepada kerajaan bahawa tentang Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi terhadap kerajaan semakin hebat setelah ia semakin tua.

Dalam bulan Disember, 1947, tiga orang anggota polis yang menyamar diri telah dihantar ke Amirdagli. Mereka itu ialah Abdur Rahman Akgul, Hasan Kushaksiz dan Saleh Chakirtash. Selepas meronda sekeliling rumah Ustaz Sa’id Nursi, mereka pun duduk dalam kedai kopi di hadapan rumah beliau. Ustaz Sa’id Nursi menjemput mereka ke rumahnya dan mereka pun menerima jemputan tersebut. Mereka memberitahu beliau bahawa mereka adalah pekerja-pekerja letrik.

Beberapa hari selepas itu, seorang pegawai kerajaan tiba ke sebuah kedai arak disitu dengan sehelai surat pengakuan. Surat itu menyatakan bahawa seorang pelayan Ustaz Sa’id Nursi telah membeli arak dari kedai tersebut. Pegawai tadi meminta seorang mabuk manan- datangani surat tersebut tetapi ia enggan. Pada malam itu juga, pegawai tadi meminum arak dan berkelahi dengan seorang mabuk. Dalam perkelahian tersebut, ia dipukul dengan kayu dan pistolnya dirampas oleh orang ramai.

Akhimya, pada 23hb. Januari, 1948, tindakan tegas telah diambil terhadap Ustaz Sa’id Nursi. Pihak polis membuat serbuan dan menangkap Ustaz Sa’id Nursi bersama-sama lima belas orangmuridnya, Mereka dibawa ke bandar Afyon. Ada juga murid-muridnya yang berada di Denizli, Aydin, Aiyon, Kastamunu dan Inebolu turut di tangkap, Jumlah kesemua murid-muridnya yang ditangkap dan dihantar ke Afyon untuk disoalsiasat ialah 54 orang. Ketika ini, musim sejuk sedang memuncak.

Mereka dituduh cuba menubuh sebuah parti dan menyabar pendapat-pendapat yang berbeza atau pun yang bertentangan dengan dasar-dasar kerajaan. Mereka juga dituduh menjalankan kegiatan-kegiatan politik. Kesemua mereka dikurung dalam penjara di Afyon. Ketika disoal, ketiga-tiga anggota polis yang pergi ke Amirdagh telah bertindak sebagai saksi terhadap Ustaz Sa'id Nursi dan murid-muridnya. Selepas satu perbicaraan yang panjang, maka pada 6hb. Disember, 1948, Ustaz Sa'id Nursi telah dihukum penjara 18 bulan. Dua puluh orang muridnya dihukum penjara enam bulan setiap orang. Mereka ini semua dituduh bersabahat dengan Ustaz Sa'id Nursi menubuhkan pertubuhan sulit.

Sepanjang tempuh perbicaraan tersebut, iaitu dari 23hb. Januari sehingga bulan Disember, 1948, Ustaz Sa'id Nursi telah dikurung di balai polis. Oleh kerana mahkamah Denizli telah membebaskan Ustaz Sa'id Nursi dari tuduhan dan memansuhkan pengharaman keatas buku-bukunya, maka satu rayuan telah dibuat kepada mahkamah Tertinggi. Mahkamah Tertinggi mengambil masa agak lama untuk membuat keputusan samaada hendak membatalkan hukuman yang dikenakan oleh mahkamah Afyon atau tidak. Setelah dua puluh bulan merengkok dalam penjara, barulah Mahkamah Tertinggi membuat keputusan terhadap rayuan Ustaz Sa'id Nursi dan murid-muridnya. Mahkamah tersebut membatalkan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah Afyon. Keputusan Mahkamah Tertinggi berbunyi demikian:

“Ustaz Badiuzzaman SaMd Nursi dan buku-bukunya tidak boleh dibicarakan lagi kerana mahkamah Denizli telah membebaskannya pada tahun 1944. Buku-buku beliau yang boleh disiasat ialah buku-buku yang baru ditulisnya.”

Lantaran keputusan ini, maka Ustaz Sa'id Nursi pun dibebaskan pada 20hb. September, 1949.

Dalam perbicaraan di Afyonlah, buat pertama kalinya peguam-peguam membuat rayuan bagi pihak Ustaz Sa'id Nursi dan murid-muridnya (Thalaba an-Nur). Peguam-peguam ini adalah orang-orang yang menghormati dan meminati Ustaz Sa'id Nursi. Peguam-peguam tersebut ialah Ahmad Hikmat Gonnen, Abdur Rahmari Sharaf Lach dan Khulusi Bitlisi.

Ustaz Sa'id Nursi menjalani kehidupan yang penuh kesukaran di penjara Afyon. Dikatakan bahawa kekejaman yang ia dan murid-muridnya tanggung dalam tempuh sehari di penjara Afyon adalah sama dengan sebulan penyiksaan di penjara Denizli. Ustaz Sa'id Nursi dikurung seorang diri sepanjang tempuh dua puluh bulan itu. Murid-muridnya yang cuba membantu dan berkhidmat dengan beliau dipukul dengan cota sehingga kaki mereka terkopak. Walaupun mereka dikenakan siksaan yang begitu teruk, namun demikian mereka tidak pemah minta diri mereka dikasehani. Apabila mereka dipukul, mereka akan berteriak, "Hai orang kejam, teruslah memukul; neraka sedang menunggu kamu." Pemah Mustafa Sungur, seorang guru dan juga pengikut Ustaz Sa'id Nursi cuba bercakap-cakap dengan beliau apabila beliau dibawa keluar penjara untuk memotong rambut dan bercukur. Guru tersebut telah ditangkap oleh pengawal penjara dan dipukul. Ustaz Sa'id Nursi juga diberi makan racun ketika dalam penjara ini sehingga beliau terlunjur di katO berhari-hari. Dia menceritakan pengalamannya di Amirdagh dan di Afyon dalam buku-bukunya yang bertajuk 'Rica' dan 'Limalar'. Dalam keadaan yang begini teruk sekali pun, Ustaz Sa'id Nursi tidak berdiam diri. Beliau sempat juga menulis buku tentang perpaduan, kerasulan dan tafsir surah Al Fatihah.

Di Turki, semua banduan dibebaskan pada waktu petang. Di penjara Afyon, waktu tersebut ialah jam 10 pagi. Walaubagaimanapun, Ustaz Sa'id Nursi dibebaskan sebaik sahaja lepas sembahyang subuh kerana hendak mengelakkan sebarang acara sambutan dibuat untuknya. Dua orang anggota polis mengiringinya ke rumah dengan menaiki sebuah kereta kuda. Kini, ia kelihatan bebas, akan tetapi, seperti biasa, satu atau dua orang pengawal sentiasa mengawasi rumahnya itu. Selama dua bulan ia tinggal di Afyon. Kemudian, pada 20hb. November, 1949, ia pun dibawa pula ke Amirdagh.

## 5

### DI BAWAH PARTI DEMOKRAT

Ustaz Sa'id Nursi tinggal di Amirdagh sejama dua tahun. Di Amirdagh, beliau juga diawas dengan rapi sehingga tidak mudah orang mendapat kebenaran untuk menziarahinya. Turki ketika ini sedang melalui satu pergolakan politik. Corak pemerintahan satu parti telah dimansuhkan dalam tahun 1945. Berikut itu, beberapa parti politik baru pun muncul. Parti-parti ini menentang secara terbuka dasar-dasar serta rancangan-rancangan Parti Repablikan Raayat. Buku-buku agama dan lain-lain bentuk penerbitan bercorak agama mula diterbitkan dalam tahun 1946. Dalam bulan Januari, 1946, sebuah parti politik baru telah ditubuhkan dan diberi nama Parti Demokrat Turki. Di antara pengasas-pengasas parti tersebut ialah bekas pemimpin parti Rapablikan Raayat seperti Jalal Bayar, Adnan Menderes, Fuad Koprulu dan Jain-lain lagi. Walaupun mereka ini menyokong kebanyakannya dasar-dasar sekularisme Mustaffa Kamal, akan tetapi mereka mempunyai perbezaan pendapat dalam beberapa hal tertentu dengan parti tersebut (yaani Parti Repablikan Raayat). Mereka inginkan demokrasi yang sebenarnya wujud dan mereka menentang sebarang corak kekejaman. Mereka juga tidak bersikap menentang Islam, Adnan Menderes mentaarifkan sekularisme sebagai campur tangan kerajaan dalam hal ehwal agama. Pemimpin ini ingin agama bergerak dan berkembang dengan bebas tanpa sebarang gangguan dari kerajaan. Pemimpin Parti Demokrat berjanji bahawa mereka akan memberarkan azan dilauangkan dalam bahasa Airab semula andainya mereka berkuasa. Dasar inilah yang telah beijaya menawan hati raayat Turki yang begitu seraksi dengan Islam selama berabad-abad itu. Berikut itu, Parti Demokrat telah mengalahkan Parti Repablikan Raayat dengan kelebihan kerusi yang banyak dalam pilihanraya Turki pada 14hb. Mei, 1950. Parti Demokrat mendapat 408 kerusi dan Parti Repablikan Raayat mendapat 27 kerusi saja. Berakhirlah kekuasaan Parti Repablikan Raayat yang beijalan selama 27 tahun dan bermulalah, buat pertama-kalinya, satu zaman demokrasi baru bagi negara Turki.

Pejuangan Ustaz Sa'id Nursi selama 25 tahun itu dan jumlah muridnya yang kian ramai di berbagai peringkat **masyarakat** telah memainkan peranan penting ke arah kejayaan Parti **Demokrat**. Ustaz Sa'id Nursi kini tidak lagi keseorangan seperti ketika ia dibuang ke Barla, dua puluh lima tahun dahulu. 'Risaailan\*Nur' telah mempen-garuhi sebahagian besar masyarakat Turki. Beberapa orang penuntutnya yang berani telah memperbanyak cetakan 'Risaailan-Nur' dengan menggunakan mesin cetak. Perbicaraan-perbicaraan yang panjang di mahkamah-mahkamah telah memperkenalkan Ustaz Sa'id Nursi kepada berbagai lapisan masyarakat. Bahkan, hal ini juga membuat mereka terdidik dengan dasar-dasar pejuangan Ustaz Sa'id Nursi sendiri. Di antara mereka ini termasuklah anggota tentera, penuntut-penuntut Universiti, hakim-hakim, peguam-peguam dan para ulama. Sekarang beliau tidak lagi kekurangan peguam untuk membela di mahkamah kerana banyak peguam telah menjadi penyokongnya. Apabila pilihanraya tahun 1950 berjalan di Turki, kesemua murid-murid beliau menggunakan pengaruh yang ada pada mereka untuk menggalakkan orang ramai mengundi Parti Demokrat walaupun Parti tersebut dianggap bersikap bebas dalam hal agama. Tidaklah keterlaluan kalau kita kata Ustaz Sa'id Nursi dan penuntut-penuntutnya main peranan penting dalam membawa kejayaan pada Parti Demokrat. Sebab itulah sebaik-baik saja keputusan diketahui dan Jalal Bayar dilantik menjadi Presiden Republik Turki, Ustaz Sa'id Nursi telah meminta seorang muridnya yang bermama Zubeyir Gunduzalp, supaya menghantar satu telegram ucapan tahniah bagi pihaknya kepada Jalal Bayar. Telegram tersebut berbunyi demikian:

"Kami mengucap tahniah pada saudara dan berdo'a semoga Allah membolehkan saudara berkhidmat untuk Islam dan negara dengan jayanya."

Ustaz Sa'id Nursi juga memberitahu Zubeyir Gunduzalp sebabnya beliau menyuruh hantar telegram tahniah tersebut. Katanya:

"Penyokong-penyokong Parti Repablikan Raayat memberitahu pada penyokong-penyokong Parti Demokrat bahawa Ustaz Sa'id Nursi tidak memasuki samaada Parti Repablikan Raayat maupun Parti Demokrat. Mereka hendak menggunakan penyokong parti Demokrat sebagai alat untuk menentang sesiapa saja yang menyokong agama Islam — lebih-lebih lagi terhadap murid-murid Ustaz Sa'id

Nursi (Thalaba an-Nur). Dengan menghantar ucapan tahniah ini, maka kita telah menunjukkan kita adaiah sahabat penyokong-penyokong Parti Demokrat. Dengan demikian, kuasa kerajaan tidak akan digunakan untuk menentang agama.”

Jalal Bayar telah menghantar telegram membalaucap tahniah tersebut. Telegram itu berbunyi demikian:

“Saya sangat tertarik dengan ucapan tahniah saudara yang ikhlas itu. Saya juga merasa begitu terhutang budi pada saudara.”

16hb. Jun, 1950 adalah satu hari yang penuh gemilang dalam sejarah Turki kerana azan dibenarkan dilaung dalam bahasa Arab semula. Apabila azan disuarakan, orang ramai keluar dari rumah masing-masing dengan air mata gembira menjemih pipi-pipi mereka. Tahun itu juga pengharaman tehadap rukun haji telah dimansuhkan. Pendidikan agama mula diperkenaikan semula ke sekolah-sekolah rendah semenjak tahun 1948\*<sup>45</sup> lagi. Lembaga Mesyuarat, Jabatan Hal Ehwal Agama telah meneliti semua buku-buku ‘Risaailan-Nur’ dan surat-surat Ustaz Sa’id Nursi dan mengeluarkan satu kenyataan seperti berikut:

“Kesemua kitab-kitab yang ditulis oleh Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi bersesuaian dengan dasar-dasar Islam dan Sunnah Rasul. Ianya juga selaras dengan ahli Sunnah Wal Jamaah. Kitab-kitab ini boleh menyelamatkan manusia dari bahaya-bahaya fahaman sesat kerana ianya merupakan tafsiran tepat ayat-ayat Al-Quran.”

Akhimya, mahkamah pun sebulat suara bersetuju untuk membebaskan ‘Risaailan-Nur’ dari semua sekatan.

Dalam tahun 1951, ‘Persatuan Menggalakkan Pendidikan’ telah ditubuh. Di bawah naungan persatuan inilah, sekolah-sekolah agama yang di kenali dengan nama ‘Sekolah Imam’ dan ‘Khatib’ telah dirikan.

Dalam satu mesyuarat agung Parti Demokrat di bandar Izmir, Perdana Menteri Adnan Menderes telah berkata:—

“Kita telah membebaskan agama kita yang selama ini dibelenggu. Kita tidak nlenghiraukan teriak pekik (tentangan) puak-puak revolusi yang ta’asub dengan membenarkan azan dalam bahasa Arab. Kita juga telah membenarkan pendidikan agama di sekolah-sekolah dan pem-

bacaan Al-Quran di radio. Kerajaan Turki adalah Muslim. Kesemua kehendak-kehendak Islam akan'dipenuhi."

Salah Seorang yang lama terlibat dalam gerakan Islam di Turki, iaitu Ashraf Adip, seorang wartawan dan pengarang yang terkenal, mengalu-alukan kenyataan Adnan Menderes di dalam majalahnya 'Sebilur Reshad\*. Katanya:—

"Tiada seorang pun Ketua Negera Turki yang telah menunjukkan rasa kasih terhadap Islam yang begitu mendalam semenjak dua puluh tujuh tahun yang 1 alu."

Ketika ini, Perang Korea sedang berkecamuk dan Amerika Syarikat berserta sekutu-sekutunya sedang menentang pasukan komunis Korea Utara di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dalam bulan September, 1950, negara Turki selaku anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga sekutu Amerika Syarikat mengambil keputusan untuk menghantar satu pasukan tentera ke Korea. Hal ini dibincangkan di Parlimen dan Parti Repablikan Ra'ayat menentang keputusan tersebut. Di antara mereka, terdapat gulungan yang menyentang keputusan tersebut kerana mereka berpehdapat askar-askar Turki yang mati di medan perang Korea tidak dikira mati syahid. Walau bagaimanapun, Ustaz Sa'id Nursi mengambil sikap atau pendirian yang berlainan. Beliau mengatakan bahawa berperang dengan puak Mulhid (Atheis) adalah satu keperluan. Pendapat kita mungkin berbeza dengan Ustaz Sa'id Nursi, tetapi kita patut ingat bahawa pihak yang utama sekali membawa penderitaan dan penyiksaan kepada beliau kebanyakannya ialah puak komunis dan kuncu-kuncu mereka. Mereka menentang keras sebarang usaha menegakkan Islam. Mereka juga telah membuat kacau-bilau di kalangan penganut-penganut Islam di Turki,

Lagi pun dalam masa lima puluh tahun yang akhir ini, semua negara yang di jajah telah mencapai kemerdekaan politik, tetapi kebanyakan negara-negara bangsa Turki daripada Laut Hitam hinggalah ke Turkistan Timur, menderita di bawah pemerintahan komunis. Negara bangsa Turki yang terlepas dari genggaman komunis hanyalah Turki. Tidak hairanlah kita jika Ustaz Sa'id Nursi menyokong kerajaan Turki dalam keputusannya menghantar asykar-asykar Turki ke Korea untuk melawan komunis. Ustaz Sa'id Nursi juga membenar salah seorang muridnya yang terkemuka pergi bersama-sama pasukan tentera

Turki tersebut. Nama muridnya itu ialah Bayram Yuksel. Sa'id Nursi juga mengirim pada Bayram, ‘Risaailan-Nur’ untuk diberi pada Ketua pasukan tentera Bangsa-bangsa Bersatu di Tokyo.<sup>45</sup> Walau bagaimanapun, Bayram Yuksel tidak berjaya menemui Ketua tentera tersebut kerana ia tidak berada di sana. Lantaran itu ia pun menghadiah ‘Risaailah-Nur’ tadi pada Perpustakaan Kebangsaan Tokyo.

Semenjak awal tahun 1951, beribu-ribu naskhah ‘Risaailan-Nur’ telah diterbitkan dengan bantuan mesin cetak dan disibar ke seluruh pelusok dunia. Senaskhah ‘Risaailan-Nur’ juga telah dihantar kepada Pope di Vatikan.

### **Sa'id Baru (Sa'id Jadid)**

Menurut Sa'id Nursi, riwayat hidupnya terbahagi pada tempoh masa. Tempoh masa pertama bermula dari tarikh kelahirannya sehingga tahun 1926. Ia memanggil zaman ini, Sa'id Lama (Sa'id Kadim). Dalam tempoh pertama ini beliau berminat dalam politik dan herkhidmat untuk agama dan negara melalui politik. Lapan tahun terakhir tempoh pertama tadi, iaitu dari tahun 1918 hingga tahun 1926, ialah zaman peralihan. Perubahan mula berlaku terhadap dirinya ketika zaman peralihan ini.

Dari tahun 1926 hingga ke tarikh kematiannya — iaitu tahun 1960, beliau namakan tempoh ini Sa'id Baru (Sa'id Jadid). Tempoh Sa'id Jadid pula terbahagi dua. Bahagian pertama bermula dari tahun 1926 hingga tahun 1949. Dalam tempoh inilah ‘Risaailan-Nur’ disusun. Waktu inilah juga segala bentuk perbincangan agama diharamkan dan sekolah-sekolah agama ditutup.<sup>46</sup> Beratus-ratus masjid ditutup dan digunakan untuk tujuan-tujuan keduniaan. Azan telah diharamkan dan politik digunakan untuk menentang dan menindas agama. Dalam tempoh ini juga, Ustaz Sa'id Nursi berusaha mempertahankan Islam walaupun terpaksa menghadapi kesukaran-kesukaran yang hebat. Dalam tempoh inilah beliau mendidik dan melatih belia-belia yang akhirnya terkenal dengan nama ‘Thalaba an-Nur’ (Penuntut-penuntut cahaya).

Bahagian kedua Sa'id Jadid ialah semenjak ia dibebaskan dari penjara Afyon dalam tahun 1949 hingga ke tarikh kematiannya dalam tahun 1960. Kegiatan beliau dalam tempoh ini ialah memberi

pengajaran kepada pemimpin-pemimpin politik melalui nasihat-nasihat, ceramah-ceramah dan kenyataan-kenyataan agar mereka dapat ber- khidmat untuk agama.

Ustaz Sa'id Nursi berada di Amirdagh selama dua tahun dan selepas itu beliau pun tiba ke Eskishehir dalam bulan September, 1951. Ketika di Amirdagh, ia tidak begitu Wbas bergerak dan orang ramai tidak mudah mendapat kebeimra#\* dntuk menziarahinya. Kini, di Eskishehir, sekatan-sekatan terhadap beliau dilo»ggarkan dan beliau dapat bergerak ke mana saja. Selepas sebulan setengah di Eskishehir, maka, dalam bulan September, 1951, ia pun berangkat pulake Isparta. Beliau tinggal di Isparta selama dua bulan sepuluh hari. Walaupun kerajaan baru Turki telah membebaskan agama dari konkongan, namun begitu, Perkara 163, Kanun Jenayah Turki masih boleh diperalatkan oleh sesiapa saja yang menentang Islam serta pejuang-pejuangnya. Ketika Ustaz Sa'id Nursi berada di Isparta, beberapa orang penuntut Universiti Istanbul telah menerbitkan salah satu tajuk dalam karya ‘Risaailan-Nur’ dalam tulisan rumi. Tajuk itu ialah ‘Genclik Rehberi’ (Panduan untuk para Pemuda). Anasir-anasir penentang Islam telah menggunakan penerbitan ini sebagai alasan untuk saman Ustaz Sa'id Nursi. Mereka menuduh beliau melanggar Perkara 163, Kanun Jenayah Turki. Mereka menuduh buku itu ditulis dengan tujuan menegakkan negara yang berdasarkan Islam dan hal ini dianggap bertentangan dengan dasar sekularisma Turkju Ustaz Sa'id Nursi tiba ke Istanbul pada 22hb. Januari, 1952 untuk menghadhirkan diri di mahkamah. Beliau tinggal di Hotel Akshehir Palace di Sirkeji. Oleh kerana beliau tidak pemah datang ke Istanbul sejak dua puluh tujuh tahun yang lalu, maka kedatangannya itu mendapat sambutan meriah sekali. Beliau disambut oleh tiga hingga lima ribu orang yang berkumpul dekat mahkamah. Ustaz Sa'id Nursi telah memberi satu kenyataan \*yang sangat menyayatkan hati ketika di mahkamah Istanbul. Berikut ialah sedutan dari kenyataan tersebut:

“Wahai tuan-tuan hakim! Benarkan saya menceritakan riwayat hidup saya yang penuh penderitaan ini. Saya telah mengalami penindasan, gangguan dan penyiksaan semenjak dua puluh lapan tahun yang lalu. Saya menghabiskan hidup saya samaada dalam kurungah ataupun di bawah pengawasan yang rapi. Berbagai tuduhan palsu telah dilemparkan terhadap saya. Saya dituduh menentang kerajaan sedangkan penentangan terhadap kerajaan adalah satu perkara yang biasa berlaku »dalam mana-mana negara pun. Adalah menjadi dasar

imdang-undang bahawa seseorang tidak boleh dianggap penjenayah sehingga terbukti kegiatan-kegiatannya membahayakan keselamatan umum dan juga negara. Mahkamah-mahkamah kerajaan British yang zalim itu pun tidak menuduh 100 juta raayat Muslim yang dijajahnya sebagai pemberontak atas alasan mereka ini beriman pada Al-Quran. Kebebasan beragama dan berkeyakinan adalah satu dasar yang diterima di Timur dan juga di Barat melainkan bagi negara-negara yang diperintah komunis. Oleh itu, jika saya menentang ciri-ciri buruk sesuatu tamaddun dan juga sebarang bentuk kekejaman, bolehkah tindakan saya itu dianggap bertentangan dengan undang-undang? Sebaliknya, kerajaan sendiri menindas dan menentang agama serta ulama dengan bertopengkan fahaman liberalisme (kebebasan) dan sekularisme. Andainya saya memberi tentangan berdasarkan hak kebebasan beragama dan mengambil Al-Quran sebagai penyokong pendirian saya, maka bolehkah saya dituduh bersalah? Penentangan terhadap kekejaman dan tindakan yang melanggar undang-undang adalah satu hak yang sah di segi undang-undang dan diterima di seluruh dunia. Kerana pendirian saya yang beginilah maka kerajaan-kerajaan Turki yang terdahulu menuduh saya membahayakan keamanan umum dan keselamatan negara. Lantaran itu mereka pun menimpa berbagai bentuk kekejaman terhadap diri saya. Selama dua puluh tahun mereka membuang saya dari satu wilayah ke satu wilayah. Mereka penjarakan saya. Mereka menyekat saya dari berbual-bual dengan orang lain. Mereka memalukan saya. Bahkan mereka sanggup meracuni saya. Kami, anggota Thalaba an-Nur, adalah orang-orang yang mempertahankan keamanan, dan keselamatan raayat umum. Sesiapa yang menuduh kami membahayakan keamanan sebenarnya melakukan dosa besar.

Wahai tuan-tuan hakim! Sebenarnya, keenam-enam mahkamah dalam keenam-enam wilayah tempat saya ditahan atau dibuang, tidak \* dapat membuktikan bahawa kegiatan kami menggugat keamanan umum dan keselamatan negara. Kami menentang sebarang bentuk kekacauan. Kami juga menentang gerakan Freemason dan komunis. Saya telah menghurai pendapat saya mengenai perkara ini dalam satu makallah yang diterbitkan di dalam majallah bulanan ‘Sebilur-Reshad’, nombor 116, di bawah tajuk ‘Suara Kebenaran’.

Sesiapa yang menuduh saya menggunakan agama untuk tujuan politik adalah salah. Sejarah hidup saya membuktii saya sedang berjuang untuk agama. Sudah tiga puluh lima tahun saya meninggalkan gelanggang

politik. Tiada mahkamah yang boleh menyangkal daawaan saya ini. Musuh-musuh kami menuduh kami dengan berbagai tuduhan palsu ketika kerajaan dahulu berkuasa (yaani kerajaan Parti Repablikan Raayat). Mereka melakukan demikian samaada kerana hendak meng- gunakan politik untuk menegakkan fahaman mulhid (atheis) atau kerana mereka hendak tegakkan dasar-dasar mereka yang sudah rosak itu di dalam negara. Sebenarnya mereka lah yang mengancam jiwa dan harta benda. Seorang MusHm yang sebenar tidak boleh menjadi seorang pengacau keamanan. Kini, kami telah melupakan segala kekejaman dan penindasan yang dilakukan oleh kerejaan-kerajaan terdahulu terhadap kami kerana mereka sudah tidak berkuasa lagi. Lagi pun, dengan izin Allah, kami telah mendapat kembali hak dan kebebasan kami.

Saya akan merasa menderita apabila ada bahaya mengancam Islam. Adalah mudah untuk menghadapi bahaya-bahaya ini di masa lepas kerana ianya datang dari luar. Tetapi kini, bahaya-bahaya ter- sebut datang dari dalam dan lebih sukar untuk menghadapinya. Apa- bila kereputan sudah meresap ke dalam badan, maka sangat susah untuk membasminya. Saya takut nanti sendi masyarakat akan menjadi lemah kerana menganggap musuh ketat sebagai kawan. Kubu IMAN akan tergugat andainya masyarakat tidak menyedari hal ini. Hal inilah yang membuat saya menderita. Saya tidak pemah peduli tentang kesukaran yang menimpa diri saya. Saya lebih suka berfikir tentang kedudukan Iman daripada berfikir tentang kesusahan yang menimpa saya.

Dunia sedang menghadapi masaalah akhlaq. Satu wabak penyakit telah bertunas di kalangan masyarakat Barat. Asas-asas akhlaq masyarakat Barat sedang bergoncang. Dalam sedikit masa iagi, kerun- tuhan akhlaq masyarakat Barat akan merebak ke seluruh dunia. Bagai- manakah caranya masyarakat Muslim hendak menentang gejaja buruk ini? Saya lihat pemimpin-pemimpin sedang berada dalam kelalaian. Keimanan tidak boleh ditegakkan dengan penderhakaan dan keourangan. Saya telah menumpukan keseluruhan usaha saya kepada penegakan Iman dengan menekankan sudut kehidupan ruhani. Akhlaq dan keyakinan negara adalah berdasarkan keesaan Allah dan lain-lain rukun Iman yang telah diterangkan dalam Al-Quran. Masyarakat akan binasa apabila ciri-ciri atau dasar-dasar ini tergugat.

Adakah mereka sangka bahawa saya ini seorang yang pentingkan diri dengan beijuang hanya untuk menyelaraskan diri saya saja?»

Sebaliknya saya sanggup mengorbankan kehidupan duniawi dan juga kehidupan akhirat saya demi untuk menyelamatkan keimanan negara. Saya tidak pemah mengenal kesenangan duniawi di sepanjang umur saya yang lapan puluh tahun ini. Keseluruhan hidup saya habis di medan perang, dalam tawanan, dalam kurungan, dalam penjara dan dalam mahkamah-mahkamah di negara Turki ini. Saya telah meng- hadapi berbagai bentuk 'penderitaan dan kesakitan. Saya telah dilayan sebagai penjenayah di mahkamah-mahkamah tentera dan dibuang dari satu wilayah ke satu wilayah seumpama seorang bangsat. Sesiapa pun tidak dibenarkan menziarahi saya ketika saya berada dalam kurungan. Saya telah diracun berkali-kali (19 kali semuanya). Saya telah dicela dengan berbagai cara sehingga kadang-kadang saya lebih suka mati daripada hidup. Andainya agama kita tidak melarang bunuh diri, mungkin Sa'id Nursi kini sudah lama berada di bawah bumi.

Kehidupan saya telah melalui banyak penderitaan-penderitaan, ujian-ujian dan demalangan-kemalangan. Seluruh tumpuan hidup saya ialah kepada usaha menyelamatkan keimanan, keamanan dan kebahagiaan negara. Saya tidak menuntut apa-apa pembalasan atas usaha saya ini. Saya juga tidak akan mencaci sesiapa pun kerana 'Risaailan-Nur' telah beijaya menyelamatkan keimanan ratusan ribu, bahkan beijuta manusia. Hanya melalui maut saja diri saya akan merasa selamat. Dengan menanggung segala bentuk penderitaan dan ujian tadi, saya telah beijaya menyelamatkan keimanan ramai manusia. Puji-pujian bagi Allah yang Maha Tinggi. Saya sanggup mengorbankan kebahagiaan saya demi keselamatan IMAN masyarakat. Saya tidak inginkan Syurga atau takutkan Neraka. Semoga seribu Sa'id Nursi dikorbankan untuk memelihara keimanan negara! Syurga akan menjadi penjara bagi saya andainya sudah tidak ada lagi orang-orang yang beriman kepada Ai-Quran. Sebaiknya saya akan merasa senang dan puas walaupun jasad saya sedang dibakar oleh api neraka, apabila saya tahu keimanan negara masih terpelihara."

Perbicaraan ini berterusan sehingga minggu pertama dalam bulan Mac, 1952. Hari perbicaraan yang terakhir ialah pada 5hb. Mac, 1952. Semua tuduhan-tuduhan terhadap Ustaz Sa'id Nursi tidak dapat dibuktikan dan beliau pun dibebaskan. Para hadhirin di mahkamah menerima keputusan tersebut dengan tempek sorak gembira. Buku 'Genclik Rehbari' pun menjadi begitu terkenal sekali selepas perhi- caraan tersebut sehingga diulang-cetak beberapa kali. Jumlah naskhah yang diterbitkan meningkat sehingga lima puluh ribu buah, Selepas

perbicaraan di Istanbul, Ustaz Sa'id Nursi pun kembali ke Amirdagh.

Kita telah tahu bahawa pemimpin-pemimpin Parti Demokrat bersikap tolak-ansur terhadap Islam, akan tetapi, walaupun begitu, mereka masih merupakan penyokong-penyokong dasar-dasar sekularisme Barat yang dibawa oleh Mustaffa Kamal. Mereka menganggap Islam sebagai perkara peribadi masing-masing dan mereka tidak menyedari Islam itu menyentuh seluruh kegiatan hidup manusia. Kelonggaran-kelonggaran di bawah pemerintahan Parti Demokrat telah dipergunakan oleh setengah parti dan pemimpin \*untuk mengecam fahaman sekularisme dan mereka juga berani mengutarakan dasar-dasar kemasyarakatan dan politik Islam. Hal ini membuat pihak kerajaan kurang senang. Pemimpin-pemimpin dan akhbar Parti Repablikan Raayat mula melenting. Dalam jentera pentadbiran kerajaan, masih banyak penyokong-penyokong dasar sekular Barat Mustaffa Kamal. Mereka mula memberi tekanan pada kerajaan supaya bertindak tegas terhadap penyokong-penyokong dasar Islam. Perdana Menteri Adnan Menderes tidak berupaya menangkis tekanan ini dan ia pun menjalankan beberapa tindakan menindas terhadap gulungan yang inginkan dasar Islam tertegak semula di Turki. Tindakan itu berjalan dalam tahun 1952 dan 1953. Dalam bulan Mac, 1952, Parti Islam Demokrat telah diharamkan. Mian Bashir Ahmad, iaitu Duta Pakistan ke Turki telah dipanggil pulang ke tanah aimya kerana tekanan kerajaan Turki lantaran sikap beliau yang mirip pada Islam. Dalam bulan September, 1952, ‘Buyuk Dogu’<sup>\*47</sup>, sebuah akhbar harian yang memihak Islam telah diarah tutup. Dalam bulan November, 1952, seorang pemuda bemama Husain Uzmez telah cuba membunuh Ahmad Amin Yalman<sup>\*48</sup> kerana beliau bertanggungjawab mengadakan pertandingan ratu cantik pertama di Turki. Peristiwa ini menyediakan alasan yang lebih kemas bagi pihak kerajaan memperhebatkan penindasan terhadap pejuang-pejuang Islam. Pada 12hb. Disember, 1952, pemilik dan ketua pengarang ‘Buyuk Dogu’, iaitu Najib Fazil Kisakurek, telah ditangkap. Dalam bulan Januari, 1953, ‘Milliyetciler Dernegi’<sup>\*49</sup>, iaitu satu persatuan yang terdiri dari cendikiawan-cendikiawan Muslim, telah diarah tutup bersama dengan kesemua cawangannya sekali. Javad Rifat Atilhan<sup>\*50</sup>, iaitu bekas Pengurus Parti Islam Demokrat telah ditahan dan dibuang. Sa'id Bilgich dan Tahsin Tola, iaitu dua orang ahli parlimen dari Isparta telah dipecat dari Parti Demokrat. Hasan Fahmi, iaitu seorang lagi anggota Parti Demokrat dari Samsun, telah dipecat lebih awal lagi. Dalam syarahan-nya, Adnan Menderes berkata Turki adalah Muslim dan akan kekal

Muslim, tetapi di sebalik syarahannya tadi, beliau menghentam pejuang-pejuang Islam dengan hebat sekali. Keadaan yang meruncing ini dipergunakan oleh pihak berkuasa sekular untuk mengganggu Ustaz Sa'id Nursi yang telah tiba ke Amirdagh dari Istanbul. Satu hari, dalam bulan Ramadhan, ketika Ustaz Sa'id Nursi sedang bejalan bersendirian, beliau telah dikejar oleh seorang inspekter Polis dan dua orang mata-mata. Mereka menyuruh Ustaz Sa'id Nursi memakai topi dan membawanya ke balai polis. Ustaz Sa'id Nursi menghantar surat bantahan mengenai peristiwa ini kepada Kementerian Undang-undang dan Kementerian Dalam Negeri. Beliau juga menghantar satu salinan surat tersebut kepada seorang muridnya di Ankara. Thalaba an-Nur Ankara menerbitkan surat ini dalam sebuah akhbar di Samsun yang bermula 'Buyuk Jihad'. Berikut itu, Ketua Pengarang 'Buyuk Jihad', yang juga adalah ahli Thalaba an-Nur terkemuka telah ditahan. Beliau ialah Mustaffa Sungur. Satu saman telah dihantar kepada Ustaz Sa'id Nursi oleh Mahkamah Samsun. Dalam musim bunga tahun 1953, Ustaz Sa'id Nursi tiba sekali lagi ke Istanbul kerana beliau handak pergi ke Samsun melalui jalan laut. Setibanya ke Istanbul, beliau tidak dapat meneruskan pejalanan kerana sakit teruk. Oleh itu perbicaraan pun dijalankan di sebuah mahkamah di Istanbul. Keputusannya ialah beliau dibebaskan dari semua tuduhan.

Kali ini Ustaz Sa'id Nursi tinggal di Istanbul selama tiga bulan. Setibanya ke Istanbul, ia menginap di Hotel Marmara Palas di Bayezit selama satu hari. Kemudian ia menjadi tetamu selama enam hari di dua buah rumah sahabat-sahabatnya. Di setiap rumah tersebut beliau tinggal selama tiga hari. Rumah-rumah itu ialah di Chamja dan Uskudar. Beliau menghabiskan tempoh waktunya yang lain di rumah Frinji Muhammad Gulech di Charshamba.

Ketika perayaan menyambut tahun yang ke lima ratus jatuhnya Konstantinopel ke tangan Turki, Ustaz Sa'id Nursi sedang berada di Istanbul. Beliau turut hadir dalam acara sambutan di Topkapi Saray bersama-sama para pegawai yang lain.

Selepas tiga bulan di Istanbul, beliau kembali lagi ke Amirdagh. Dari Amirdagh, ia pergi ke Eskishehir. Selepas beberapa hari beliau tinggal di Hotel Y0diz di Eskishehir, beliau pun berangkat pula ke Isparta. Di Isparta, beliau menjadi tetamu Hotel Saray Palas selama seminggu. Nuri Benli, iaitu tuanpunya Hotel tersebut, adalah ahli

Thalaba an-Nur. Ustaz Sa'id Nursi sangat suka tinggal di Ispartabukan saja kerana tertarik pada pemandangan alamnya yang cantik, akan tetapi kerana 'Risaailan-Nur' mula disusun di Barla - iaitu salah sebuah bandar dalam wilayah ini. Lagi pun penuntut-penuntut dan raayat Isparta telah banyak membantunya dan mereka juga memberi pengorbanan yang hebat untuk Islam. Lantaran hubungan yang erat inilah yang mendorong beliau untuk menghabiskan sisa hidupnya di wiiayah Isparta. Ia bercita-cita untuk dikebumikan di Barla atau di Sav. Selepas seminggu di Hotel Saray Palas, ia pun menyewa sebuah rumah yang dipunyai oleh seorang wanita bermama Fitnat Gungor. Beberapa orang anggota Thalaba an-Nur yang terkemuka seperti Tahiri Mutlu, Zubeyir Gunduzaip, Bayram Yuksel, Mustafa Sungur dan Jeylan Chalishekan berada di situ untuk memberi perkhidmatan kepada beliau. Suatu hari, ia pergi ke Barla bersama murid-muridnya tadi. Dua puluh tahun yang lalu, beiau telah dipaksa meninggalkan Barla. Kini, ia sedang menziarah Barla tanpa sebarang paksaan. Shahiner mencatatkan peristiwa kembalinya Sa'id Nursi ke Barla seperti berikut:

'Apabila ia masuk ke bandar tersebut, orang ramai berlari-lari kerana hendak melihatnya. Mereka berteriak, "Khoja Effendi telah tiba! Khoja Effendi telah tiba!" Suasana ketika itu begitu meriah sekali seumpama menyambut satu perayaan. Air muka orang-orang ini penuh dengan cahaya kegembiraan. Dalam perjalanan, ia melintasi rumah Mustafa Chaush, seorang penyokongnya yang setia. Mustaffa telah membina pondok untuknya ketika ia di Barla dulu. Mustafa Chaush telah mati daiam tahun 1937. Bila beliau melihat rumah Mustafa Chaush berkunci, ia pun tidak dapat lagi menahan kesedihan-nya dan air mata pun mula mengalir membasahi pipinya. Selepas itu ia pergi ke tempat ia mengajar penuntut-penuntutnya yang dipanggil Derskhana. Beliau diapit oleh Zubeyir Gunduzalp dan Tahiri Mutlu, Sebaik saja sampai ke situ, beliau minta dibiar berseorangan. Beliau pun memeluk pokok Chinar tua di situ dengan kedua belah tangannya dan mula menangis, Di dalam pondok di bawah pokok inilah, beliau menghabiskan masa sembilan tahun dengan ibadat dan mengajar.'

Pada 24hb. Februari, 1955, Turki dan Iraq menandatangani Pakatan Baghdad, Tidak lama selepas itu, Iran dan Pakistan terlibat sama dalam Pakatan tersebut. Ustaz Sa'id Nursi mengalu-alukan Pakatan tersebut kerana ia menganggapnya sebagai satu benteng terhadap komunis dan juga sebagai lajigkah pertama ke arali perpaduan

Islam. Beliau juga menulis surat kepada Presiden Jalal Bayar dan Perdana Menteri Adnan Menderes. Surat tersebut menyatakan harapan beliau agar pakatan tadi akan menghilangkan fahaman kebangsaan sempit dan akan membawa ke arah perpaduan dunia Islam berdasarkan ciri persaudaraan Islam.

Masa depan ‘Risaailan-Nur’ masih terawang-awang walaupun laporan siasatan telah dikeluarkan dulu. Akhirnya, Lembaga Mesyuarat, Jabatan Hal Ehwal Agama telah menyiasat dengan rapi ‘Risaailan-Nur’. Keputusan yang mereka capai ialah karya tersebut menyentuh perkara-perkara agama saja dan tidak ada kaitan dengan politik atau usaha menentang kerajaan. Pada llhb. September, 1956, Mahkamah Afyon, telah menarik balik pengharaman terhadap ‘Risaailan-Nur’ selepas menerima laporan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama. Keputusan ber- sejarah ini membuka jalan untuk ‘Risaailan-Nur’ diterbitkan dalam tulisan rumi. Dengan demikian berakhirlah kejayaan kerja menulis dengan tangan yang sukar lagi memenatkan itu.

Selepas keputusan ini, Dr. Tahsin Tola, seorang ahli Parlimen Turki dari Isparta, telah meminta kebenaran Ustaz Sa’id Nursi untuk mencetak ‘Risaailan-Nur’ dalam tulisan rumi. Dr. Tahsin Tola kemudian bercakap dengan Adnan Mederes mengenai perkara tadi dan ia berhasil meyakinkan Adnan tentang faedah ‘Risaailan-Nur’. Katanya ada tiga faedah, iaitu:

- (i) kitab ini akan membantu usaha mengurangkan huru-hara dan kekacauan di Turki;
- (ii) kitab ini akan membuat dunia Islam kembali mengasahi dan menghormati Turki;
- (iii) kitab ini juga akan menyekat fahaman kebangsaan sempit yang merugikan negara.

Adnan Menderes bersetuju dengan cadangan Dr. Tahsin Tola dan ia menasihati Dr. Tahsin supaya membuat persediaan menerbitkan buku-buku tersebut selepas berbincang dengan Menteri Hal Ehwal Agama. Ketika itu kertas cetak sangat sukar didapati. Dengan bantuan kerajaan, masalah ini dapat diatasi dan percetakan berjalan o.\*rentak di Istanbul, Ankara, Samsun dan Antalya. Kerja-kerja menerbit dan

mencetak dibantu oleh dua orang anggota Thalaba an-Nur - iaitu Atif Ural dari Jabatan Undang-undang Ankara dan Sa'id Ozdemir dari Kementerian Hal Ehwal Agama. Ustaz Sa'id Nursi merasa gembira kerana 'Risaailan-Nur' telah diterbitkan di empat wilayah. Ustaz Sa'id Nursi sendiri membaca proof kesemua makallah dalam 'Risaailan- Nur' tadi. Kata beliau dengan penuh gembira:

"Kini tugas saya sudah selesai. Inilah masanya yang saya sangat-sangat tunggu selama ini. Sekarang saya sudah bersedia untuk meninggalkan dunia yang fana ini."

## 6

### TAHUN-TAHUN AKHIR

Dengan tercetaknya ‘Risaailan-Nur’, nama Badiuzzaman Sa’id Nursi kian terkenal di luar negara Turki. Dalam tahun 1957, pertubuhan pelajar terbesar di Pakistan, iaitu Islami JamTati Thalaba telah menghubungai beliau buat pertama kalinya. Absar Alam, iaitu Setiausaha Agung pertubuhan tersebut, telah menulis surat pada Ustaz Sa’id Nursi memintanya menghantar kata-kata aluan untuk mesyuarat agung pertubuhan itu yang hendak dijalankan pada bulan September, 1957. Encik Ali Akbar Shah, seorang pegawai kanan di Kementerian Pelajaran Pakistan telah bertemu Ustaz Sa’id Nursi dan meminta beliau berpindah ke Pakistan. Ia memberi jaminan bahawa usaha-usaha Ustaz Sa’id Nursi akan mendapat penghargaan besar di Pakistan. Ustaz Sa’id Nursi menolak tawaran tersebut dan memberi jawapan berikut:

“Akar umbi segala penyakit yang telah menjangkiti Dunia Islam berada di negara ini (yaani Turkia). Di dalam negara Turki inilah pihak Zionis menyediakan rancangannya; dalam negara inilah pihak komunis giat menyibarkan fahamannya; dan di negara inilah juga puak Freemason membuat komplottunya. Jika saya tinggalkan negara ini dan berpindah ke negara lain, maka saya adalah pengkhianat.”

Ustaz Sa’id Nursi kini lebih banyak merasai kebebasan. Ajaran dan kitab beliau kian tersibar hari demi hari. Namun begitu, penerapan nilai-nilai pemikiran yang bertentangan dengan Islam dan corak kehidupan yang bukan Islam, yang telah dipaksakan ke atas raayat selama dua puluh tujuh tahun oleh kerajaan Parti Republikan Raayat, telah membuka peluang bagi puak mulhid (atheis) dan komunis bertapak di Turki. Raayat Tui^ci lapisan baru kini sudah tidak mengenali Islam sebagai suatu keyakinan yang merangkumi seluruh bidang kehidupan masyarakat dan juga politik. Hal ini membimbangkan Ustaz Sa’id Nursi. Beliau telak berjuang selama dua puluh lima tahun tanpa henti-henti. Beliau telah menghadapi keadaan yang permh

kesukaran dan penderita&n. Kini, beliau telah berusia lebih dari lapan puluh lima tahun dan terlalu lemah untuk memberi penentangan sehebat dulu. Beliau menyatakan kebimbangannya itu dalam satu perbualan dengan Ashraf Adip:

“Saya sangat bimbang akan bahaya yang sedang mengancam Isiam. Pada masa dulu, ancaman ini datang dari luar dan mudah dihadapi. Kini, ancaman datang dari dalam dan sangat sukar ditentang. Saya risau masyarakat tidak berupaya menghadapi bahaya ini kerana kini musuh sangat sukar untuk dikenali.” \*

Ashraf Adip kemudiannya bertanya:- “Tidakkah awak merasa puas mempunyai ratusan ribu murid yang setia?”

Ustaz Sa’id Nursi menjawab:- “Ya, saya tidak putus harapan, tetapi kemajuan yang dicapai adalah terlalu lambat untuk membuat fikiran saya merasa tenang. Penyakit yang berpunca dari kebudayaan Barat telah menggoncang asas akhlak kita dan sayatidak tahu bagaimana wabak ini boleh diatasi.”

Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi menghabiskan tahun-tahun akhirnya di Isparta dan Amirdagh. Pada 2hb. Disember, 1959, beliau pergi ke Ankara. Selepas menginap semalam di Hotel Beyrut Palas, beliau pun kembali ke Amirdagh. Pada 19hb. Disember, 1959, beliau pergi ke Konya iaitu kediaman adiknya, Abdul Majid Nursi. Beribu-ribu ra’ayat Konya mengalru-alukan kedatangannya. Hari itu ialah hari cuti dan Muzium Maulana Jalaluddin Rumi telah ditutup. Walau bagaimanapun, Pengarah Muzium tersebut membentarkan Ustaz Sa’id Nursi menziarahi makam ahli sufi yang terkenal itu untuk menghadiah- kan Al-Fatihah.

Pada 31hb. Disember, 1959, sekali lagi Ustaz Sa’id Nursi melawat Ankara kerana memenuhi undangan tiga orang ahli parlimen Parti Demokrat. Hari berikutnya, 1hb. Januari, 1960, beliau pergi ke Istanbul dan diberi sambutan hangat di sana. Akhbar-akhbar meletakkan gambar beliau di muka hadapan. Pada 3hb. Januari, 1960, beliau kembali semula ke Ankara. Di Ankara, seorang wartawan majalah ‘Time’ dari Amerika Syarikat telah mengadakan wawancara yang panjang dengan Ustaz Badjuzzaman Sa’id Nursi. Pada 6hb. Januari, 1960, beliau pergi ke Konya menziarahi adiknya dan menghadiahkan Al-Fatihah dimakam Jalaluddin Rumi. Beliau kembali ke Isparta pada hari itu juga. Pada  
-91 -

llhb. Januari, 1960, ia melawat Ankara buat kali terakhir dan menyampaikan khutbah penghabisannya. Kesemua lawatan-lawatan Ustaz Sa'id Nursi ke Ankara, Istanbul dan Konya dilapurkan begitu rupa oleh akhbar-akhbar sekular sehingga kerajaan pimpinan Adnan Menderes yang memang sudah gentar dengan tekanan Parti Republikan Raayat, telah meiarang Ustaz Sa'id Nursi dari meninggalkan Amirdagh. Arahan ini diberi di Ankara dan keesokan harinya Ustaz Sa'id Nursi pun kembali ke Amirdagh.

Pada 18hb. Mac, 1960, Ustaz Sa'id Nursi jatuh sakit yang agak tenat. Beliau sedang menderita demam sejuk. Doktor pun menyuntik-nya dan ia pun terus lena sekejap. Apabila ia bangun, wajahnya mengukir senyuman. Anggota-anggota Thalaba an-Nur yang berada di situ ketika itu ialah Zubeyir Gunduzalp, Hamzah Emek dan Tahir Barchin. Ustaz Sa'id Nursi berkata kepada mereka:—

“Saudara-saudara, ‘Risaailan-Nur’ sudah menjadi terkenal. Puak Freemason dan Komunis sudah dikalahkan.” Beliau mengulangi ayat-ayat ini sebanyak tiga kali dan kemudian beliau pensan.

Pada pagi 19hb. Mac, 1960, Ustaz Sa'id Nursi bangun dan ia kelihatan sihat. Beliau mengambil air sembahyang dan menunaikan sembahyang subuh. Selepas itu beliau memanggil semua murid-muridnya dan memeluk mereka. Dengan air mata yang bercucuran, beliau pun berkata:-

“Selamat tinggal, saya hendak pergi. Janganlah menyusahkan diri awak kerana saya akan kembali semula.”

Kemudian, ia pergi ke Isparta. Waktu itu ialah bulan puasa (Ramadhan). Beliau sembahyang Isya' di Isparta. Selepas sembahyang, beliau berkata kepada murid-muridnya:—

“Anak-anakku! Saya merasa kurang senang. Akan tetapi, usahlah bimbang. Keija yang sedang dilakukan oleh ‘Risaailah-Nur’ adalah lebih dari usaha yang dapat saya buat. Kini, tidak perlu lagi saya berada di dunia ini.”

Sepanjang malam itu beliau dijaga oleh murid-muridnya. Pada pukul 2.30 pagi (20hb. Mac, 1960), beliau menyatakan keinginannya untuk melawat Urfra. Pada jam 9.00 pagi, 20hb. Mac, 1960, Ustaz

Badiuzzaman Sa'id Nursi dengan diiringi oleh Husnu Bayram, Bayram Yuksel dan Zubeyir Gunduzalp berangkat ke Urfa dalam sebuah kereta yang dipandu oleh Husnu Bayram.

Apabila pihak polis dapat Ustaz Sa'id Nursi tidak ada di Amirdagh, mereka menjalankan gerakan mencarinya. Sementara itu, Ustaz Sa'id Nursi sampai ke Urfa pada 2hb. Mac, 1960 jam 11.00 pagi. Beliau menginap di biiik nombor 27, tingkat tiga di Hotel Ipek Palas. Sebaik saja berita ketibaannya tersibar, ramailah penduduk-penduduk bandar tersebut berkumpul berhampiran hotel tersebut. Beratus-ratus orang di antara mereka itu yang masuk ke bilik Ustaz Sa'id Nursi kerana hendak mencium tangan beliau dan mengambil berkat. Pihak berkuasa juga mendapat tahu berita kedatangannya. Mereka cuba sedaya-upaya untuk menghantar Ustaz Sa'id Nursi balik ke Amirdagh, tetapi tidak berhasil kerana behau demam teruk sehingga tidak mampu mengembara jauh. Ustaz Sa'id Nursi sendiri enggan mematuhi arahan tersebut. Katanya:—

“Saya datang ke sini bukan untuk kembali ke sana. Awak lihat sendiri keadaan saya. Mungkin saya akan mati di sini.”

Katan-katanya itu adalah benar. Pada jam 3.00 pagi, 25hb. Ramadhan, 1379 Hijrah bersamaan 23hb. Mac, 1960 Masehi, Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi al-Kurdi menghembus nafasnya yang terakhir. Berita kematianya tersiar di muka hadapan akhbar-akhbar di Istanbul dan Ankara.

Pengerusi Parti Demokrat bandar Urfa, iaitu Muhammad Khatip Oglu dan lain-lain orang kenamaan Urfa membuat keputusan mengkebumikan Ustaz Sa'id Nursi di Dergah Khalilur Rahman, iaitu tempat yang paling suci di Urfa.

Beribu-ribu orang menyembahyangkan jenazah beliau di Masjid Ulu dan beribu-ribu lagi mengiringinya ke kubur. Kesemua kedai dan pasar di bandar tersebut ditutup. Ustaz Sa'id Nursi dikebumikan di Dergah Khalilur Rahman pada hari Khamis, 24hb. Mac, 1960, selepas sembahyang A'sar.

Dua bulan selepas kematian Ustaz Sa'id Nursi, anasir-anasir sekular dalam tentera Turki telah menggulingkan kerajaan Parti Demokrat. Pemimpin-pemimpin baru ini menganggap diri mereka

berkemajuan, tetapi mereka sebenarnya menentang Islam. Mereka adalah warisan dari Parti Repablikan Raayat yang sememangnya merupakan jaguh dasar-dasar sekular Mustaffa Kamal. Oleh itu, tindakan mereka tidak berbeza banyak dengan tindakan Parti Repablikan Raayat. Sungguh malang bagi mereka kerana tidak ada lagi Ustaz Sa'id Nursi untuk diganggu dan digugat. Lantaran itu mereka pun melepaskan dendam mereka ke atas jasad beliau yang sudah tidak bernyawa itu. Pada waktu tengah malam, 12hb. Julai, 1960, satu pasukan tentera memasuki bandar Urfa dan mengorek kubur Ustar Sa'id Nursi di hadapan adiknya sendiri — iaitu Abdul Majid Nursi. Mayat beliau dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam sebuah keranda dan seterusnya diterbangkan ke Isparta dalam sebuah kapal terbang tentera. Ia dikebumikan semula di satu tempat di Isparta yang belum diketahui hingga ke hari ini. Saksi-saksi yang melihat peristiwa tersebut mengatakan wajah usiaz Sa ia Nursi tetap elok seperti biasa walaupun ia sudah mati selama seratus sebelas hari. Adiknya, Abdul Majid Nursi mengambil tahun kematian abangnya dari rangkap-rangkap sajak berikut:

NURSTA\*1 DOGDUM NURIYE\*2 DEN,

NURU\*3 YAYDIM HER YERDE,

NURA\*4 KAVUSTUM BIRDEN,

YATTIM NUR\*5 LAR INCINDE.

Dengan mencampur kesemua perkataan Nur menurut angkanya, maka tahun kematianya akan didapati - iaitu 1379 Hijrah (1960 masehi).

1. Nursta - 325
2. Nuriye — 271
3. Nuru — 266
4. Nura-261
5. Nur-256

Jumlah - 1379

Maksud rangkap-rangkap tersebut ialah:

“Aku dilahirkan di Nurs dari Nuriye\*1,  
Aku menyibarkan cahaya (Nur) ke merata tempat,  
Tiba-tiba aku bersama-sama dengan Nur, dan kini aku sedang  
berbaring di bawah Nur.”

\*1 \_ Nuriye (Nuriyah) adalah nama ibu Badiuzzaman Sa’id Nursi.

# 7

## KEHEBATAN SA'ID NURSI

Kehebatan Sa'id\* Nursi boleh dilihat dari dua sudut. Iaitu kehebatan di segi sikap dan akhlanya dan yang satu lagi ialah kehebatan di segi usaha dan pejuangannya. Ia tidak mengejar wang dan pangkat. Kehidupannya sederhana dan jauh dari segala bentuk kemewahan. Sepanjang hidupnya habis dalam rumah-rumah yang sangat sederhana — atau lebih tepat lagi, dalam pondok-pondok. Pakaianya sederhana dan tidak pernah lebih dari dua pasang. Ia membasuh pakaianya sendiri. Tentang hartanya ia berkata: Harta saya ialah harta\* yang saya boleh bawa dengan kedua belah tangan saya ini.” Ia juga berkatakekayaan dunia ini tidak lebih dari sebuah rumah tumpangan saja. Harta yang ditinggalkannya ketika berau mati ialah sebuah jam tangan, sehelai jubah labuh, sehelai serban dan duit sejumlah dua puluh lira. Harta peninggalannya ini diserahkan pada adiknya, Abdul Majid Nursi. Ustaz Sa'id Nursi tidak pernah menerima zakat, sedaqah atau bantuan kewangan dari sesiapa. Beliau juga tidak berkahwin. Apabila ditanya mengapa ia tidak berkahwin, ia memberi alasan bahawa kehidupannya yang penuh kesukaran itu menyebabkan ia tidak dapat menuaikan kewajipannya sebagai seorang suami. Namun begitu ia tidak terlibat dalam kancan maksiat. Apabila berhadapan dengan wanita, berUau sentiasa memelihara matanya. Orang-orang yang rapat dengannya memberitahu bahawa ketika muda dulu pun Ustaz Sa'id. Nursi menunjukkan akhlak yang boleh dibuat contoh. Beliau juga biasa dengan tidur sedikit. Sebahagian besar dari malam dihabiskannya dalam bersembahyang dan berdo'a. Selepas tahun 1926, kebanyakan masanya habis dalam menulis dan menyemak ‘Risaailan-Nur’.

Ustaz Sa'id Nursi adalah seorang yang berpendirian teguh. Ustaz Sa'id Nursi sanggup memberi pengorbanan yang besar dalam mempertahankan pendapat atau pendiriannya. Di segi ini, beliau mendapat tempat dalam sejarah Islam bersama-sama tokoh-tokoh Islam seperti

%

Imam Hanbali, Imam Ibnu Taimiyah, Syed Qutb, Hassan al-Banna dan Maulana Maududi.

Khidmat Sa'id Nursi sebagai seorang raayat Turki tidak kurang juga pentingnya. Khidmat baktinya di Libya di bawah Teshkilati Makhsoosa dan juga perjuangannya menentang tentera Russia dalam Perang Dunia Pertama merupakan peristiwa-peristiwa penting dalam hidupnya. Walaupun ada penentang-penentang beliau yang tidak mahu mengakui jasa beliau di medan perang, akan tetapi mereka ini lupa bahawa jasa-jasanya ini mempunyai bukti-buktii yang tercatit. Catitan-catitan ini ada dalam buku-buku yang disusun oleh Najmuddin Shahiner seperti ‘Bilimyeyen Tarafiler B4diuzzaman Sa'id Nursi’, ‘Aydinlar Anlatiyor’ dan ‘Son Shahidlar’.

Kecamannya yang tajam terhadap pasukan penjajah British dan sokongannya terhadap gerakan pembebasan di Anatolia, mem- buktikan kecintaannya pada tanahaimya. Musuh-musuhnya juga menuduhnya bersubahat dengan pemimpin-pemimpin gerakan pembebasan Kurdistan. Semua tuduhan ini adalah palsu belaka dan direka untuk membusukkan nama beliau. Ia disaman ke mahkamah- mahkamah atas berbagai tuduhan. Walaubagaimanapun tidak satu saman pun diberikan padanya atas sebab penglibatannya dalam gerakan pembebasan Kurdistan. Sebenarnya, tulisan beliau sendiri membuktikan beiau menentang sebarang fahaman kebangsaan Turki atau Arab atau pun Kurdi. Kisah pencapaian peribadinya dan kisah sumbangannya pada negara Turki, sudah cukup untuk membuktikan kehebatan Ustaz Sa'id Nursi. Ketinggian peribadi serta sumbangannya pada negara Turki sudah sepatutnya lahir diiktiraf atau diakui oleh semua pihak dengan hati yang terbuka.

Puak sekular menuduh beliau sebagai penyokong pemerintahan Khalifah dan penentang dasar sekular Mustaffa Kamal. Mereka menganggap pendiriannya ini bertentangan dengan dasar negara. Pendapat ini adalah sempit dan silap. Memang benar Ustaz Sa'id Nursi ipem- punyai pendirian yang bertentangan dengan usaha-usaha pembaharuan Mustaffa Kamal, tetapi kita harus ingat bahawa Ustaz Sa'id Nursi berhak, di segi demokrasi, untuk meneliti dan menegur dasar-dasar kerajaan. Kebebasan beragama, kebebasan bersuara dan kebebasan untuk memberi pendapat adalah hak yang dijamin oleh perlombagaan Turki sendiri. Andainya ia menggunakan haknya ini terhadap pihak yang berkuasa, maka hal ini tidak boleh dianggap satu jenayah atau satu

tindakan yang bertentangan dengan dasar negara. Kita patut ingat bahawa pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan pada Turki dikuatkuasakan dengan paksaan dan tekanan. Dasar-dasar ini disumbatkan ke mulut rakyat Turki setelah akhbar disekat dan pemimpin-pemimpin pembangkang dibunuh dan dibuang negeri. Oleh itu, Sa'id Nursi sepatutnya dihargai, bukannya dikecam kerana beliaulah satu-satunya orang yang berani menyuarakan tentang terhadap tindakan-tindakan pihak berkuasa yang dianggapnya mengancam negara, dalam keadaan yang serba mencabar. Ia dibebaskan dari semua tuduhan di mahkamah-mahkamah<sup>\*51</sup>. Hal ini membuktikan bahawa tidak pernah terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang mengancam negara. Segala tindakannya itu adalah dalam sempadan haknya yang termaktub dalam perlembagaan Turki. Tuduhan-tuduhan palsu yang direka dan tindakan-tindakan yang diambil oleh musuh-musuhnya terhadap dirinya, menunjukkan kesempitan fikiran dan sikap taasub yang ada pada mereka. Sikap taasub bukan saja terhad pada gulungan agama saja. Ianya juga muncul di kalangan pejuang-pejuang fahaman liberalisme (berfahaman bebas), cendikiawan-cendildawan dan juga gulungan yang mengaku diri mereka pejuang-pejuang kemajuan apabila mereka hendak menyekat sesiapa saja yang menentang pendapat mereka. Penentang-penentang Sa'id Nursi melakukan jenayah ini atas nama kemajuan. Mereka tidak menentang Sa'id Nursi secara perbahasan dan perbincangan terbuka, akan tetapi mereka menggunakan tuduhan-tuduhan palsu dagu kuasa terhadap beliau. Mereka berhak berselisih pendapat dengan Sa'id Nursi, tetapi mereka tidak berhak mempersoalkan ketaatan beliau terhadap negara lantaran pendapat-pendapatnya yang berbeza dari mereka. Sekarang mari kita lihat sudut kedua kehebatannya — iaitu kehebatan di segi usaha dan perjuangan-nya. Ketika ia berada di Van dalam tahun 1884, ia terbaca dalam akhbar, satu kenyataan yang dibuat oleh Gladstone<sup>\*52</sup> yang memegang Al-Quran di Parlimen British sambil berkata, “Selagi orang-orang Islam memiliki Al-Quran, selagi itulah kita tidak dapat menguasai mereka sepenuhnya. Kita mesti lenyapkan Al-Quran dari mereka atau pun kita buat mereka hilang kecintaan mereka terhadap Nya (Al-Quran)”

Badiuzzaman Sa'id Nursi terkejut besar dengan berita tadi dan terus berkata:

“Walaupun musuh akan mengancam, saya akan istihar dan -98 -

buktikan pada dunia bahawa Al-Quran adalah benar dan ia merupakan wahyu Allah.”

Dengan keazaman inilah, Ustaz Sa’id Nursi bertindak di sepanjang hayatnya. Tujuan utamanya ialah membuktikan kebenaran Al-Quran. Beliau terlibat dalam gelanggang politik sekejap ketika perlombagaan Turki dihidupkan semula buat kaii kedua. Tindakannya ini juga ber- dasarkan keazamannya tadi. Ia hendak meletakkan Al-Quran dan Islam di tempat tertinggi dalam pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniah. Politik untuk politik tidak pemah menjadi cogan katanya atau matlamatnya. Ketika Ustaz Sa’id Nursi dilantik menjadi anggota Darul Hikmah dalam tahun 1918, beliau menghantar satu kenyataan pada kerajaan. Dalam kenyataan itu, beliau menerangkan bahawa buku-bukunya bercorak peringatan-peringatan dan ditulis dengan tujuan menyedarkan orang-orang Islam. Sebelum tahun 1926, behau menulis beberapa buah buku untuk membuktikan kata-kata beliau itu. Apabila ia menulis ‘Risaailan-Nur’, selepas tahun 1926, tujuan yang sama seperti ketika ia muda dulu menjadi dasar penulisannya. Memang tidak diragukan lagi bahawa Ustaz Sa’id Nursi mempunyai perbezaan pendapat dan fahaman dengan pemimpin-pemimpin Parti Ittihadi wa Taraqqi (Parti Perpaduan dan Kemajuan); dan selepas itu dengan pemimpin-pemimpin Parti Repablikan Raayat, akan tetapi, selepas tempoh yang singkat dalam tahun 1908 itu, beliau tidak lagi terlibat dalam gelanggang politik. Pada mulanya beliau kerap kali membaca tujuh hingga lapan akhbar setiap hari, tetapi, selepas beliau meninggalkan gelanggang politik, satu akhbar pun tidak dibacanya lagi. Ia pemah berkata:

1)1 ^

(Saya meminta perlindungan Allah dari syaithan dan politik)

Oleh itu, semua tuduhan yang mengatakan beliau guna agama untuk tujuan politik atau membuat pakatan menggulingkan kerajaan menam- pakkan niat buruk pihak berkuasa hendak menghancurkan Islam dengan bertopengkan sekularisma. Ustaz Sa’id Nursi menulis ‘Risaailah- Nur’ dengan tujuan hendak menghilangkan keraguan raayat lapisan bam yang berpendidikan Barat terhadap Al-Quran dan Islam. Hari demi hari gulungan ini kian menyimpang dari Islam. Ia yakin kalau ia berhasil merubah sikap gulungan tersebut dengan membuat mereka cinta pada Islam, maka kegemilangan Islam akan kembali semula,

Ustaz Sa'id Nursi juga tidak betul-betul menentang sekularsima. Namun begitu, tafsiran beliau tentang sekularisme adalah berlainan dengan tafsiran yang diutarakan oleh Parti Repablikan Raayat. Beliau mentafsirkan negara sekular sebagai sebuah negara yang tidak meng-ganggu agama serta membiarkan rakyat bebas mengamal dan menyibar agama mereka. Hampir semua negara-negara sekular di luar blok komunis memakai tafsiran tersebut. Kemudiannya, cendikiawan-cendikiawan Turki seperti Ali Fuad Bashgil<sup>\*53</sup>, Nuruddin Topchu<sup>\*54</sup> dan lain-lain memimpin Parti Demokrat serta Parti Keadilan memberi tafsiran yang serupa seperti yang diberikan oleh Ustaz Sa'id Nursi.

### **Tajuk-tajuk dalam ‘Risaailan-Nur’**

‘Risaailan-Nur’ merupakan satu tafsir Al-Quran. Kesemua tafsir ini disusun ke dalam 130 tajuk. Tafsir-tafsir ini dikumpulkan dalam bentuk buku-buku di bawah tajuk-tajuk seperti SOZLER, SHUALER, LEMALAR dan lain-lain lagi. ‘Risaailan-Nur’ adalah nama umum yang diberi pada semua tajuk-tajuk ini. Kesemua tajuk-tajuk ini beijumlah enam ribu mukasurat. Al-Quran sebagai satu mu’jizat, kebenaran kerasulan Nabi Muhammad s.a.w., hari kebangkitan, hari akhirat, alam sejagat, bermulanya ‘manusia, Mi’raj, ijtihad, keyakinan terhadap keesaan Allah dan lain-lain tajuk diperbincangkan dalam ‘Risaailan-Nur’. ‘Risaailan-Nur’ pun tidak terlepas dari kecaman penentang-penentang Ustaz Sa'id Nursi. Ada yang mengatakan karya beliau ini tidak ilmiah. Setengah orang pula menganggap karya beliau kabur dan penuh keraguan. Ada pula yang sanggup menduduh beliau memutar-belitkan Islam melalui karyanya - iaitu ‘Risaailan-Nur’. Kesemua pendapat ini adalah salah. Memang benar beliau bukan seorang saijana sastera; memang benar beliau dibesarkan dan dididik dalam suasana lama yang penuh adat resam; memang benar gaya Sa'id Nursi bercakap dan menulis adalah gaya lama; memang benar penulisannya kerap kali putus-putus dan tidak bersambung; akan tetapi kita patut ingat bahawa kebanyakan penulisan beliau dilakukan dalam suasana tergesa-gesa dan dalam keadaan luar biasa serta penuh cabaran. Penanya tidak dapat mengejar pemikiran dan perasaannya. Walaupun terdapat kekurangan-kekurangan pada penulisan beliau, namun begitu, karya beliau tetap mempunyai banyak isi perbincangan. Terdapat bahagian-bahagian yang begitu jelas, menarik dan mengagumkan sehingga begitu diminati oleh para belia Turki.

Ashraf Adip, dalam satu bukunya yang bertajuk; ‘Risale-i-Nur: Muarizi Isnatlara Hakkında Ilmi Bir Tahlil’, telah memberi satu sinarai tajuk-tajuk yang diperincangkan dalam ‘Risaailan-Nur’. Ia juga menjawab segala tentang terhadap ‘Risaailan-Nur’ dengan terperinci. Ustaz Sa’id Nursi memberi pandangan dengan menggunakan cara lama terhadap semua perkara. Pendapat beliau juga tidak bertentangan dengan Ijma’ Ulama’. Sahabat-sahabat beliau terdiri dari Syeikhul Islam Mustafa Sabri, Syeikhul Islam Musa Kazim dan ulama’ Iraq terkenal, Amjad Zahawi. Ini semua membuktikan bahawa pemikiran Sa’id Nursi tidak mempunyai sebarang penyelewengan. Oleh itu tuduhan bahawa Sa’id Nursi memutar-belitkan Islam tidak timbul. Setengah golongan berfahaman moden menuduh Sa’id Nursi bersikap ta’asub lantaran pandangan beliau yang bercorak lama itu. Kita mesti ingat bahawa sikap ini bukanlah sikap Islam. Ianya adalah sikap komunis dan Barat. Bagi mereka yang biasa dengan istilah ini, bukan saja Sa’id Nursi yang dituduh bersikap ta’asub, bahkan seluruh para ulama. Oleh itu, istilah ta’asub tidak boleh dibuat tali pengukur ‘Risaailan- Nur’. Ashraf Adip juga telah mencatat satu rangkap lengkap dari lapuran Suruhanjaya Rancangan Pendidikan Sekular yang menolak tuduhan taasub terhadap ‘Risaailan-Nur’. Lapuran tersebut berbunyi demikian:

“Apabila kami siasat riwayat hidup Sa’id Nursi, kami dapati beliau mengalu-alukan ‘Meshrutiyet’<sup>\*1</sup> setelah ianya diistiharkan dalam tahun 1908. Beliau samakan ‘Meshrutiyet’ dengan ‘Hurriyet’ (iaitu pembebasan) — iaitu sebahagian dari Iman. Ia juga menulis makallah menentang kekejaman dan kezaliman. Beliau juga mengalu- alukan gerakan pembebasan Turki. Ia juga diminta membaca do’a di majlis peresmian Himpunan Agung Kebangsaan Turki (sidang Parlimen Turki). Kami kemudiannya menyiasat ‘Risaailan-Nur’ kalau- kalau ianya menyemai sikap ta’asub. Kami dapati Ustaz Sa’id Nursi bukan saja mentafsir Al-Quran, bahkan beliau juga membincangkan Sains, teknologi dan kebudayaan. Beliau juga menyatakan pentingnya kemajuan kebendaan daim meningkatkan umat Islam. Dalam meng- horaikan beberapa ayat dan hadith, beliau menyentuh tentang kemajuan teknologi dan kesenian. “(Ashraf Adip: Muarizi Yazarlarin Isnatlara Hakkında Ilmi Bir Tahlil).

Ustaz Sa’id Nursi menentang sikap meniru kebudayaan Barat secara membuta-tuli. Beliau menentang fahaman komunis kerana ianya

menafi adanya Tuhan. Beliau juga menentang gerakan Zionis dan Freemason. Namun begitu, pendapat beliau tentang politik, ekonomi dan kemasyarakatan adalah terhad dan tidak berperinci. Beliau menentang semua bentuk riba kerana ianya dilarang oleh Islam. Sejak akhir-akhir ini terdapat kecenderungan di kalangan penyokong Ustaz Sa'id Nursi untuk menghurai pendapat beliau mengenai politik. Vehbi Vakkasoglu telah menulis sebuah buku setebal 76 mukasurat yang menyentuh pendapat Sa'id Nursi tentang politik. Buku itu bertajuk: 'Sa'id Nursi' dan 'Siyasi Tesbitler'. Safa Mursel pula menulis mengenai pendapat Sa'id Nursi berhubung dengan kenegaraan dan pemerintahan. Buku tersebut setabah 600 mukasurat diberi tajuk "Sa'id Nursi Ve Devlet Felsefesi". Ustaz Sa'id Nursi memang menjelaskan pendapatnya sendiri mengenai masa'alah politik, kemas.yarakatan dan masa'alah dunia. Pada dasarnya, beliau bukanlah seorang ahli fikir politik dan ahli fikir kemasyarakatan. Beliau tidak membincangkan sudut-sudut politik secara terperinci dan teratur seperti yang dilakukan oleh Sayyid Abul A'la Al-Maududi atau Syed Qutb. Beliau tidak bertujuan mem\* bawa revolusi politik Islam atau revolusi kemasyarakatan dengan terlibat secara langsung atau bersungguh-sungguh dalam gelanggang politik. Tindakan begini tidak mungkin boleh dilaksanakan di negara Turki yang berlandaskan sekularisma itu. Oleh itu, penumpuan usahanya i jah ke arah memperkuatkan iman raayat Turki yang sedang menghadapi ancaman hebat di suku kedua abad dua puluh ini. Di sinilah terletak kehebatan Ustaz Sa'id Nursi yang sebenar. Beliau menghadapi ancaman tersebut dengan ketabahan yang sungguh hebat sekali. Beliau berjuang berterusan selama tiga puluh lima tahun dengan menghadapi kesukaran dan penderitaan yang besar. Akhirnya beliau berhasil walaupun beliau sendiri sudah kehabisan tenaga. Adalah keterlaluan kalau kita anggap hanya perjuangan Sa'id Nursi saja yang membawa kebangkitan semula Islam di Turki. Sebenarnya ada lagi sebab-sebab lain yang menyumbang kearah itu. Ada lagi tokoh-tokoh lain yang turut terlibat dalam usaha 'tersebut secara berkesan. Ali Fuad Bashgil, Ashraf Adip, Nuruddin Topchu, Najib Kisakurek dan lain-lain penulis lagi, juga turut terlibat dalam usaha tersebut. Kitajuga tidak patut melupai tokoh-tokoh politik seperti Adnan Menderes dan Fuad Kaprulu kerana peranan mereka menarnatkan pemerintahan satu parti, mengujudkan demokrasi dan memberi kelonggaran pada kegiatan-kegiatan agama. Namun begitu kita harus ingat akan kelebihan Ustaz Sa'id Nursi dalam hal ini. Beliau saja yang berani menyatakan penentangannya di saat-saat paling genting sekali bagi Islam di Turki.

Beliaulah juga yang terus menyirami raayat umum dengan ajaran Islam sebenar melalui ‘Risaailan-Numya’.

Ada orang menganggap Ustaz Sa’id Nursi seorang waii. Beberapa peristiwa ganjil dikaitkan dengan diri beliau. Pernah satu ketika, anggota polis enggan membuka gari di tangan beliau apabila beliau hendak menuaikan sembahyang. Beliau sendiri membuka gari tersebut seumpama meleraikan satu simpul sapu tangan. Dalam satu kejadian lain pula, ada orang melihat behau di pasar Eskeshehir sedangkan behau sebenarnya berada di penjara ketika itu. Dalam satu lagi peristiwa, ada orang melihat beliau kerap menuaikan sembahyang subuh di Masjid Denizli sedangkan beliau berada di penjara waktu itu<sup>\*5</sup> <sup>5</sup>. Peristiwa-peristiwa ini mungkin benar. Tanpa peristiwa- peristiwa tadi pun kemungkinan beliau adalah seorang wali memang besar. Kesimpulan ini berdasarkan peribadi dan sumbangan beliau yang sangat besar itu.

Najmuddin Shahiner, dalam bukunya yang bertajuk ‘Aydinlar Konusuyor’, telah berwawancara dengan lapan puluh orang cendi- kiawan Turki mengenai Ustaz Sa’id Nursi. Kebanyakan mereka memberi penghargaan pada beliau. Di antara cendikiawan-cendikiawan tersebut termasuklah Ismail Hakki Konyali (seorang ahli sejarah yang menulis sebanyak 100 buah buku), Jamal Kutay (pengarang pada 104 buah buku), Jamil Marich (seorang pengarang dan ahli fikir terkenal), Dr. Servet Armagan (seorang professor undang-undang perlumbagaan di Universiti Istanbul dan juga pengarang serta penteijemah pada 40 buah buku), Yilmaz Oztuna (pengarang ‘Sejarah Kebudayaan dan PoHtik Turki’ yang berjumlah 12 jilid itu), Tarik Bugra (seorang pengarang cerita dongeng yang terkenal), Yavuz Bahadiroglu (seorang wartawan dan pengarang novel muda yang terkenal), Ibrahim Almalı (seorang bekas Pengerusi, Jabatan Hal Ehwal Agama Turki dan ahli Dewan Senat Turki. Ia juga seorang ahli Parti Milli Salamat). Termasuk juga dalam sinarai ini ialah Ali Fuad Bashgil, (seorang peguam terkenal yang menentang penindasan terhadap ‘Risaailan-Nur’).

## 8

### SELEPAS SA'ID NURSI

Selepas Sa'id Nursi meninggal dunia maka tugas menyibarkan ajaran beliau jatuh keatas bahu murid-muridnya yang dikenali dengan nama Thalaba an-Nur atau Nur Shagirdlari (Penuntut-penuntutCahaya). Nurculuk (Nurisma) adalah istilah yang digunakan oleh musuh-musuh Sa'id Nursi apabila mereka membincangkan pendapat-pendapat beliau. Istilah ini adalah satu istilah yang mengelirukan. Ianya digunakan untuk menunjukkan pada dunia bahawa pendapat-pendapat beliau adalah sarn tarsiran isiam yang baru — atau lebih tepat lagi, mereka mahu tuduh beliau bersikap melampau. Sebenarnya, pendapat Sa'id Nursi adalah tafsiran Islam cara yang lama yang biasa digunakan oleh orang-orang terdahulu. Tidak ada ciri melampau langsung di dalamnya. Seseorang yang ingin melaksanakan Islam tidak boleh dituduh ber- tindak melampau. Pihak yang melampau ialah pihak yang memaksa raayat menerima pendapat dan pendirian mereka. Gelaran ini lebih sesuai diberi pada pihak komunis yang menggunakan kuasa untuk memaksa raayat menerima fahaman mereka. Gelaran ini juga sesuai diberi pada Parti Repabiikan Raayat yang bemsaha sedaya upaya untuk memaksa raayat Anatolia yang beriman itu menerima dasar- dasar serta pendirian mereka. Patutkah pihak Parti Repablikan Raayat dan pihak Komunis yang bersikap melampau itu dipanggil ‘berkemajuan’ sedangkan pihak yang berusaha agar ugama Islam diamalkan di kalangan penganut-penganutNya dianggap melampau?

Thalaba an-Nur, yang ditegakkan di bawah kelolaan Ustaz Sa'id Nursi, bukanlah orang-orang yang melampau. Mereka adalah penuntut-penuntut yang ingin melihat Islam tertegak di Turki. Berdasarkan inilah mereka meneruskan kegiatan yang telah dimulakan oleh Ustaz Sa'id Nursi. Thalaba an-Nur tidak bergiat di bawali mana-mana pertubuhan tertentu. Meikca bekeijasama antara satu sama lain secara tak resmi. Mereka mengadakan khemah-khemah kerja dan ibadat di berbagai tempat di Turki. Di dalam khemah-khemah keija ini,

perbincangan agama dijalankan berserta pembacaan Al-Quran dan ‘Risailan-Nur’. Mereka juga mengajar ilmu Islam yang asas pada orang ramai dan menggalakkan mereka mengamalkannya. Dalam hal ini, cara mereka bertindak mempunyai persamaan dengan Jamaah Tabligh India. Mereka menjauhkan diri dari terlibat dalam politik sepetimana yang dilakukan oleh Jamaah Tabligh. Anggota mereka memberi sokongan pada parti-parti politik berlainan. Kebanyakan mereka menyokong Parti Keadilan (Justice Party). Mereka ini menentang gerakan Komunis dan Freemason. Mereka menyokong sekularisma tetapi taarif sekularisma mereka berlainan dari yang difahamkan oleh Parti Repablikan Raayat. Mereka ingin menjauhkan agama dari dikongkong oleh pemerintah. Di samping itu pula, mereka tidak menggunakan Islam sebagai alat dalam politik. Dalam hal ini, pendirian mereka kurang jelas. Mereka menganggap Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap, yang merangkumi soal-soal politik, kemasyarakatan dan ekonomi. Adalah ganjil sekali kerana mereka menentang Parti Milli Salamat yang ingin membawa perubahan ke arah Islam walaupun mereka mempunyai kefahaman Islam yang sedemikian. Mereka menuduh pemimpin-pemimpin Parti Milli Salamat cuba memperalatkan agama untuk tujuan politik.

Di Turki, akhbar harian ‘Yeni Asya’ (Asia Baru) di Istanbul, menjadi lidah resmi dan pusat tumpuan anggota-anggota ‘Thalaba an-Nur’ yang menyokong Parti Keadilan. Akhbar ini diasaskan oleh seorang wartawan yang bermula Mustafa Polad (1941 - 1970) pada 21hb. Februari, 1970. Pengedaran harian ‘Yeni Asya’ hanyalah 15,000 naskhah, akan tetapi ia mempunyai bahagian penerbitan yang sangat pesat menjalankan kegiatan. Setakat ini, dua ratus buah buku telah diterbitkan oleh bahagian ini. Buku-buku ini menyentuh berbagai bidang termasuklah agama, politik, kemasyarakatan, sejarah, riwayat hidup (biografi), cerita dongeng, sains dan cerita kanak-kanak. Beberapa buku yang diterbitkan adalah himpunan makallah-makallah bersiri yang disiarkan oleh akhbar ‘Yeni Asya’. Cogankata Yeni Asya Yayinlari (yaani Penerbitan Yeni Asya) ialah ‘Tujuan kami ialah untuk menjadikan seluruh negara ini sebuah sekolah’. Mustafa Polad telah terbunuuh dalam satu kemalangan jalanraya pada musim panas tahun 1970. Yeni Asya mengadakan pertandingan karangan tahunan sebagai mengenangkan jasa pengasasnya, iaitu Mustafa Polad. Hadiah-hadiah diberi pada para pemenang dan karangan terbaik diterbitkan dalam bentuk buku. ‘Milli Egitim’ (Pelajaran Kebangsaan) dan ‘Turkiye de

Irkcilik<sup>5</sup> (Fahaman Kebangsaan dan Perkauman di Turki) adalah di antara karya-karya terbaik yang memenangi hadiah. Kedua-duanya diterbitkan dalam bentuk buku. Milli Egitim diterbitkan dalam tahun 1979. Kesemua buku termasuk cerita dongeng disusun dan ditulis dari kacamata Islam. Buku-buku ini sangat terkenal dan laris sehingga banyak antaranya di ulang cetak beberapa kali.

Sebuah buku oleh Hakimoglu Ismail yang bertajuk ‘Minyeli Abdullah’ adalah di antara novel-novel Turki yang paling terkenal. Ianya mula diterbitkan dalam tahun 1968. Dalam masa sembilan tahun, ianya telah dicetak sebanyak enam belas kali. Novel ini mengisahkan kehidupan seorang Muslim yang cuba membawa perubahan-perubahan kearah Islam.

Penerbitan Yeni Asya memberi perhatian utama pada Ustaz Sa’id Nursi dan pendapat-pendapatnya. Setakat ini, lapan buah buku yang menyentuh Sa’id Nursi **telah** diterbitkannya. Buku-buku tersebut ialah:

1. Bilinmeyen Taraflariyle Badiuzzaman Sa’id Nursi; tebal: 494 mukasurat — oleh Najmuddin Shahiner.
2. Badiuzzaman Sa’id Nursi ve Devlet Felsefesi; tebal : 600 muka- surat - oleh Safa Mursel.
3. Sa’id Nursi ve Nurculuk Hakkında aydınlar Konusuyor; tebal: 415 mukasurat — oleh Najmuddin Shahiner.
4. Son sahitler Badiuzzaman Sa’id Nursiyi anlatıyor; tebal: 462 mukasurat — oleh Najmuddin Shahiner.
5. Nurs Yolu; tebal: 159 mukasurat - Najmuddin Shahiner.
6. Badiuzzaman Sa’id Nursi den siyasi tesbitler; tebal: 76 mukasurat . oleh A. Vehbi Yakkasoqlu.
7. Soz Badiuzzaman Sa’id Nursinn in, anarsi sebep ve careleri; tebal: 372 mukasurat — oleh Mustafa Sungur.
8. Turkiyede Nurculuk Davası — oleh Bekir Berk.

Selepas rampasan kuasa tentera dalam tahun 1960, Thalaba an-Nur terpaksa menderita sebentar. Pihak berkuasa telah melancarkan



usaha untuk memburuk-burukkan nama Ustaz Badiuzzaman SaMd Nursi. Arahan telah dikeluarkan supaya ‘Risaailan-Nur’ disiasat semula dan kegiatan Thalaba an-Nur diselidiki. Satu kenyataan palsu yang bertajuk ‘Tuhfat-ur-reddiya Ala Mazhabi Sa’id al-Kurdiyi’ telah di- terbitkan. Kenyataan itu kononnya telah ditulis oleh Syeikhul Islam Mustafa Sabri yang telah berhijrah ke Mesir pada tahun 1923. Dikata- kan kononnya Mustafa Sabri ingin kenyataan tersebut diterbitkan selepas ia mati. Satu pendahuluan kata yang kononnya ditulis oleh Syeikh Amjad Zahawi (1882 — 1967) telah disertakan bersama ken- yataan tersebut. Yang anihnya ialah Mustafa Sabri mati dalam tahun 1952 sedangkan buku-buku Sa’id Nursi yang kononnya dikecam oleh behau di dalam kenyataan tersebut diterbitkan di antara tahun 1957 dan tahun 1959 (yaani selepas ia mati). Syeikh Amjad Zahawi, dalam satu surat pada Ashraf Adip, bertarikh September, 1964, telah menafi- kan bahawa beliau menulis pendahuluan kata di dalam kenyataan palsu tersebut. Buat pengetahuan kita, Mustafa Sabri dan Amjad Zahawi adalah orang-orang yang menyanjungi Ustaz Sa’id Nursi. Amjad Zahawi pemah menghantar ucapan tahniah kepada Ustaz Sa’id Nursi apabila beliau dibebaskan dari tuduhan oleh Mahkamah Istanbul dalam tahun 1952. Satu lagi kenyataan memburuk-burukkan usaha Ustaz Sa’id Nursi telah diterbitkan dalam tahun 1963 dibawah tajuk ‘Nurculuk Hakkinda’. Ashraf Adip berkata bahawa kenyataan tersebut sebenarnya ditulis oleh Jen^ral Evrin, iaitu seorang penglima tentera yang memusuhi agama. Jeneral Evrin, dengan cara yang halus sekali, telah menerbitkan kenyataan tersebut atas nama Jabatan Hal Ehwal Agama Turki;

Anasir-anasir penentang agama masih giat dalam usaha mereka menggugat Ustaz Sa’id Nursi. Bila berpeluang saja, mereka terus mengganggu ‘Risaailan-Nur. dan Thalaba an-Nur. Pada umumnya, thalaba an-Nur sedang bergiat dalam keadaan yang jauh lebih baik dari zaman Ustaz Sa’id Nursi.

Kini, Thalaba an-Nur dan karya ‘Risaailan-Nur’ telah menye- berangi sempadan negara Turki. Jerman Barat mempunyai sejumlah enam ratus ribu pekerja yang berbangsa Turki. Di sini, Thalaba an-Nur telah menubuhkan satu pusat kegiatan mereka. Di Jerman Barat, ada tiga puluh buah sekolah agama yang memasukkan ‘Risaailan-Nur’ sebagai salah satu matapelajaran mereka. Thalaba an-Nur juga bergiat di Amerika Syarikat. Di sini, mereka telah menubuhkan ‘Pusat

Risaailan Nur Amerika' (Ri\$ale-i Nur Institute of America) di Berkeley dan di E1 Cerrito, California. Pusat ini telah menerbitkan majallah bulanan 'An-Nur' sejak tahun 1974 lagi. Di samping itu Pusat ini juga berusaha menteijemahkan penulisan-penulisan Sa'id Nursi ke bahasa Inggeris. Setakat ini, Pusat tersebut telah menterjemah dan menerbitkan karya-karya Sa'id Nursi yang berikut:

1. Belief or Unbelief (Iman dan Kekufuran).
2. Nature: cause or effect (Kejadian alam ini: satu natijah atau satu kesan).
3. Fruits from the tree of light (Buah-buah dari pohon cahaya).
4. The miracles of Muhammad (Mu'jizat Nabi Muhammad s.a.w.).
5. Nationalism in the view of Islam (Pandangan Islam terhadap fahaman kebangsaan).
6. Sincerity and Brotherhood (Keikhlasan dan Persaudaraan).
7. Biography of Badiuzzaman (Riwayat hidup Badiuzzaman Sa'id Nursi).

Di Pakistan, Sa'id Nursi mendapat penghargaan yang besar. Bekas Setiausaha Almarhum Maulana Maududi (1903 — 1979), iaitu Khalil Hamidi, telah menulis tentang kegiatan-kegiatan Thalaba an-Nur di dalam bukunya bertajuk 'Turkey - old and new' (Turki - lama dan baru). Khalil Hamidi juga menteijemah satu makallah mengenai Badiuzzaman Sa'id Nursi yang ditulis oleh Sa'id Ramadhan dan makallah ini diterbitkan dalam majallah Tarjumanul Quran, di Lahore padabulan Januari, 1963.

Maryam Jameelah<sup>\*1</sup> juga telah menulis sebuah buku kecil bahasa Inggeris mengenai Sa'id Nursi yang diberi tajuk 'A great Islamic movement in Turkey' (Satu gerakan Islam yang besar di Turki). Sarwat Saulat, iaitu seorang pengarang Pakistan, telah menulis sebuah buku bahasa Urdu ipengenai Ustaz Sa'id Nursi setebal 288 mukasurat. Mungjin buku Sarwat Saulat ini merupakan karangan yang paling panjang mengenai Ustaz Sa'id Nursi yang ditulis dalam bahasa yang

<sup>\*1</sup> Maryam Jameelah adalah salah seorang penulis wanita Islam yang terkenal dengan sikapnya menentang Tamaddun Barat.

lain dari bahasa Turki. Sarwat Saulat menguasai bahasa Turki dan beliau telah menggunakan segala bahan-bahan rujukan asal yang berbahasa Turki yang beliau dapati.

## 9

# **KATA-KATA HIKMAT DAN HASIL KARYA SA'ID NURSI**

Penerbitan Yeni Asya telah mencetak kad-kad ucapan menarik yang mempunyai pemandangan-pemandangan cantik atau gambar-gambar tempat bersejarah di Turki. Di sudut kad-kad ini ditulis kata-kata hikmat dari Ustaz Sa'id Nursi. Kata-kata hikmat tersebut menggambarkan pendapat-pendapat Sa'id Nursi sendiri. Berikut ialah sebahagian dari kata-kata hikmat tersebut:

1. Andainya kita tidak mengerjakan apa-apa pun yang boleh menyelamatkan diri kita di akhirat kelak, maka kita patut faham bahawa segala benda yang kita tinggalkan di dunia yang sememangnya tidak akan bernilai pun pada kita.
2. Jika kita berjaya menemui Allah, maka segala-segalanya akan menjadi milik kita.
3. Jika kita hendak mengalahkan musuh kita, lawanlah kejahatan musuh kita itu dengan kebaikan dan kebajikan.
4. Di dalam dunia yang merupakan tempat ujian ini, kita tidak dicipta tanpa mempunyai tujuan tertentu.
5. Perbuatan mengumpat membinasakan amalan kebajikan sebagaimana api membakar kayu.
6. Allah mengasahi sesiapa yang mengasahi orang lain. Oleh itu, kasehilah orang 'agar kita layak mendapat kasih Allah.'
7. Dalam sembahyanglah terdapat ketenangan hati dan aqal fikiran. Sembahyang juga bukanlah satu bebanan pada jasad kita. Satu jam sudah cukup untuk melaksanakan kelima-lima waktu tersebut.
8. Kami adalah penegak-penegak kasih sayang. Kami tidak ada

- masa untuk permusuhan.
- 9. Ujudnya hari akhirat adalah benar sebagaimana benamya ke- wujudan dunia yang sementara inL
  - 10. Kesenangan duniawi adalah seumpama benda-benda beracun. Seseorang akan menanggung derita mengikut banyaknya kesenangan duniawi yang ia perolehi.
  - 11. Islam adalah seumpama matahari. Ianya tidak akan padam. Islam juga seumpama siang hari yang tidak boleh jadi malam dengan hanya menutup mata kita saja. Sesiapa yang menutup matanya akan mendatangkan malam bagi dirinya saja.
  - 12. Bersedialah! Kita akan menuju satu dunia lain yang kekal abadi.
  - 13. Kasih sayang, persaudaraan dan timbang-rasa adalah ciri-ciri dari Islam.
  - 14. Ampunlah orang lain walaupun berkali-kali tetapi janganlah mengampun diri kita sendiri.
  - 15. Seorang belia yang paling wara' (bertaqwa) ialah seorang belia yang berfikir tentang mati seperti seorang tua. Ia beijuang untuk kebahagiaan akhirat. Ia tidak menjadi hamba pada nafsu mudanya dan ia juga tidak tenggelam dalam kelalaian.
  - 16. Sesiapa yang melihat semua perkara dengan kaca mata kebendaan maka ia tekah meletakkan aqalnya di matanya. Akan tetapi, ingatlah bahawa mata ini buta terhadap perkara-perkara yang berunsur ruhaniah.
  - 17. Bemasib baiklah sesiapa yang tidak lalai terhadap akhiratnya lantaran asyek dengan dunianya. Oleh itu, janganlah mengor- bankan kepentingan akhirat kerana memenuhi kepentingan dunia.
  - 18. Seseorang yang mengambil dunia yang sementara ini sebagai matlamat utamanya, akan mendapat dirinya seolah-olah berada dalam syurga. Akan tetapi, sebenarnya ia sedang berada dalam neraka. Seseorang yang mengutamakan kehidupan di akhirat akan mendapat kebahagiaan di dunia dan juga akhirat.
  - 19. Jika hendak membawa perubahan pada seseorang, perlulah kita merubah diri kita dulu.

20. Ketahuilah bahawa kejahanan datang dari kita dan kebaikan datang dari Allah.
21. Sesungguhnya! Kita telah menipu diri kita sendiri. Kita fikir kehidupan duniawi ini akan kekal abadi dan lantaran itu, kita pun merosakkan diri kita sendiri. Kehidupan duniawi ini merupakan satu hiasan yang akan berlalu seumpama mimpi. Kini, kehidupan yang tidak bertunjang ini akan berakhir dengan tiba-tiba.
22. Kejahanan, keperluan dan perselisihan adalah musuh kita. Kita melawan kejahanan dengan ilmu. Kita melawan keperluan dengan kemahiran dan kerajinan. Kita melawan perselisihan dengan perpaduan.
23. Sesiapa yang mempunyai pandangan yang cantik akan berfikir perkara yang cantik. Sesiapa yang berdkir perkara yang cantik mendapat keni'amatan hidup.
24. Kehidupan kita ini umpama matahari dunia. Ia akan tenggelam apabila dunia ini berakhir. Ia akan naik kembali di suatu pagi yang dipanggil hari akhirat.

### **Risaailan-Nur dan lain-lain karya Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi.**

Berikut ialah sinarai penulisan-penulisan Ustaz Sa'id Nursi yang telah diterbitkan. Karya-karyanya yang kecil disatukan sekali kedalam karyanya yang lebih besar. Tahun-tahun yang ditunjukkan ialah tarikh penerbitan pertama atau kedua. Sa'id Nursi juga menulis dalam akhbar- akhbar dan majallah-majallah seperti Sebilurreshad, Tanin, Volkan dan lain-lain lagi ketika Meshrutiyyet Pertama (1908 - 1918). Kebanyakan penulisan-penulisa/i ini sehingga sekarang belum lagi disusun dan diterbitkan dalam berituk buku.

1. Muhakemat Ebuzzia Matbaasi; jumlah mukasurat 2.74 : diterbitkan di Istanbul pada tahun 1327 Hijrah (1911 masehi). Ia adalah satu pembukaan pada tafsir Al-Quran.
2. Hutbe-i-Samiye (1911 — 1922); dalam bahasa Arab. Kemudian ditejemahkan ke bahasa Turki

3. Isharatul Ijaz; dalam bahasa Arab; tahun 1918; kemudian ditejemahkan ke bahasa Turki.
4. Hutuvat-i-Sitte (1919).
5. Rumuz; tahun 1923 (cetakan pertama dalam tahun 1919).
6. Isarat; 1923 (cetakan pertama habis dalam tahun 1919)
7. Talikat (ilmu logik); dalam tahun 1919; dalam bahasa Arab.
8. Munazarat (habis dalam tahun 1919).
9. Iki Musibetin Sehadetnamesi (1919).
10. Sunuhat (1922); cetakan kedua.
11. Nokta (1921); cetakan kedua.
12. Kizil 1'cas (1923); cetakan kedua.
13. Tuluat (1923); cetakan kedua.
14. Lemaat (1923); cetakan kedua (buku ini mengenai anak bulan {(amadhan dan anak bulan Syawal}).
15. Suaat (1923); cetakan kedua (mengenai sirah Nabi Muhammad s.a.w.).
16. Hakikat Cekirdekleri (jilid 1 dalam tahun 1920; jilid 2 dalam tahun 1923).
17. Zayluz-Zail (1922); dalam bahasa Arab.
18. Hubbab (1923).
19. Zaylul Habab.
20. Sozler; jumlah mukasurat 720; diterbitkan di Ankara dalam tahun 1957.
21. LenTalar; jumlah mukasurat 430; diterbitkan di Lemat pada tahun 1958.
22. Maktubat; jumlah mukasurat 500; diterbitkan di Ankara pada tahun 1958.
23. Kucuk Sozler; jumlah mukasurat 72; diterbitkan di Istanbul - 113 -

20. Ketahuilah bahawa kejahanan datang dari kita dan kebaikan datang dari Allah.
21. Sesungguhnya! Kita telah menipu diri kita sendiri. Kita fikir kehidupan dunia ini akan kekal abadi dan lantaran itu, kita pun merosakkan diri kita sendiri. Kehidupan dunia ini merupakan satu hiasan yang akan berlalu seumpama mimpi. Kini, kehidupan yang tidak bertunjang ini akan berakhir dengan tiba-tiba.
22. Kejahilan, keperluan dan perselisihan adalah musuh kita. Kita melawan kejahilan dengan ilmu. Kita melawan keperluan dengan kemahiran dan kerajinan. Kita melawan perselisihan dengan perpaduan.
23. Sesiapa yang mempunyai pandangan yang cantik akan berfikir perkara yang cantik. Sesiapa yang berfikir perkara yang cantik mendapat keni'amatan hidup.
24. Kehidupan kita ini umpama matahari dunia. Ia akan tenggelam apabila dunia ini berakhir. Ia akan naik kembali di suatu pagi yang dipanggil hari akhirat.

### **‘Risaailan-Nur’ dan lain-lain karya Ustaz Badiuzzaman Sa’id Nursi.**

Berikut ialah sinarai penulisan-penulisan Ustaz Sa’id Nursi yang telah diterbitkan. Karya-karyanya yang kecil disatukan sekali kedalam karyanya yang lebih besar. Tahun-tahun yang ditunjukkan ialah tarikh penerbitan pertama atau kedua. Sa’id Nursi juga menulis dalam akhbar- akhbar dan majallah-majallah seperti Sebilurreshad, Tanin, Volkan dan lain-lain lagi ketika Meshrutiyet Pertama (1908 - 1918). Kebanyakan penulisan-penulisa/i ini sehingga sekarang belum lagi disusun dan diterbitkan dalam bentuk buku.

1. Muhamkamat Ebuzzia Matbaasi; jumlah mukasurat 2.74 : diterbitkan di Istanbul pada tahun 1327 Hijrah (1911 masehi). Ia adalah satu pembukaan pada tafsir Al-Quran.
2. Hutbe-i-Samiye (1911 - 1922); dalam bahasa Arab. Kemudian diterjemahkan ke bahasa Turki.

3. Isharatul I.jaz; dalam bahasa Aiab; tahun 1918; kemudian ditejemahkan ke bahasa Turki.
4. Hutuvat-i-Sitte (1919).
5. Rumuz; tahun 1923 (cetakan pertama dalam tahun 1919).
6. Isarat; 1923 (cetakan pertama habis dalam tahun 1919)
7. Talikat (ilmu logik); dalam tahun 1919; dalam bahasa Arab.
8. Munazarat (habis dalam tahun 1919).
9. Iki Musibetin Sehadetnamesi (1919).
10. Sunuhat (1922); cetakan kedua.
11. Nokta (1921); cetakan kedua.
12. Kizil I'cas (1923); cetakan kedua.
13. Tuluat (1923); cetakan kedua.
14. Lemaat (1923); cetakan kedua (buku ini mengenai anak bulan Ramadhan dan anak bulan Syawal).
15. Suaat (1923); cetakan kedua (mengenai sirah Nabi Muhammad s.a.w.).
16. Hakikat Cekirdekleri (<sup>j.i.id</sup> 1 dalam tahun 1920; jilid 2 dalam tahun 1923).
17. Zayluz-Zail (1922); dalam bahasa Arab.
18. Hubbab (1923).
19. Zaylul Habab.
20. Sozler; jumlah mukasurat 720; diterbitkan di Ankara dalam tahun 1957.
21. Lem'alar; jumlah mukasurat 430; diterbitkan di Lemat pada tahun 1958.
22. Maktubat; jumlah mukasurat 500; diterbitkan di Ankara pada tahun 1958.
23. Kucuk Sozler; jumlah mukasurat 72; diterbitkan di Istanbul - 113 -

pada tahun 1958,

24. Ihlas Risaleleri; jumlah mukasurat 48; diterbitkan di Ankara pada tahun 1957.
25. Ehvan Harbi orfi ve Sa'id Nursi; jumlah mukasurat 63; diterbitkan di Sammon pada tahun 1963. (Ini adalah kenyataan memper- tahankan diri Ustaz Sa'id Nursi di Mahkamah Tentera dalam tahun 1909).
26. Uhuwet, Iktisad, Ramzan Ve Sukur Resaleleri; jumlah mukasurat 72; tarikh diterbitkan ialah 1957.
27. Suallar; jumlah mukasurat 495. Diterbitkan di Istanbul pada tahun 1959.
28. Ankara Universities inde Risalei Nur Hakkinda verilen bin Konferans.
29. Genclik Rehberi.
30. Hanimlar Rehbari.
31. Lahikalar.
32. Hakikat Nurlari.
33. Zuhrat-un-nur.
34. Asa-ye-Musa.
35. Fihrist.
36. Zulflkar.
37. Tilismiler.
38. Mesnevi-i-Nurye; jumlah mukasurat 224,..

## **NOTA:**

1. **Softa** adalah satu istilah Turki yang ditujukan pada ulama yang berfikiran sempit.
2. Waktu pemerintahan Bani Uthmaniah, wilayah dipanggil vilayet, daerah dipanggil Kaza dan mukim dipanggil Nahiya. Kini, daerah digelar Ilche dan mukim digelar Bujak.
3. Isparit ini bukanlah sama dengan nama Isparta, iaitu sebuah wilayah di Barat Turki atau sama dengan Isparta di negara Greek (Yunani).
4. Ada beberapa pendapat mengenai tarikh lahir Ustaz Badiuzzaman Sa'id Nursi. Dalam setengah buku, tarikh lahinya dicatit pada 1293 Hijrah (1876 Masehi). Pada umumnya, tarikh yang diterima ialah 1290 Hijrah (1873 Masehi) dan tarikh inilah yang dicatitkan dalam buku "Bilinmeyen Taraflarıyle Badiuzzaman Sa'id Nursi."
5. Durriyah Hanim adalah kakak tertua Ustaz Sa'id Nursi. Durriyah mati lemas dalam Sungai Nurs. Durriyah mempunyai seorang anak lelaki bermama Usaid. Usaid terbunuuh ketika menentang Russia dalam Perang Dunia Pertama.
6. Alimah Hanim adalah anak keempat dalam keluarga Nursi. Beliau adalah seorang wanita alim. Beliau turut berpindah ke Syria bersama-sama suaminya dalam tahun 1919. Di sana, ia bertugas sebagai guru selama lima belas tahun. Beliau menunaikan ibadat Haji sebanyak tujuh kali. Beliau meninggal dunia dalam tahun 1944 ketika sedang menunaikan ibadat Haji.
7. Abdul Majid Nursi (1884 - 1967) adalah paling terkenal di antara adek-beradek keluarga Nursi selepas Ustaz Sa'id Nursi. Ia menjadi guru bahasa Arab di sekolah Tentera Diyarbakir. Selepas itu, beliau menjadi Mufti di Urgup untuk beberapa tahun. Beliau menghabiskan tahun-tahun akhirnya sebagai guru undang-undang Islam di Sekolah Imam Khatib Konya dan juga guru di Pusat Pengajian Tinggi Islam di Konya. Beliau menterjemahkan karya-karya Sa'id Nursi yang bertajuk 'Mesnewi-ye-

*Nuriye*' dan *isharatul Ijaz*' yang berbahasa Arab ke bahasa Turki. Ia juga menjadi pengarang pada beberapa buah buku - termasukiah sebuah buku yang bertajuk 'Do Mazhab' ('Dua Mazhab'). Buku ini membicara- kan undang-undang mazhab Hanafi dan Shafi'e.

8. Abdul Rashid Ibrahim (1853 - 1944) adalah seorang pengembara Turki. Tulisan-tulisannya main peranan penting menyedarkan orang-orang Islam Russia keturunan Turki. Ibubapanya berasal dari Khokand (Ferghana), tetapi beliau dilahirkan di Siberia dalam tahun 1853. Beliau mendapat pendidikan di Mekah dan Madinah. Pada penghujung abad sembilan belas, beliau mempunyai hubungan rapat dengan Namik Kamal, Ahmad Wafik Pasha dan pemuka-pemuka Turki yang lain. Ia kembali ke negaranya dan menegakkan sekolah-sekolah dengan berpandukan sekolah-sekolah moden di Istanbul. Dalam tahun 1905, kerajaan Zar Russia menghalaunya dan Musa Jarullah dari negara Russia. Ia terpaksa berlindung diri di negara Jepun. Di Jepun, ia menubuhkan sebuah persatuan bernama 'Great Asia' (Asia Agung) dan menjalankan usaha dakwah Islamiah di negara tersebut dan juga negara China. Ketika mengembara di Negara China, ia dapat orang-orang Islam negara itu sangat memerlukan pendidikan agama Islam. Berhubung dengan perkara ini, ia pun datang ke Istanbul dan meminta bantuan Sultan Abdul Hamid Kedua. Ia memohon agar Sultan Abdul Hamid Kedua menghantar ulama ke negara China. Abdur Rashid adalah seorang yang mempejuangkan perpaduan Islam sejagat. Ia mengembara di banyak negara Eropah; di seluruh negara Russia, China dan Jepun. Beliau adalah pengarang buku yang bertajuk 'Alami Islam' (Dunia Islam). Buku ini terdiri dari dua jilid dan diterbitkan di Istanbul. Abdur Rashid akhirnya menetap di Jepun sebelum pecah Perang Dunia Kedua dan meninggal dunia di situ dalam tahun 1944. Beliau juga menulis banyak makallah dalam berbagai majallah di Russia dan Turki - termasuklah dalam majallah 'Baseerat'.
9. Dr. Riza Nur (1879 - 1942) adalah seorang ahli sejarah dan pemimpin politik Turki terkemuka — lebih-lebih lagi waktu 'Meshrutiyet' Kedua (1908 - 1918). Pada mulanya ia adalah ahli parti 'Anjuman Ittihadi wa Taraqqi', akan tetapi, selepas tahun 1908, ia menjadi musuh ketat parti tersebut. Penglibatannya dalam peristiwa 31hb. Mac, 1908, telah memaksa beliau mlarikan diri ke Mesir. Setelah kerajaan Turki tidak lagi bermusuhan dengannya, barulah ia kembali semula ke Turki. Dalam tahun 1911, ia memasuki Parti Hurriyet dan Itilaf. Ia pemah dibuang dan di- penjarakan beberapa kali lantaran kegiatan politiknya. Ia menjadi ahli parlimen kerajaan Turki Uthmaniah dan juga anggota Perhimpunan Agung Kebangsaan Turki (setelah jatuhnya kerajaan Turki Uthmaniah). Ia menjadi Menteri Pelajaran kerajaan Repablik Turki yang pertama. Beliau juga turut terlibat dalam Sidang Damai Lausanne sebagai salah seorang anggota perwakilan Turki. Selepas 'Pejianjian Lausanne' (1924), beliau pun bersara dari politik dan menmujuikan

dan kesusasteraan. Ia meninggalkan Turki pada tahun 1926 dan tinggal di Paris dari tahun 1926 sehingga tahun 1933. Selepas itu ia tinggal di Kaherah (1933 — 1938) pula. Beliau kembali ke Turki selepas Mustafa Kamal meninggal dunia. Ia mati di Istanbul pada tahun 1942. Dr. Riza Nur mengarang sebanyak lima puluh buah buku. Karya-karyanya yang terpenting ialah ‘Turkiye Tarihi’ (Sejarah Turki) yang berjumlah empat belas jilid dan ‘Hayat ve Hateratim’ (Hidup dan kenangan ku) yang berjumlah empat jilid. Dr. Riza Nur bukaniali orang yang berpegang kuat pada agama, akan tetapi, ia adalah penentang kuat sebarang beiatuk ke-kejaman dan kezaliman. Di samping itu, ia juga adalah raayat Turki yang sangat cintakan tanah aimya. Dalam buku ‘Hayat ve Hateratim’, beliau mengacam pembaharuan-pembaharuan yang dibuat oleh Mustafa Kamal dan Ismet Inonu.

10. Muhammad Murad (1853 - 1917) dilahirkan di Tiflis (Armenia yang dijajah Russia). Ia juga dikenali sebagai Dagestanli Murad atau Mizanchi Murad kerana bersempena nama akhbamya - iaitu ‘Mizan’. Pada mulanya, ia adalah ahli parti ‘Anjuman Ittihadi wa Taraqqi’ yang giat. Selepas revolusi 1908, ia masuk Parti Ahrar. Ia telah dibuang ke Rhodes dan akhbarnya, ‘Mizan’ telah ditutup lantaran penglibatannya dalam peristiwa 31hb. Mac, 1908. Ia juga adalah pengarang ‘Tarihi Umumi’ (Sejarah Umum) yang beijumlah enam jilid. Di samping itu, ia juga menjadi pengarang pada ‘Tarih Abul Faruq’ — iaitu sebuah buku yang beijumlah tujuh jilid. Ia dihargai kerana pendapat-pendapatnya yang tersendiri dan juga kerana pendekatannya yang moden terhadap sejarah.
11. Dervish Vehdati (1869 - 1909) dilahirkan di Pulau Saipres (Cyprus). Ia menghafal Al-Quran ketika berumur 14 tahun. Ia alim dalam bahasa Arab dan ilmu Fiqh. Beliau bertugas sebagai Imam masjid Istanbul. Parti Ittihadi Muhammadi diasaskan oleh beliau. Ia juga menjadi pengasas akbar ‘Volkan’ (Gunung Berapi). Beliau malarikan diri ke Izmir lantaran penglibatannya dalam peristiwa 31hb. Mac, 1908. Walau bagaimanapun, beliau dapat ditangkap dan dihukum gantung di Ayasofia Meydan oleh Mahkamah Tentera.
12. Ziya Gokalp (1876 — 1924) dilahirkan di Diyarbakir. Beliaulah pengasas fahaman kebangsaan Turki. Ia juga adalah orang yang mendalangi usaha-usaha pembaharuan Mustafa Kamal - lebih-lebih lagi perkara yang menyentuh fahaman kebangsaan dan sekularisme. Beliau menjadi pengarang beberapa buah buku. Karyanya yang paling terkenal ialah ‘Turkulugun Esaslar’ (Asas-asas fahaman kebangsaan Turki).
13. Kizil Elma (Epal Merah) adalah satu istilah yang melambangkan cita-cita orang Turki serenjak dahulu lagi. Ia ditafsirkan dengan berbagai cara. Kadang-kadang ia disamakan dengan Turan, iaitu sebuah bumi bertuah di Asia Tengah. Ada pula mentafsirkan Kizil Elma ini sebagai bandaraya Rom yang menjadi cita-cita penaklukan kerajaan Turki Bani Uthmaniali

Pada awal abad dua puluh ini, pejuang-pejuang kebangsaan Turki memberi perhatian teliti pada falsafah Kizil Elma ini. Ziya Gokalp menghuraikan istilah Kizil Elma ini dengan begitu indah sekali dalam sajaknya yang bertajuk dengan nama yang sama - iaitu 'Kizil Elma'. Cerpenis Turki terkenal, iaitu Omar (1884 — 1920) mentafsir Kizil Elmania dalam cerpennya yang bertajuk 'Kizil Elma Neredir' (Di manakah Kizil Elma).

14. Sultan Muhammad Reshad (1814 — 1918), juga terkenal dengan nama Muhammad Kelima. Beliau adalah Sultan Kerajaan Turki Bani Uthmaniah yang ke tiga puluh lima. Ia juga adalah adik pada Sultan Abdul Hamid Kedua. Apabila Sultan Abdul Hamid Kedua dijungkung dalam tahun 1909, Muhammad Reshad telah dilantik menggantikan abangnya. Sultan Muhammad Reshad meninggal dunia tiga bulan sebelum genjatan senjata diistiharkan dan digantikan oleh adiknya. Sultan Muhammad Keenam (1918 — 1922). Sultan Muhammad Keenam ini dikenali juga dengan gelaran Sultan Wahiduddin dan beliaulah Sultan Kerajaan Bani Uthmaniah yang terakhir sekali.
15. Mustafa Khairi Affandi (1867 - 1921) adalah anggota Parti 'Anjuman Ittihadi wa Taraqqi' dan juga ahli parlimen kerajaan Turki Uthmaniah. Beliau pemah bertugas sebagai Menteri Wakf dan juga anggota Lembaga Keadilan dan pengurus 'Shuraye Daulat' (Majlis Syura) dari tahun 1910 hingga tahun 1914. Beliau menjadi Syeikhul Islam dari tahun 1914 hingga tahun 1916. Banyak juga usaha-usaha membina yang dijalankannya ketika menjadi Menteri Wakaf.
16. Syed Ahmad as-Syarif as-Sanusi (1873 — 1933) adalah abang pupu pada Syed Muhammad al-Idris as-Sanusi yang kemudiannya menjadi Raja Libya. Syed Ahmad as-Syarif membantu Mustafa Kamal dalam perang kemerdekaan Turki dengan harapan Turki akan membantunya kelak dalam menghadapi ancaman penjajahan Itali di Libya. Gerakan Sanusi di Libya ketika itu sedang menghadapi ancaman penjajahan Itali di bawah pimpinan Jeneral Graziarmi. Dua pemimpin besar Gerakan Sanusi yang menghadapi ancaman Itali di Libya ketika itu ialah Syed Muhammad al-Idris dan Umar al-Mukhtar (iaitu 'Singa Libya'). Selepas Turki berjaya dibebaskan dari ancaman penjajahan Greek, nyatalah harapan Syed Ahmad as-Syarif meleset kerana Mustafa Kamal menjalankan pembaharuan-pembaharuan yang bertentangan dengan Islam. Syed Ahmad as-Syarif berpindah ke Mekah dalam keadaan kecewa dan meninggal dunia di sana pada tahun 1933.
17. Muhammad Asad Affandi (1846 - 1933) menjadi Syeikhul Islam dari tahun 1913 hingga tahun 1914.
18. Chamlja ialah sebuah tempat berkelah di Istanbul. Ia merupakan sebuah bukit yang diitupi oleh hutan pokok Pine (Pain). Ustaz Sa'id Nursi tinggal

- bersama-sama anak saudaranya, laitu Abdui Rahman di salah satu penjuru kawasan tersebut.
19. Syeikh Basir adalah anggota parhmen kerajaan Turki Uthmaniah dari Halab (Aleppo), Syria (Sham). Syeikh Badruddin adalah seorang ulama dari Syria. Kedua mereka ini adalah di antara anggota Darul Hikmah al- Islamiah yang berketurunan Arab. Ularna dan pemimpin Syria terkenal, iaitu Syeikh Amir, Syakib Arsalan, adalah anggota parlimen Kerajaan Turki Uthmaniah dari Syria. Boliau hadhir ketika Darul Hikmah al- Islamiah dibincang dari diluluskan di Parliment Turki.
  20. ismail Haqqi Izmirii (1868 - 1946) talah Pengurus Jabatan Illahiyyah, Universiti Istanbui. Beliau mengarang sejumlah tiga puluh empat buah buku mengenai Islam dan falsafah. Jumlah buku daiam perpustakaan perbadinya iaJah empat ribu buah. Bukunya ini kini menjadi sebahagian dari Perpustakaan Sulaiman di Istanbui.
  21. Almalili Muhammad Hamdi Yazir (1879 - 1942) adalah seorang yang berilmu tinggi. Beliau menjadi anggota Parliment Turki Uthmaniah. Di samping itu, beliau juga bertugas sebagai Ketua Darul Hikmah al-Islamiah dan juga sebagai Menteri Wakaf. Beliau adaiah pengarang tafsir Al-Quran dalam bahasa Turki yang berjumlah lapan jilid semuanya, Tafsir ini diterbitkan oleh Kementerian Hal Ehwal Agama Turki.
  22. Umar Farid Kam (1861 - 1944) bertugas sebagai pensyarah Kesusteraan selain lapan belas tahun di Universiti Istanbui. Belian meminati kesusteraan Farsi dan Falsafah,
  23. Mustafa Sabri (1869 - 1954) menjadi Syeikhul Islam dari tahun 1919 hingga tahun 1920. Beliau adaiah seorang ulama besar dan inengarang dua belas buah buku dalam bahasa Turki dan Arab. Sebahagian daripada bukunya menyentuh tajuktajuk yang hangatketika itu. Beliau menentang usaha-usaha pembahiaruan Mustafa Kamai dan berpindah ke Mesir. Waiauhagaimanapun ia disalahkan kerana menandarangani Perjanjian sevres yang memalukan itu.
  24. Muhammad Akif Irsoy (1873 - 1936) adalah penyajak Islam Turki termasyur. Beiau sezaman dengar Dr. Muhamnad Iqbal, iaitu penyajak Islain Pakistan. Akif mengkaji sajak Iqbal yang berbahasa Farsi iln. Akif ada- lah penggubai 'Istiklal Marshi', iaitu lagu kebangsaan Turki.
  25. Musa Khaziin (1858 - 1920) menjadi Syeikhul Islam dari bulan julai hingga bulan Disember, 1911 dan dari bulan Mei, 1916 hingga hulan Oktober, 1918,
  26. Janab Shahabuddin (1870 - 1934) ialah seorang penyajak Turki terkemuka.
  27. **Jeneral Fauzi Chakmak Pasha** (1876-1950) bersama-sama dengan Mustafa

Kamal Pasha (ataturk) dan Ismet Inonu merupakan tiga orang pengasas Republik Turki. ia dilantik menjadi Marshal selepas Perang Sakarya dalam tahun 1922. Beliau menjadi Ketua Turus Tentera Darat dari tahun 1922 hingga tahun 1944, Dalam tahun 1946, ia terpilih menjadi ahli Perhimpunan Agung Kebangsaan Turki (Parlimen) sebagai anggota bebas yang disokong oleh Parti Demokrat. Dalam tahun 1948, beliau dilantik menjadi Presiden Kehormat Parti Millat. Beliau adalah seorang yang kuat mengamalkan suruhan-suruhan agama berbanding dengan Mustafa Kemal dan Ismet Inonu yang tidak memperdulikan agama. Ia mati pada 10hb. April, 1950

28. Haji Bayram iialah sebuah tempat yang bersejarah di Ankara. Tempat ini mengambil sempena nama Haji Bayram Wali (1332 - 1429), laitu seorang wali Turki yang terkenal Kubur dan masjid wali ini terletak di dalam kawasan ini.
29. Jeneral Kazim Karabakir Pasha (1882 - 1948) ialah Ketua Tentera Turki di medan perang Kaukasia pada penghujung Perang Dunia Pertama. Beliau berjaya membebaskan wilayah Kars dan Ardhan dari penguasaan orang-orang Armenia lantaran itu ia dikenali dengan gelaran 'Penakluk Tiinur'. Kazim Karabakir adalah orang pertama yang menyusun gerakan pembebasan di Turki Timur. Beliau membantu Mustafa Kamal dengan bala tentera-nya yang cukup tersusun rapi. Dalam Perhimpunan Agung Kebangsaan, beliun adalah Ketua Parti Kemajuan. Parti ini diharamkan apabila satu pakaian unluk membunuh Mustafa Kainal telah didedahkan. Kazim karabakir pun ditahan tetapi penglibatannya dalam pakatan tersebut tidak dapat dibuktikan. Ia pun dibebaskan setelah lakyat menunjuk perasaan menyokongnya. Walau bagaimanapun, ia telah diberhentikan dari berkhidmat dalam angkatan tentera dengan berpencen. Selepas Mustafa Kamal mati, ia dipilih menjadi ahli parlimen Turki dalam tahun 1939. Beliau mengarang dua belas buah buku menganai sejarah perang, pendidikan dan ekonomi. Di sanping itu, ada banyak lagi karya beliau menganai sejarah perang, ketenteraan dan kemasyarakatan yang belum lagi diterbitkan. Buku yang terkenal ialah Asas-asas Perang pembebasan Kita' telah dirampas dan dibakar oleh kerajaan furki dalam tahun 1933 tetapi anak-anak perempuannya telah mencekat semula buku tersebut dalam tahun 1940.
30. Said Halim Pasha (1863 - 1921) adalah cucu pada Muhammad Ali Pasha, iaitu Gubemur Kerajaan Uthmaniah di Mesir, Ayahnya, Halim Pasha (mati dalam tahun 1894) adalah anak pada Muhammad Ali Pasha yang Keempat. Sa'id Halim Pasha berkhidmat dalam Majlis Syura (syurayi-Daulat) Kerajaan Uthmaniah. Pada mulanya ia menjadi ahli biasa Majlis tersebut, telapi kemudiannya ia menjadi Yang Di Pertuanya.

Seipas Maiimud Shaukat Pasha dibunuh, Sa'id Halim Pasha dilantik menjadi Sadri Azam (Perdana Menteri) pada 13hb. Jun, 1913. Beliau memegang teraju ini sehingga bulan Januari, 1916, Setelah negara Turki kalah dalam Perang Dunia Pertama, beliau dibuang ke Pulau Malta oleh kerajaan British pada bulan Mei, 1919. Seipas saja ia dibebaskan, ia telah ditembak mati oleh seorang penggalas Armenia di bandaraya Rom pada 6hb. Disember, 1921. Sa'id Halim Pasha adaiyah seorang yang sangat alim. Di samping menguasai bahasa ibundanya, itu bahasa Turki, ia juga menguasai baliasa-bahasa Arab, Parsi dan Perancis. Beliau adalah saiah seorang ahli fikir Isiam negara Turki moden yang terkemuka. Beliau menghuraikan perbezaan pada masalah politik dan kemasyarakatan yang dihadapi oleh Turki. dan Dunia Islam ketika itu melalui kaca mata Islam. Hal ini termuat dalam beberapa makailaknya yang terhimpun dalam bukunya yang bertajuk 'Buhraniarimiz' (Pertikaian-pertikaian kita).

Ahmad Na'im (1872 - 1934) ialah seorang pensyarah ilmu falsafah dan logik di Universiti Istanbul. Beliau menguasai bahasa-baliasa Arab, Parsi dan Perancis. Buku-buku beliau yang terpenting ialah 'Islam da Davayi Kaumiyet (Isiam dan Kebangsaan) dan 'Akhlaqi Islamiyye Esasleri' (Asas-asas Akhlak Islam). Beliau juga menentang pandangan-pandangan penyajak Turki, iaitu Taufiq Fikral, yang berunsur atheist itu. Selain itu, beliau juga menterjemah kitab 'Tajridi Bukhari' dari bahasa Arab ke bahasa Turki.

Ashraf Adip (1882 - 1971) adalah salah seorang wartawan, pengarang dan penerbit buku yang terkemuka di abad ini. Beliaulah yang mengasaskan akalbar mmguan 'Sebilurreshad' yang dimulai pada 14hb. Ogos, 1908 di bawah nama 'Sirati Mustaqim\ Selepas tujuh jilid, nama tadi pun ditukar ke 'Sebilurreshad\ Akhbar ini diterbitkan sehingga 5hb. Mac, 1925. Akhbar ini dan juga majallah serta akhbar isiam yang lain telah ditutup di bawah 'Undang-undang Keselamatan Awam' (Akta Kese- lamatan Dalam Negeri Turki). Waktu kerajaan Berparti banyak me- merintah. 'Sebilurreshad' diterbitkan semula - iaitu pada 1hb. Mei, 1948 sehingga kematian pengasasnya, iaitu Ashraf Adip, Dari tahun 1908 hingga talian 1925, \Sebilurreshad' merupakan salah satu akhbar mingguan Turki yang paling luas penyibarannya. Ia terkenal dan tersibar luas bukan saja di Turki, bahkan di negara Russia pun begitu. Kepentingannya dalam negara Turki samalah dengan kepentingan akhbar Maulana Abul Kalarn yang bernama Ai-Hilal di benua India, ia merupakan akhbar Islam yang paling berpengaruh di Turki. Walaupun dari tahun 1948 hingga tahun 1971, Sebilurreshad meneruskan peranannya sebagai penyuarai pendapat Isiam, akan tetapi pengaruhnya telah berkurangan. Walau bagaimanapun akhbar ini adalah penyokong kuat Ustaz Sa'id Nursi di Turki. Ashraf Adip juga adalah seorang pengarang yang terkemuka. Karya beliau mtMir' nai uwayat hidup penyajak Turki terkenal — iaitu Muhammad

Akif Irsoy, adalali di antara sejarah hidup penyajak tersebut yang paling baik pernah ditulis. Ashraf Adip juga menulis sebuah buku yang membuat perbandingan antara Akif dan Taufiq Pikrah Dia juga menulis beberapa buah buku kecil mempertahankan Ustaz Sa'id Nursi. Syarikat Penerbitan Sebilulreshad juga menterjemah dan menerbitkan riwayat hidup Rasulullah s.a.w. dan Saidina Umar al-Khattab yang ditulis dalam bahasa Urdu oleh Maulana Shibli. Syarikat ini juga menerbit dan menterjemahkan ke bahasa Turki 'Riwayat Hidup Para Sahabat' oleh Daru! Musannifm, Azamgarh, India.

Muhamrnad Shamsuddin Gunaltay (1883 - 1961) ialah seorang ahli politik dan ahli sejarah ternama. Beliau mengajar Sejarah Turki dan Islam di Universiti Istanbul dan di Madrasah Sulaimaniah pula beliau mengajar sejarah falsafah agama dan Islam. Pada akhirnya, beliau berkhidmat sebagai Dekan Pakulti Illahiyah di Universiti Istanbul. Ia juga pernah menjadi ahli parlimen ketika Kerajaan Uthmaniah dan kerajaan Repablikan memerintah. Ia pernah menjadi Pengurus Persatuan Sejarah Turki. Di samping itu, beliau juga pemah menjadi Perdana Menteri selama beberapa bulan dalam kabinet Kerajaan Parti Repablikan Rakyat pada tahun 1950. Di antara karya-karya beliau iaiah 'Dari Dahulu Hingga Sekarang', 'Dan Kegelapan kepada Kecerahan', 'Dari Dongeng kepada Kenyataan', "Sejarah Turki secara Terperinci" (sebanyak lima jilid), 'Sejarah Agama-agama', 'Sejarah Islarn', 'Sejarah Timur Jauh', 'Sejarah Syria', 'Sejarah Timur Dekat', 'Sejarah Mesopotamia Kuno\ 'Sejarah Islam dan ahli-ahJi Sejarah' dan lain-lam. Tiga bukunya yang pertama, muia diterbitkan dalam 'Sebi- lurreshad" secara bersiri.

Ahmad Riza (1859 - 1930) adalah ketua 'Anjuman Ittihadi wa Taraqqi' cawangan Paris. Beliau juga adalah pengarang akhbar 'Meshveret' yang diterbitkannya di Paris. Dalam tahun 1908, selepas dua puluh tahun dalam buangan, beliau kembali ke Turki. Ia pemah menjadi ahli parlimen Kerajaan Uthmaniah dan juga ahli Parlimen Kerajaan Repablik Turki. Beliau adalah penyokong fahaman positisma (positivism) yang dibawa oleh ahli falsafah Perancis yang bernama Auguste Comte. Makallah- makalahnya yang diterbitkan dalam 'Meshveret\ dianggap penting bagi pelajar-pelajar sejarah Turki Moden Di samping itu, beliau juga menuhs buku-buku kecil bertajuk 'Raja dan putera-putera', 'Askar', 'Wanita' dan 'Islam dan tolak ansur'.

Abdullah Jevdet (1869 — 1932) adalah salali seorang pengasas Parti 'Anjuman Ittihadi wa Taraqqi'. Ia lari ke Eropah dalam tahun 1897. Dalam tahun 1904, beliau mula menerbitkan majallaluiya yang terkenaJ iaitu Ijtiliad di Geneva. Majallah ini diterbitkan dengan gangguan gangguan selama dua puluh lapan tahun. Majallah mi diterbitkan di Kaherah dari tahun 1905 hingga tahun 1911 dan di Istanbul dari tahun 1911 hingga tahun 1932. Beliau mengarang dan menteriemah sebsnyak

tujuh puluh buali buku. Beliau juga menterjemah buku ‘Sejarah Islam’ yang dikarang oleh orientalis Belanda yang bernama Reinhart Dozy (1820 1883). Abdullah Jevdet datang dari keluarga yang kuat beipegang pada agama tetapi ia menjadi Atheis lantaran pengaruh Reinhart Dozy. Walau bagaimanapun, di hari-hari akhirnya, beliau mengakui kemungkinan adanya hari akhir setelah membaca karya Ustaz Sa’id Nursi yang bertajuk ‘Hashir Risale’.

36. Jalal Nuri (1882 - 1939) adalah seorang wartawan dan cendikiawan yang terkemuka. Beliau menulis tiga buku makallah dalam majallah-majallah Turki dan Perancis. Di samping itu, beliau menjadi pengarang pada tiga puluh buah buku. Ia pernah menjadi alili parlimen kerajaan Uthmaniah dan Kerajaan Republik Turki. Jalal Nuri menjadi penerbit pada akhbar mingguan ‘Edebiyat-e-Umumiye’ dan aklibar harian ‘Ati’ yang kemudiannya ditukar ke nama ‘Leri’ (Akan Datang). Di antara bukunya yang penting ialah Ttihad-i-Islam\ ‘Khatimul AMbia\ ‘Turk Inqilab\ ‘Sejarah Kemerosotan Kerajaan Uthmaniah’ dan lain-lain lagi. Dalam penulisan-penulisannya, ia membincangkan segala masalah-masalah masyarakat ketika itu. Pada mulanya ia menganut fahaman islam Moden’ tetapi kemudiannya ia bersikap ‘Sosialis Islam\
37. Kilijzade Hakki (dilahirkan pada tahun 1872) adalah penyokong kuat parti ‘Anjuman Ittihadi wa Taraqqi\ la menentang gulungan fahaman iama (konservatif) dan gulungan ulama. Beliau ialah penerbit akhbar ‘Nur Ftker\ Di antara hasil-hasil penulisannya ialah ‘Perang Menentang Keyakinan-keyakinan Paisu’ dan ‘Jawapan Terakliir Para Ulama\
38. Turk Yurdus (Bumi Turki) ialah lidah resmi ‘Turk Ojak’ (Kelab Turki) — iaitu pengganti ‘Turk Derngi (Persatuan Turki). Turk Yurdus mula diterbitkan dalam tahun 1911 dan berterusan sehingga tahun 1968 tanpa sebarang gangguan. Turk Ojak dan Turk Yurdus main peranan penting dalam usaha membangkitkan fahaman kebangsaan Turki dan fahaman sekularisme. Turk (>jak juga menerbitkan majalah Islam Mejmuasi dua rninggu sekali. Majallali ini diterbitkan oleh Ziya Gokalp dengan bantuan kewangan daripada Parti Anjuman Ittihacii wa Taraqqi. ia diterbitkan dan tahun 1914 hingga tahun 1918. Tujuan utama majallah ini diterbitkan ialah untuk menentang gulungan Jarna (konservatif) dan mentafsir Islam dari kaca mata fahaman kemodenan.
39. Ali Fuad Jebesoy adalah pemerintah medan barat ketika Perang Pembebasan Turki dan ia juga menjadi alili parlimen Turki (iaitu Perhimpunan Agung Kebangsaan).
40. Huseyin Rauf Orbav (1887 — 1967) menjadi terkenal ketika Perang Tripoli dan Perang Balkan. Waktu itu beliau menjadi Ketua kapal perang

Turki yang bernama 'Hamidia'. Ketika Perang Pembebasan Turki, ia dipilih menjadi Pengurus Perhimpunan Agung Kebangsaan. Rauf Orbay adalah Perdana Menteri Republik Turki ketika Persidangan Lausanne berjalan. Ia dituduh terlibat dalam pakatan membunuh Mustafa Kamal tetapi telah dibebaskan oleh Mahkamah Istaklal. Walau bagaimanapun ia dipaksa berada dalam buangan dari tahun 1926 hingga tahun 1936.

41. Jeneral Rifat Pasha, Jeneral Jaafar Tayyar Pasha (1877 - 1958) dan Jeneral Nuruddin (Nuruttin) Pasha (1873 - 1932) adalah pahlawan-pahlawan dalam Perang Pen bebasan Turki. Kesemua mereka dituduh terlibat dalam pakatan hendak membunuh Mustafa Kamal tetapi telah dibebaskan oleh Mahkamah. Walau bagaimanapun perkhidmatan mereka dalam tentera telah diberhentikan dengan berpencen.
42. Abdul Haq Adnan Adivar (1881 - 1955) adalah suami pada Khalida Adip. Di samping itu, ia adalah seorang cendikiawan terkemuka. Ia menjadi Menteri Kesihatan dalam Kerajaan Ankara, ia dibuang bersama isterinya dalam tahun 1926 dan dibenarkan kembali ke Turki dalam tahun 1938, setelah Mustafa Kamal mati. Adnan Adivar ialah pengarang buku 'Sains di bawah Kerajaan Uthmaniah' dan buku 'Sains dan Din'.
43. Dalam tahun 1925, semua kumpulan-kumpulan Sufi diharamkan dan rumah-rumah musafir ditutup.
44. Dalam majallah bulanan 'Nur' yang diterbitkan pada bulan November, 1975.
45. Ketika Hasan Tahsin Bangoglu menjadi Menteri Pelajaran Turki, pendidikan agama mula diperkenalkan semula pada darjah empat dan lima. Hal ini berlaku antara tahun 1948 dan tahun 1950. Dalam masa yang sama juga, Sekolah Imam Khatib yang pertama telah didirikan. Beliau juga menyediakan rangka bagi menubuhkan Jabatan-jabatan Uahiyah di Universiti-universiti. Hasan Tahsin ialah seorang pakar bahasa dan ia menentang penggunaan kekerasan dalam membawa pembaharuan pada baliasa.
46. Dalam buku 'Badiuzzaman Sa'id Nursi' oleh Najmuddin Shahiner, mukasurat 357. Dalam buku ini Shahiner berkata, "Beratus-ratus masjid telah ditutup di Anatolia dan masjid-masjid ini telah digunakan untuk tujuan lain."
47. Buyuk Dogu (Timur yang Agung) ialah sebuah akhbar politik dan kesusasteraan. Penerbitannya berterusan dari tahun 1943 hingga tahun 1971. Ia merupakan akhbar mingguan tetapi kadang-kadang ia diterbitkan setiap hari. Akhbar ini memberi kesan yang hebat terhadap

kesusasteraan Turki. Di samping itu, akiibar ini juga main peranan pentrng dalam memperhebatkan lagi gerakan Islam di Turki. Pemilik dan Penyuntingnya ialah Najib Fazil Kisakurek (dilahirkan dalam tahun 1905 dan masih hidup), iaitu salah seorang penyajak, penulis dan iokoh kesusasteraan Turki rnoden yang paling terkemuka, Semenjak aklur- akhir ini, ia menjadi ahli Parti Milli Salarnat.

48. Ahmad Amin Yalman (1888 — 1972) ialah seorang Yahudi Salonika yang masuk Islam. Beliau adalah pengasas dan penyunting akhbar harian yang bemarna ‘Vatan\ la terkenal dalam dunia kewartawanan Turki.
49. Milliyetciler Dernegi (Persatuan Kebangsaan) diasaskan oleh mereka yang mementingkan Islam di sudut kebangsaan. Dr. Nuruddin Topchu (1909 1975) ialah ahli fikir paling terkemuka dalam kumpulan ini.
50. Jevad Rifat Atilhan iaiah seorang wartawan dan pengarang. Beiiau mengasaskan Parti Islam Deniokrat. Beliau menentang gerakan Zionis dan Preemason.
51. Usta/ Sa'id Nursi dan pengikut-pengikutnya (Thalaba an-Nur) dibebaskan dari 434 kes atau perbiearaan di mahkamah-niahkamah berlainan lantaran karya ‘Risaailan-Nur\ Satu lapuran lengkap mengenali 434 perhicaraan tersebut telah diterbitkan di Turki.
52. Wiltiam- Ewart Gladstone (1809 - 1898) ialah Setiausaha Negara British bagi tanah-tanah jajahannya dari tahun 1845 hingga tahun 1846. Beliau menjadi Perdana Menteri British dalarn tempoh-tempoh berikut: 1868 1874;1880 1886;1892 1894.
53. Ali Fuad Bashgil (1892 - 1967) ialah salah seorang pakar undang-undang Turki yang terkemuka. Ia mendapat ijazah kedoktorannya di Paris. Beliau berkhidmat sebagai Professor Undang-undang Perlernbagaan di Universiti-universiti Ankara dan Istanbul. Dalam tahun 1947, ia menu buhukan ‘Persatuan Kebebasan Berfikir\ Perananriya sangat penting dajam meng\* akhiri perintalian satu parti di Turki dan juga dalam memperkenaikan semula pendidikan agama ke sekolahsekolali Turki. Buku yang terpenting ialah “Din ve Laiklik” (Agama dan Sekularisma) yang diterbitkan dalam tahun'19-55. DaJam buku ini beliau memberi pendapatnya mengenai sekularisma dan pendapatnya ini serupa dengan pendapat Ustaz Sa'id Nursi.
54. Nuruddin Topchu (190<sup>c</sup>) 1975) dianggap ahli fikir Islam Turki yang paling terkemuka selepas Sa'id Halim Pasha. Ikliau mendapat didikan di negara-negara Jerman dan Perancis. Beliau menjadi pengarang beberapa buaii buku. Buku-bukunya yang paling penting ialali ‘Milliyet Ciligimizin

Hadipan<sup>2353</sup>" KehangSaan Kita) dan 'Varmki Turkey' (Turki di rnasa

Untuk mendapat keterangan lanjut niengenai hal mi, sila lihat buku  
Najinuddm Shaluner yang bertajuk: 'Bilimeyen Tarablarivle Badiuz/aman  
mut a **T**, " 5?\_2" dan 325, Kejadian-ke adian luar biasa **dan** sffd oSf"  
" Tariheey Hayaf olch 1)r Tahsin Toia

*Gambar Ustaz Sa‘id Nursi ketika sedang berdo'a dihadapan  
makarh Sidtan Muhammad ul-Fateeh di Istanbul pada tahun 1952.*

*Ustaz Badiuzzaman Sa\*id Nursi ketika tibadi Baria.*

128

*Gambar Ustaz Said Nuni ketika memimpin pasukan  
sukarelawan menentang Rusia.*

129

*Gambar Ustaz Sa'id Nmiyang dianbil oleh pihak Jerman ketika  
heliau melarikan diri dan tahanan tencra Rusia pada tahun 1918*

130

*Carnhar Ustaz Bediuzzaman SaldNursi(yang berdiridisebeiah kananl  
dan anak saudaranya, Abdur-Rahman ketika beiaau menjadi anggota*

*Dand Hikmah ailsiannah.*

*Shcikh Bediuiiaman Sa'id Nursi ketika sedang sembahyang  
sementera menunggu perbicaraannya di Mahkamah Ajyon.*

*Garnhar Shcikh Sa 'id Nursi sedang membela diri dalam  
perbicaraan mengenai hukunya 'Genclik Rehberi 'uan untuuk para  
Pernudaj di Mahkarnah Istanbul pada tahun 1952.*

"Pasha (Mustafa Kamal), sembahyang ialah tanda pertama untuk mengenali seorang Islam. Sesiapa yang menolak sembahyang adalah penderhaka, Memang betul sembahyang adalah soal peribadi, akan tetapi siapakah hendak percaya orang yang tidak menunaikan kewajipan terhadap Allah dapat melaksanakan tugas-tugas negara dengan elok? Memang betul setiap orang bertanggungjawab atas diri masing-masing, akan tetapi apabila setiap orang membentuk satu masyarakat maka tanggungjawab tadi menjadi tanggungjawab bersama. Adalah menjadi kewajipan wakil-wakil negara untuk menjalankan tindakan mereka menurut agama negara mereka. Andainya seseorang manusia, lebih-lebih lagi para wakil sesebuah negara, tidak mahu sujud kepada Allah maka siapakah yang akan' menghalang mereka daripada sujud kepada yang pihak yang lain?.."

"Seseorang yang mengambil dunia yang sementara ini sebagai matlamat utamanya, akan mendapat dirinya seolah-olah berada dalam syurga. Akan tetapi, sebenarnya ia sedang berada dalam Neraka. Seseorang yang mengutamakan kehidupan di akhirat akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat."

**M UJADDID ISLAM**

**Penerbitan HtZBi**